

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN PENGHARGAAN	ii
	ABSTRAK	iii
	ABSTRACT	iv
	SENARAI KANDUNGAN	v
	SENARAI JADUAL	ix
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SIMBOL / SINGKATAN	
	xiv	
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Matlamat Kajian	11
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Skop Kajian	11
	1.6 Kepentingan Kajian	12
	1.7 Definisi Konseptual dan Operasional	13
	1.7.1 Sahsiah	13
	1.7.2 Pelajar	14
	1.7.3 Lelaki Lembut	14
	1.7.4 Persepsi	15
	1.7.5 Personaliti	15
	1.7.6 Gaya Hidup	34
	1.7.7 <i>Self-esteem</i>	35
	1.7.8 Imej	38

BAB II	KAJIAN LITERATUR	39
2.1	Pengenalan	39
2.2	Fenomena Transeksual	39
2.3	Teori Perkembangan Peranan Jantina	42
2.3.1	Teori Biologikal	42
2.3.2	Teori Psikoanalisis	43
2.3.3	Teori Psikologikal	43
2.3.4	Teori Pembelajaran Sosial	44
2.3.5	Teori Perkembangan Kognitif	45
2.3.6	Teori Skema Jantina	47
2.4	Tinjauan Kajian-kajian Lepas	50
2.5	Rumusan	57
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	58
3.1	Pengenalan	58
3.2	Reka Bentuk Kajian	58
3.3	Tempat Kajian dan Persampelan	59
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	59
3.4.1	Data Primer	59
3.4.1.1	Soal Selidik	59
3.4.2	Sumber Sekunder	66
3.5	Kaedah Penganalisan Data	66
BAB IV	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	67
4.2	Ciri-ciri Demografi Pelajar Lelaki Lembut	67
4.2.1	Latar Belakang Pelajar Lelaki Lembut	68
4.2.2	Jenis Personaliti	76
4.2.3	Gaya Hidup	77
4.2.4	<i>Self-Esteem</i>	83

4.3	Ciri-ciri Demografi Pelajar-pelajar Bukan Lembut UTM	85
4.3.1	Latar Belakang	85
4.3.2	Analisis Persepsi Pelajar Bukan Lembut UTM Terhadap Pelajar Lelaki Lembut	88
4.4	Ciri-ciri Demografi Staf UTM	93
4.4.1	Latar Belakang Responden	93
4.4.2	Analisis Persepsi Staf UTM Terhadap Pelajar Lelaki Lembut	98
4.5	Analisis Cadangan, Pandangan dan Komen	103
4.5.1	Pandangan dan Komen Pelajar Lelaki Lembut	103
4.5.2	Analisis Pengaruh Pelajar-pelajar Lelaki Lembut Terhadap Pelajar-pelajar Bukan Lembut	104
4.5.3	Analisis Komen Staf UTM Terhadap Imej Pelajar Lelaki Lembut	105

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	106
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	107
5.3	Perbincangan Hasil Kajian Terhadap Golongan Pelajar Lelaki Lembut	107
5.3.1	Latar Belakang	107
5.3.2	Ciri Personaliti	109
5.3.3	Gaya Hidup	111
5.3.4	Tahap <i>Self-Esteem</i>	118
5.4	Perbincangan Persepsi Pelajar-pelajar Bukan Lembut Terhadap Pelajar Lelaki Lembut	119
5.5	Perbincangan Persepsi Staf UTM Terhadap Golongan Pelajar Lelaki Lembut	121
5.6	Rumusan Cadangan, Pandangan dan Komen	125
5.6.1	Pandangan dan Komen Pelajar Lelaki Lembut	125
5.6.2	Rumusan Pandangan dan Cadangan Pelajar-Pelajar Bukan Lembut UTM	129
5.6.3	Rumusan Komen dan Cadangan Staf UTM	131

5.7	Kesimpulan	133
5.8	Cadangan Penyelidik	135
5.9	Cadangan Pengkaji Akan Datang	136
5.10	Masalah Kajian	136
5.11	Penutup	136
BIBLIOGRAFI		138
LAMPIRAN		141

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1:	Taburan Item Dan Pengiraan Skor Jenis Personaliti	61
Jadual 3.2:	Dimensi Gaya Hidup Dan Nombor Item	62
Jadual 3.3:	Pembahagian Julat Skor Mengikut Tahap Gaya Hidup	62
Jadual 3.4:	Pemarkatan Item Positif dan Item Negatif	63
Jadual 3.5:	Pembahagian Julat Skor Mengikut Tahap <i>Self-esteem</i>	63
Jadual 3.6:	Pemarkatan Item Positif dan Item Negatif	64
Jadual 3.7:	Pemarkatan Item Positif dan Item Negatif	65
Jadual 4.1:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut Mengikut Bangsa	68
Jadual 4.2:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut Mengikut Agama	69
Jadual 4.3:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut Mengikut Fakulti	70
Jadual 4.4:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut Mengikut Umur	71
Jadual 4.5:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut Mengikut Tahun Pengajian	71
Jadual 4.6:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pekerjaan Bapa Pelajar Lelaki Lembut	72
Jadual 4.7:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pekerjaan Ibu Pelajar Lelaki Lembut	73
Jadual 4.8:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Sekolah Terakhir	74
Jadual 4.9:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Bilangan Adik-Beradik	74

Jadual 4.10:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Anak Keberapa Dalam Keluarga	75
Jadual 4.11:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Bilangan Adik-beradik Perempuan	76
Jadual 4.13:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Jenis Personaliti Pelajar Lelaki Lembut	77
Jadual 4.13(a):	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Percintaan	78
Jadual 4.13(b):	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Naluri Kewanitaan	79
Jadual 4.13(c):	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Penampilan	79
Jadual 4.13(d):	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Pengaruh Serta Komunikasi Dalam Kumpulan	80
Jadual 4.13(e):	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Kewangan	81
Jadual 4.13(f):	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Pengaruh Luar	82
Jadual 4.13(g):	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Kerohanian	82
Jadual 4.14:	Tahap Gaya Hidup Pelajar Lelaki Lembut	83
Jadual 4.15:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan <i>Self-esteem</i> Pelajar Lelaki Lembut	83
Jadual 4.16:	Tahap <i>Self-esteem</i> Pelajar Lelaki Lembut	84
Jadual 4.17:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar-pelajar Mengikut Bangsa	85
Jadual 4.18:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar-pelajar Mengikut Agama	86

Jadual 4.19:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar-pelajar Mengikut Umur	87
Jadual 4.20:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar-pelajar Mengikut Tahun Pengajian	87
Jadual 4.21:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar-pelajar Mengikut Jantina	88
Jadual 4.22:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Aspek Kefahaman	89
Jadual 4.23:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Kesan Imej	89
Jadual 4.24:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Kesan Akademik Pelajar Lelaki Lembut	91
Jadual 4.25:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar-Pelajar Terhadap Aspek Pencegahan	91
Jadual 4.26:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Hubungan Interpersonal	92
Jadual 4.27:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Staf UTM Mengikut Jantina	94
Jadual 4.28:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Tahap Umur	94
Jadual 4.29:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi	95
Jadual 4.30:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Jawatan	95
Jadual 4.31:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Bahagian Perkhidmatan	97
Jadual 4.32:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Tempoh Perkhidmatan	98
Jadual 4.33:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Staf Terhadap Aspek Kefahaman	99
Jadual 4.34:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Staf Terhadap Aspek Pencegahan	101

Jadual 4.35:	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Staf Terhadap Aspek Kesan Imej	102
Jadual 4.36:	Faktor-faktor Mendorong Menjadi Lelaki Lembut	103
Jadual 4.37:	Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Penerimaan Masyarakat	104
Jadual 4.38:	Pandangan Pelajar-pelajar Bukan Lembut Terhadap Pengaruh Pelajar Lelaki Lembut	105
Jadual 4.39:	Pandangan Staf UTM Terhadap Imej Pelajar Lelaki Lembut	105

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Tindakan Teori Skema Jantina	49

SENARAI SIMBOL / SINGKATAN

%	-	Peratus
/	-	Atau
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
PERKAMA	-	Persatuan Kaunseling Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNIMAS	-	Universiti Malaysia Sarawak
UPSP	-	Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar
PKK	-	Pusat Kaunseling Dan Kerjaya
HEP	-	Hal Ehwal Pelajar
FKA	-	Fakulti Kejuruteraan Awam
FKM	-	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
FP	-	Fakulti Pendidikan
FKSG	-	Fakulti Kejuruteraan Sains Geoinformasi
FKE	-	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
FAB	-	Fakulti Alam Bina
FSKSM	-	Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat
FKKKSA	-	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli
FPPSM	-	Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Manusia
PPIPS	-	Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
SPSS	-	Statistical Package for Social Science
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
KS	-	Kurang Setuju
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju
ISTJ	-	Introverted Sensing Thinking Judging
ISTP	-	Introverted Sensing Thinking Perceiving
ISFJ	-	Introverted Sensing Feeling Judging
ISFP	-	Introverted Sensing Feeling Perceiving

INFJ	-	Introverted iNtuitive Feeling Judging
INFP	-	Introverted iNtuitive Feeling Perceiving
INTJ	-	Introverted iNtuitive Thinking Judging
INTP	-	Introverted iNtuitive Thinking Perceiving
ESTP	-	Extraverted Sensing Thinking Perceiving
ESTJ	-	Extraverted Sensing Thinking Judging
ESFP	-	Extraverted Sensing Feeling Perceiving
ESFJ	-	Extraverted Sensing Feeling Judging
ENFJ	-	Extraverted iNtuitive Feeling Judging
ENFP	-	Extraverted iNtuitive Feeling Perceiving
ENTP	-	Extraverted iNtuitive Thinking Perceiving
ENTJ	-	Extraverted iNtuitive Thinking Judging

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
1	Soal Selidik Pelajar Lelaki Lembut	141
2	Soal Selidik Persepsi Pelajar-pelajar Bukan Lembut UTM	150
3	Soal Selidik Persepsi Staf UTM	154

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah kerana dengan keizinanNya kajian Sahsiyah Pelajar Lelaki Lembut: Suatu Persepsi Masyarakat Kampus UTM ini telah berjaya disiapkan.

Dengan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Teknologi Malaysia, atas sumbangan kewangan yang telah diberikan bagi menjalankan penyelidikan ini. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf fakulti dan bahagian perkhidmatan UTM serta pelajar-pelajar atas segala kerjasama yang telah diberikan sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli penyelidik yang begitu dedikasi, serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan kajian ini. Semoga kajian seumpama ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dan hasil kajian dapat dimanfaatkan oleh pihak UTM ke arah merealisasikan hasrat untuk menjadikan UTM sebuah universiti bertaraf dunia pada tahun 2010 nanti.

Ketua Penyelidik

Puan Fadilah binti Zaini

Penyelidik

Puan Hamidah binti Ab. Rahman (K)

Puan Nor Akmar binti Nordin

Encik Ishak bin Mad Shah

Encik Hamdan bin Abdul Kadir

Encik Mohd. Koharuddin bin Mohd. Balwi

Encik Mohd. Nasir bin Masroom

ABSTRAK

Kajian kes di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sahsiah pelajar lelaki lembut dari aspek personaliti, gaya hidup dan *self-esteem*. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat persepsi pelajar-pelajar bukan lembut dan staf UTM terhadap kewujudan pelajar lelaki lembut di kampus. Untuk tujuan itu satu tinjauan menggunakan soal selidik telah dijalankan ke atas 125 orang pelajar lelaki lembut, 500 orang pelajar bukan lembut dan 460 orang staf di UTM. Set soal selidik untuk pelajar lelaki lembut mengandungi maklumat berkaitan dengan demografi, personaliti, gaya hidup dan *self-esteem*. Kaedah analisis statistik deskriptif menggunakan perisian *SPSS Version 10.0* digunakan bagi menghurai data yang diperolehi. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lelaki lembut memiliki personaliti jenis ESFJ (Pemberi perlindungan) dan ESFP (Pelaksana). Dapatan juga menunjukkan tahap gaya hidup pelajar lelaki lembut adalah tinggi. Ini bermakna golongan pelajar ini mengamalkan gaya hidup seperti wanita dalam kehidupan mereka. Bagaimanapun, keseluruhan pelajar lelaki lembut didapati mempunyai tahap *self-esteem* yang tinggi. Kehadiran pelajar lelaki lembut di UTM dipandang negatif oleh pelajar bukan lembut dan staf UTM kerana golongan pelajar ini boleh mempengaruhi pelajar lain dan imej universiti. Namun begitu, pelajar-pelajar dan staf berpandangan positif bahawa masalah ini masih boleh dibendung daripada terus berleluasa di kampus UTM, Skudai.

ABSTRACT

This study is to examine the sahsiah of cross dresser students in UTM campus which was calculated the element of personality, life style and self-esteem It was also measuring the perception of campus societies toward the existentialism of cross dresser students. 125 cross dresser students selected in this research while 500 UTM's students and 460 UTM's staff was selected randomly. The data collected by using three sets of questionnaire. The cross dresser students have to fulfil the first of questionnaire. The second set of questionnaire fulfilled by UTM's students and the third questionnaire fulfilled by UTM's staff. The data was analysed using SPSS version 10.0. The findings of this study were the cross dresser group score highly on ESFJ and ESFP for personality test. The life-style test for cross dresser group shown the most highly score which it means the life style of cross dresser group associated with the woman lifestyle. However the cross dresser group score highly on self-esteem. This finding also shown that negative perception of campus societies toward cross dresser group but they still have positive perception on several ways to overcome this social problem.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Fenomena lelaki transeksual atau lebih popular dengan gelaran mak nyah sudah wujud sejak lama dahulu. Fenomena ini telah dikesan dalam ketamadunan di seluruh dunia dan ia bukan unik kepada negara-negara tertentu, termasuklah di Malaysia sendiri (Mohd. Yusman *et.al*, 2004, MASSA: 32). Kewujudan golongan mak nyah mencetuskan kontroversi terutamanya di kalangan umat Islam. Fenomena ini perlu diberi perhatian serius dan masyarakat tidak harus membiarkan golongan ini terus hanyut, leka dan alpa dalam pentas kehidupan yang mereka ciptakan.

Manusia telah dilahirkan dengan sifat semulajadinya mengikut kehendak dan ketentuan Allah S.W.T. Allah telah menceritakan proses kejadian manusia dalam surah Al Mukminun ayat 12-14, bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati yang berasal dari tanah; Kemudian Kami jadikan pati itu (setitis) air benih pada tempat penetapan yang kukuh; Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku; Lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; Kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya”.

Maka mereka wajib menerima seadanya segala apa yang telah ditentukan Allah. Allah melaknat sesiapa sahaja yang mengubah kejadian asal dirinya.

Di tengah-tengah kesibukan melayari kehidupan di dunia hari ini, adakalanya manusia lupa akan batas-batas kehidupan sebagai seorang manusia dan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Kealpaan itu menyebabkan ada insan yang tidak mensyukuri nikmat kehidupan itu sendiri. Sebaliknya, membiarkan diri dikuasai syaitan durjana dan tuntutan hawa nafsu semata, seterusnya membawa kepada perlakuan tidak bermoral dalam kehidupan masyarakat. Perlakuan tidak bermoral yang dimaksudkan di sini ialah perbuatan yang melawan fitrah diri sendiri dan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan tabii asal yang dianugerahkan Allah kepadanya. Larangan tersebut boleh dirujuk sepertimana dalam sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud;

“Ada empat golongan manusia yang mendapat murka dan amarah ALLAH. Abu Hurairah bertanya, Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Beliau menjawab, kaum lelaki yang meniru kaum wanita, kaum wanita yang meniru-niru kaum lelaki, orang yang mendatangi (berzina dengan haiwan) dan orang yang mendatangi lelaki (homoseksual)”

(hadis riwayat Al-Thabrani dan Al-Baihaqi)

Hadis tersebut jelas sekali menerangkan pergaulan yang dilarang Allah. Salah satu larangan tersebut ialah fenomena transeksual yang kini begitu hangat diperkatakan oleh masyarakat dunia. Pelbagai reaksi timbul kesan daripada kewujudan golongan ini, ada negara yang pro dan ada negara yang kontra. Menurut Rooth (dalam Khairudin, 1987) sejak abad ke-18 masyarakat Britain lebih bersikap terbuka dengan tidak mengendahkan aktiviti serta tingkah laku mak nyah. Penerimaan yang terbuka oleh masyarakat Britain ini telah menyebabkan mereka diterima oleh masyarakat Eropah. Ekoran itu, pelbagai masalah berkaitan dengan tingkah laku yang menyimpang seperti *transvestic*, homoseksual, gay dan lesbian

mula berleluasa. Malahan masyarakat Barat juga turut memberikan sokongan terhadap pertubuhan dan persatuan rasmi seperti persatuan gay, lesbian, *transvestic* dan homoseksual. Pihak berkuasa juga tidak mengenakan sebarang tindakan dan dendaan terhadap golongan ini menyebabkan mereka bebas untuk membuat apa sahaja tanpa memikirkan aktiviti tersebut adalah satu ancaman sosial.

Di Barat, semua perkembangan tentang golongan mak nyah atau transeksual diketahui kerana masyarakat sedar kegiatan mereka. Isu perkahwinan sejenis ketika ini sedang hangat diperkatakan di peringkat global, khususnya di Amerika Syarikat. Di sana, muncul golongan yang menuntut supaya dihalalkan perkahwinan sejenis oleh golongan gay, lesbian dan mak nyah. Mahkamah di California mencetuskan kontroversi apabila membenarkan perkahwinan sejenis dijalankan oleh pihak berkuasa negeri itu (Mohd. Yusman *et.al*, 2004, MASSA: 33).

Komuniti transeksual terbahagi kepada dua kelompok iaitu pertama, lelaki yang *trans (cross)* kepada wanita (*male to female*) atau dikenali sebagai pondan, bapuk, darai, nyah, *girlie*, *doll* dan *sissy*. Kedua ialah wanita yang *trans* kepada lelaki (*female to male*) seperti *tomboy*, *butch* (di Malaysia, ia dikenali sebagai *pengkid*) dan *transman* (transeksual wanita selepas menjalani pembedahan genital). Lelaki transeksual merupakan lelaki yang beralih sifat/bentuk lelaki dan kekelakiannya (*maleness*) kepada sifat/bentuk wanita dan kewanitaan (*femaleness*). Sebaliknya, wanita transeksual pula ialah songsangan daripada lelaki transeksual tersebut di mana penonjolan imej lelaki lebih terserlah pada diri wanitanya yang selari dengan kehilangan sifat kewanitaan kepada kekelakian (Lukman, 2002)

Dalam Islam, golongan yang mengalami krisis identiti / kekeliruan jantina disebut Khunsa dan Mukhannath (Mak Nyah / transeksual). Khunsa menurut istilah ialah:

- a. Seseorang yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan atau lubang khusus yang terdapat pada tempat kemaluan seperti alat untuk membuang air kencing.
- b. Seseorang yang cacat kejadiannya sehingga tidak dapat dipastikan sama ada dia lelaki atau perempuan. Dengan itu, timbul keraguan sama ada dia lelaki atau perempuan kerana manusia ciptaan Allah tidak lari dari dua jenis ini. Walau bagaimanapun, ia dapat dipastikan melalui tanda-tanda khusus dan andainya tidak dapat dikesan melalui ilmu kedokteran, ia dipanggil Khunsa Musykil.
- c. Seseorang yang mempunyai dua alat kelamin, satunya yang asal dan yang lain sebagai tambahan, kerana manusia itu mesti sama ada lelaki atau perempuan.
- d. Seseorang yang memiliki alat kelamin lelaki dan perempuan atau tiada kedua-duanya tetapi diandaikan sebagai lelaki.

(Md. Ali, 2002)

Mukhannith atau Mukhannath pula ialah seorang 'lelaki' yang mempunyai tingkah laku seperti tingkah laku perempuan sama ada dari segi gerak geri, keadaan, percakapan dan sebagainya. Ia terbahagi kepada dua golongan :

- a. Mereka yang hanya menerima sahaja keadaan tersebut sebagai satu pemberian daripada Allah swt tanpa membuat sebarang tindakan rangsangan untuk menyuburkan lagi keadaan tersebut.
- b. Mereka yang tidak memadai dengan keadaan tersebut, malah bertindak dengan sesuatu yang merangsangkan lagi keadaan tersebut sehingga dalam semua aspek ia bertindak seperti perempuan.

(Md. Ali, 2002)

Dari segi istilah psikologi, terma transeksual digunakan secara lebih spesifik untuk merujuk kepada individu yang sedang atau telah menjalani hidup sebagai jantina berlawanan jenis dan mungkin telah menjalani pembedahan pertukaran alat

kelamin. Menurut Gooren (dalam Roseliza Murni, 2002), transeksual merujuk kepada satu keadaan di mana individu yang mempunyai perbezaan somatik seksual yang kelihatan normal mempunyai keyakinan bahawa beliau sebenarnya adalah dari kalangan jantina yang berlawanan jenis. Keyakinan dan kepercayaan ini pula disertai dengan perasaan kebencian yang mendalam dan keterlaluan terhadap ciri-ciri seksual primer dan sekunder yang dimilikinya. Jelasnya, berlaku ketidakpuasan dari segi psikologikal terhadap jantina biologikal dirinya dan timbul keinginan untuk menjalani kehidupan sebagai jantina berlawanan jenis.

Fenomena pelajar lelaki lembut di universiti sama ada IPTA atau IPTS tidak boleh dibiarkan terus berleluasa. Pendedahan yang berterusan perlu dilakukan dan dibendung di peringkat awal lagi. Seharusnya kita mengambil pedoman dan iktibar dari kaum Luth. Kaum Nabi Luth telah menerima bala dan seksaan daripada Allah di atas perbuatan yang telah mereka lakukan. Allah telah mengutuskan Nabi Luth untuk membimbing dan menolong mereka supaya tidak terpesong dari ajaran Allah, tetapi ajaran dan nasihat Nabi Luth tidak sedikit pun mereka hiraukan malah semakin menjadi-jadi. Akhirnya disebabkan oleh perbuatan terkutuk mereka yang langsung tidak mengendahkan nasihat dan teguran Nabi Luth, maka Allah telah mengazabkan mereka (kaum Nabi Luth) dengan bala yang sangat dahsyat. Allah telah menenggelamkan segala isi bumi ke dalam tanah dan disertakan hujan batu. Kini ia dikenali dengan "Laut Mati".

1.2 Penyataan Masalah

Fenomena transeksual di Malaysia dianggap sebagai gejala kecelaruan jantina atau krisis identiti di mana individu berkenaan mempunyai tingkah laku yang bercanggah dan bertentangan dengan tatacara kehidupan normal seseorang. Keadaan ini menyebabkan masyarakat tidak dapat menerima golongan transeksual ini malah menjadi bahan cemuhan segelintir masyarakat kerana mereka dianggap telah

menyimpang dari norma-norma masyarakat. Mohd. Tajudin (2001), menyatakan bahawa golongan minoriti ini seolah-olah telah dibiarkan terumbang-ambing untuk menentukan hala tuju hidup mereka dalam masyarakat. Lebih malang lagi apabila mereka dibiarkan untuk menyelesaikan masalah yang dialami secara bersendirian tanpa sokongan daripada masyarakat.

Kewujudan kumpulan minoriti ini semakin menyerlah dan membesar dalam masyarakat kita pada hari ini. Ini telah dibuktikan melalui laporan media massa dan juga kajian ilmiah yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji masyarakat berkaitan dengan kecelaruan gender. Sekiranya isu ini tidak dilihat secara terperinci, adalah dikhuatiri yang ianya akan merebak menjadi masalah sosial yang lebih serius. Akibatnya, akan wujud kesan buruk terhadap masyarakat dari pelbagai aspek seperti aspek moral, sosial, kesihatan, keagamaan, perundangan dan ekonomi (Wan Azmi, 1998).

Kajian oleh Yik (1998) mendapati bahawa terdapat seramai 10 000 mak nyah di seluruh negara. Daripada jumlah itu, 70% - 80% adalah Melayu dan selebihnya adalah dari etnik Cina, India dan lain-lain etnik minoriti. Hasil kajian Yik (2001) pula mendapati golongan mak nyah ini menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan disebabkan diskriminasi terhadap seksualiti mereka. Secara umumnya lebih kurang 65% maknyah di Malaysia bekerja sebagai pelacur, 25% bekerja sebagai penghibur kelab-kelab, salon kecantikan dan rambut serta butik, 2% adalah peniaga warung makanan dan 8% bekerja dengan syarikat swasta.

Perolehan data ini membuktikan kepada kita bahawa fenomena ini tidak harus dipandang remeh dan diabaikan begitu sahaja oleh masyarakat. Lukman dan Zuriana (2002) menyatakan bahawa masyarakat pada abad ke-21 tidak lagi boleh memandang remeh persoalan pelacuran kerana kesan perebakan aktiviti pelacuran bukan sahaja memberi impak yang besar terhadap bidang pelacuran itu sendiri tetapi juga masyarakat di sekelilingnya.

Perlakuan transeksual boleh dikatakan satu laluan mudah untuk lelaki *nyah* menceburi bidang pelacuran. Hasil kajian membuktikan aktiviti nyah akan berakhir di lembah pelacuran sekiranya mereka gagal memperoleh pekerjaan untuk menampung kos hidup meskipun mereka memiliki segulung ijazah. Malah, bagi mereka yang tidak mempunyai pendidikan yang baik pula, cabaran yang dihadapi adalah lebih besar. Perbelanjaan yang tinggi diperlukan untuk memenuhi segala kehendak dan keinginan lelaki nyah. Selain barangan asas seperti pakaian dan alat solek, mereka juga memerlukan perubatan dan rawatan hormon pada bahagian badan tertentu untuk menyerlahkan sifat-sifat kewanitaannya. Kos perubatan dan rawatan tersebut akan menjadi lebih tinggi sekiranya mereka tiada pekerjaan, bekerja tidak berdasarkan kelulusan akademik sebenar atau berkelulusan akademik rendah yang melayakkan mereka bekerja sebagai pekerja bawahan. Sehubungan itu, mereka ini akan memasuki lembah pelacuran bagi memenuhi tuntutan fantasi kerana pelacuran adalah tempat yang paling mudah untuk mencari wang (Lukman, 2002).

Perkara yang lebih membimbangkan lagi ialah fenomena transeksualisme telah mula menular di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara. Namun, istilah popular yang digunakan bagi merujuk kepada golongan ini ialah ‘pelajar lelaki lembut’. Peningkatan jumlah pelajar lelaki lembut di kampus perlu diberi perhatian serius, agar fenomena ini tidak menjurus kepada perlakuan yang lebih buruk dan menyumbang kepada peningkatan masalah sosial yang melampaui norma-norma kehidupan dan agama seperti gejala seks luar tabii, homoseksual dan pelacuran seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Fenomena pelajar lelaki lembut di IPTA telah dibincangkan dalam mesyuarat timbalan-timbalan naib canselor IPTA pada tahun 1996 dan 1997. Antara hasil perbincangan mesyuarat mendapati beberapa universiti awam mempunyai jumlah pelajar lelaki lembut paling ramai (Rajmah 2003, Utusan Online). Konvensyen Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) ke-10 pada tahun 2001 yang bertemakan ‘Kaunseling Kecelaru Gender’ juga telah membincangkan isu ini secara mendalam dan serius. Berdasarkan angka tidak rasmi, adalah dianggarkan

bahawa terdapat lebih kurang 500 pelajar seluruh IPTA di Malaysia yang tergolong dalam kategori transeksualisme dan menjurus kepada mengalami kecelaruan gender (Mohd. Tajudin, 2003). Kini, fenomena tersebut telah mendapat perhatian Menteri Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman dalam kenyataannya pada 11 Julai 2003 yang lalu. Dalam kenyataannya, beliau menyeru supaya semua IPT memberi perhatian serius terhadap peningkatan jumlah pelajar lelaki lembut di kampus masing-masing (Rajmah 2003, Utusan Online)

Pelbagai reaksi yang bersifat positif mahupun negatif diterima apabila isu pelajar lelaki lembut dibangkitkan sama ada daripada Persatuan Mahasiswa Universiti, pensyarah-pensyarah berkenaan, media cetak dan elektronik mahupun masyarakat luar. Tidak ketinggalan juga reaksi yang diberikan oleh individu yang tergolong dalam kategori pelajar lelaki lembut ini. Ekoran daripada itu, kajian-kajian ilmiah dan seminar berhubung isu tersebut telah dipergiatkan untuk membincangkan isu ini dengan lebih mendalam dan menjelaskan segala kekeliruan yang timbul.

Pendaftaran masuk para pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) semakin bertambah pada saban tahun dan pihak universiti menerima kemasukan mereka tanpa adanya diskriminasi sama ada dari segi bangsa, agama dan jantina. Dari segenap pelusuk rantau negara para pelajar bernaung di bawah satu bumbung gedung ilmu untuk meneruskan perjuangan mereka dalam menimba ilmu pengetahuan ke peringkat yang sebaik mungkin. Dalam hal ini, tentunya kita dapat menyaksikan pelbagai gaya penampilan atau ciri personaliti pelajar-pelajar yang mungkin berbeza antara satu sama lain sama ada dari segi bertingkah laku, cara berpakaian mahupun pergaulan. Dalam ribuan warga kampus ini, wujud sekumpulan pelajar yang mempunyai ketrampilan berbeza dengan pelajar lain, sehingga mencetuskan konflik identiti.

Menurut Aminuddin (dalam Rahana 2002, Utusan Online) kumpulan pelajar lelaki lembut ini tampil dengan perwatakan, tingkah laku dan gaya yang berlawanan dengan fenomena biasa. Misalnya, pelajar lelaki cenderung berpakaian dan

bertingkah laku seperti perempuan yang dikenali sebagai pelajar lembut, dan sebaliknya pelajar perempuan berpakaian mengikut fesyen dan sikap lelaki yang digelar pelajar keras. Dalam psikologi, fenomena begini dikaitkan dengan aspek transeksualiti. Ia melibatkan konflik identiti tingkah laku jantina yang mungkin berpunca daripada faktor biologi dan emosi secara personaliti.

Pada peringkat awal kemasukan ke universiti, mereka memiliki penampilan dan cara berpakaian normal seperti pelajar lelaki lain. Perwatakan mereka sebagai lelaki lembut belum begitu ketara. Walau bagaimanapun, keadaan tersebut berubah apabila mereka mula mengenali dan bergaul dengan pelajar-pelajar yang sama-sama mempunyai kecenderungan atau keinginan sebagai seorang wanita. Apabila mereka menjalani kehidupan dalam kelompok pelajar yang sama ini menyebabkan mereka seolah-olah tidak ada perasaan segan silu menampilkan diri seperti seorang wanita di hadapan kelompok pelajar yang lain atau ketika menghadiri kuliah. Mereka kelihatan gembira dan seronok ketika berada di dalam kelompok, walaupun menyedari reaksi dan pandangan serong yang diterima daripada masyarakat kampus khususnya.

Senario pelajar lelaki lembut di kampus dapat dilihat menerusi penampilan, gerak geri, percakapan dan tingkah laku mereka. Terdapat golongan pelajar lelaki lembut ini yang berani menggayakan penampilan sebagai seorang wanita bukan sahaja dari segi bertingkah laku seperti wanita malahan turut mengenakan solekan wajah dan memakai aksesori untuk kelihatan anggun dan menarik. Golongan ini juga sangat mementingkan soal kesihatan diri dari segi penjagaan kulit muka, badan dan lain-lain dengan memakan ubat-ubatan yang bersesuaian untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Terdapat juga di kalangan mereka yang mengamalkan pengambilan pil-pil hormon untuk membentuk kulit yang halus serta pertumbuhan payudara (Nor Ba'yah dan Yahaya, 2002).

Pelajar-pelajar lelaki lembut ini lebih suka melibatkan diri di dalam kegiatan ko-kurikulum yang berunsur kesenian dan kebudayaan. Tarian dan drama menjadi pilihan utama melahirkan bakat mereka dan dalam masa yang sama cuba

menampilkan identiti yang selama ini tersembunyi daripada pandangan umum. Tidak dinafikan mereka turut memberi sumbangan menaikkan nama universiti dalam aktiviti ko-kurikulum walaupun dalam masa yang sama mereka ini juga dikatakan boleh menjejaskan imej universiti (Nor Ba'yah dan Yahaya, 2002).

Kehadiran pelajar lelaki lembut telah menimbulkan persoalan terutama berkaitan dengan penerimaan masyarakat kampus terhadap golongan minoriti ini dan juga sebaliknya. Fenomena transeksualiti di kalangan pelajar ini biasanya membawa konotasi negatif dan pandangan serong di kalangan pelajar-pelajar normal, serta pihak pengurusan pelajar. Adakah gaya hidup golongan pelajar lelaki lembut boleh mempengaruhi pelajar-pelajar lain dan memberikan gambaran imej negatif kepada universiti? Atau sikap masyarakat kampus itu sendiri yang memandang serong terhadap golongan ini menyebabkan mereka rasa terpinggir dan sukar untuk membina perhubungan sosial dengan rakan-rakan yang lain? Justeru itu, kajian ini akan cuba mencari jawapan kepada beberapa aspek persoalan kajian seperti :

- i. Bagaimanakah latar belakang, personaliti, gaya hidup dan *self esteem* di kalangan pelajar lelaki lembut?
- ii. Adakah kewujudan golongan pelajar lelaki lembut ini boleh mempengaruhi pelajar-pelajar bukan lembut di universiti?
- iii. Adakah kewujudan golongan pelajar lelaki lembut ini membawa imej negatif kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM)?
- iv. Apakah pandangan staf UTM dan pelajar-pelajar lain terhadap golongan pelajar lelaki lembut ini?
- v. Bagaimanakah cara untuk mengatasi dan membantu golongan pelajar lelaki lembut ini untuk menjalani kehidupan yang sebenarnya?

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini ialah untuk mengkaji sahsiah pelajar lelaki lembut dan persepsi masyarakat kampus terhadap kewujudan pelajar lelaki lembut di UTM. Diharap hasil kajian ini dapat membantu pihak UTM dalam memahami dan menangani masalah pelajar lelaki lembut di UTM, Skudai, Johor.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada matlamat di atas, beberapa objektif kajian telah dikenalpasti bagi memenuhi matlamat kajian ini. Secara terperinci objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- 1.4.1 Menenalpasti ciri-ciri demografi pelajar lelaki lembut
- 1.4.2 Menenalpasti personaliti, gaya hidup dan *self-esteem* pelajar lelaki lembut.
- 1.4.3 Menenalpasti persepsi pelajar-pelajar bukan lembut UTM terhadap pelajar lelaki lembut.
- 1.4.4 Menenalpasti persepsi staf UTM terhadap pelajar lelaki lembut.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Untuk mendapatkan data dan maklumat bagi memenuhi matlamat serta objektif kajian, maka subjek yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar lelaki lembut, pelajar-pelajar bukan lembut dan staf UTM termasuk pensyarah, pengetua kolej, pengurus asrama, penyelia, felo, staf Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar (UPSP) yang kini telah bertukar kepada Pusat Kaunseling Dan Kerjaya (PKK), Hal Ehwal Pelajar

(HEP), Canselori dan Perpustakaan Sultanah Zanariah. Kajian meliputi sepuluh buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Pendidikan (FP), Fakulti Sains (FS), Fakulti Kejuruteraan Sains Geoinformasi (FKSG), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Alam Bina (FAB), Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM), Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli (FKKKSA) dan Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM).

Antara maklumat yang diperlukan dalam kajian ini ialah seperti ciri-ciri demografi pelajar lelaki lembut, ciri-ciri personaliti, gaya hidup, *self esteem* dan faktor-faktor yang mendorong pelajar lelaki menjadi lembut. Kajian ini juga ingin melihat pandangan atau penerimaan masyarakat kampus terhadap pelajar lelaki lembut dari sudut pandangan mereka sendiri. Melalui kajian ini juga, pengkaji ingin mendapatkan pandangan daripada pelajar-pelajar dan staf UTM tentang cara-cara untuk mengatasi masalah kewujudan pelajar lelaki lembut di UTM.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat membantu pihak pengurusan UTM mengenalpasti kewujudan golongan pelajar lelaki lembut di kampus ini dan meninjau sejauh mana pengaruh mereka kepada pelajar-pelajar lain dan juga imej UTM itu sendiri. Di samping, dapat memberi panduan kepada pihak pengurusan universiti dalam usaha untuk membantu menangani fenomena ini. Seterusnya, berupaya mencari alternatif terbaik dan mengambil tindakan sewajarnya terutama dalam memberikan kesedaran kepada golongan pelajar ini melalui kerjasama daripada semua pihak.

Dari segi perkembangan ilmu, diharap hasil kajian ini dapat memperkayakan hasil kajian berkaitan dengan isu-isu di IPTA dan dapat menjadi panduan kepada pengkaji akan datang.

1.7 Definisi Konsep dan Operasional

1.7.1 Sahsiah

Perkataan sahsiah adalah berasal daripada perkataan Arab yang bermakna ‘seseorang’. Menurut al-Khatabi, istilah tersebut dipakai untuk sekujur jasad manusia ataupun perorangan insan/jasmani (Abd. Jalil, 1997).

Istilah ini dalam bahasa Inggeris seringkali diterjemahkan sebagai individual; person; character (of a play); someone; somebody. Kalau dikatakan ahwal al-syakhsiyyah bermakna individuality; personality; personage; distinctive character; identity. Perkataan ini dipakai secara meluas dalam bahasa Melayu, dan ia merujuk kepada keperibadian seseorang. Pembinaan sahsiah dalam erti kata lain ialah pembinaan dan pembentukan keperibadian seseorang insan lahir dan batin selaras dengan fitrah kejadiannya (Abd. Jalil, 1997). Sahsiah yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada kelakuan sifat, sikap, watak dan ciri-ciri khusus di kalangan pelajar lelaki lembut.

1.7.2 Pelajar

Mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 (dalam Noor Aziah, 2002) ‘pelajar’ ditakrifkan sebagai seorang pelajar berdaftar yang sedang mengikuti kursus secara sepenuh masa atau separuh masa di universiti. Dari takrifan di atas, pelajar tidak ditakrifkan mengikut jantina dan dengan demikian ia meliputi seorang pelajar transeksual.

Pelajar dalam konteks kajian ini merujuk kepada pelajar lelaki dan perempuan yang sedang mengikuti pengajian di UTM dalam apa jua bidang pengajian, termasuklah pelajar lelaki lembut.

1.7.3 Lelaki lembut

Lelaki lembut adalah merujuk kepada lelaki yang lebih kepada sifat keperempuanan sama ada dari segi gerak geri, keadaan, percakapan dan sebagainya. Biasanya golongan ini dilahirkan normal sebagai seorang lelaki dan dibentuk oleh ibu sejak mereka berumur 3 tahun lagi (Nooh, 2002). Apabila dewasa naluri mereka yang terarah kepada kewanitaan terus berkembang dan menjadi popular apabila bertemu golongan dalam kumpulan mereka. Golongan ini juga memerlukan kasih sayang dan perhatian daripada teman lelaki yang menjaga golongan ini dan hidup seperti pasangan suami isteri (Nooh, 2002).

Dalam kajian ini, 'lelaki lembut' merujuk kepada pelajar-pelajar lelaki yang memiliki sifat-sifat keperempuanan sama ada dari segi penampilan, percakapan, gerak geri dan sebagainya hasil daripada pemerhatian terhadap golongan ini di kampus. Pengkaji menggunakan gelaran ini bertujuan untuk menjaga imej pelajar berkenaan dan beranggapan bahawa gejala ini belum sampai ke tahap serius seperti berlakunya pembedahan pertukaran jantina di kalangan mereka. Tegasnya, dalam kajian ini istilah pelajar lelaki lembut digunakan merujuk kepada golongan pelajar lelaki lembut yang dikaji.

1.7.4 Persepsi

Persepsi ditakrifkan sebagai proses mengenalpasti, menginterpretasi, menganalisis dan integrasi rangsangan yang melibatkan organ-organ kederaan dan otak (Feldman, 1996). Mahmood Nazar (2001) mendefinisikan persepsi sebagai satu proses yang melebihi tahap pendaftaran rangsangan-rangsangan yang diberikan kepada kita semua. Rangsangan-rangsangan yang diterima perlu dikenalpasti, diinterpretasikan, diorganisasikan, dan difahami supaya makna yang tersirat di sebalik entiti itu diperolehi. Setelah semua ini dilakukan, barulah sesuatu kederaan itu dipersepsi atau diamati oleh manusia.

Dalam konteks kajian ini, persepsi yang dikaji merujuk kepada satu pandangan atau tanggapan yang dibuat melalui proses melihat, mengamati, memahami dan mentafsir fenomena yang dikaji.

1.7.5 Personaliti

Perkataan personaliti mempunyai beberapa pengertian, dan kebanyakan pengertian tersebut boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pengertian pertama personaliti merujuk kepada kemahiran sosial. Personaliti seseorang dinilai melalui cara dia berjaya mendapatkan tindak balas yang positif daripada orang lain dalam pelbagai situasi. Pengertian kedua merujuk kepada personaliti sebagai kesan yang diberikan oleh seseorang tentang dirinya kepada orang lain. Jelasnya, personaliti merujuk kepada penilaian yang dibuat terhadap seseorang (Habibah dan Noran Fauziah, 2002).

Personaliti melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu. Dalam kehidupan sehari-hari, personaliti dikaitkan dengan sifat dan perwatakan seseorang. Biasanya personaliti seseorang itu dapat diketahui melalui gaya percakapan, tingkah

laku, cara bertindak atau cara bekerja (Mohd Salleh, 1999). Personaliti atau sahsiah melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu itu, dan sememangnya mencirikan perbezaan seorang manusia dengan manusia yang lain (Mahmood Nazar, 2001).

Dalam kajian ini, personaliti diukur melalui ujian personaliti *Myers Briggs Type Indicator* (MBTI) yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian ini. MBTI ialah satu laporan inventori personaliti yang direka bentuk untuk memberi maklumat kepada orang ramai tentang jenis psikologikal Jungian. Isabel Briggs Myers dan Katherine Cook Briggs mula membangunkan MBTI pada awal tahun 1940-an supaya teori C.G. Jung tentang personaliti manusia boleh difahami dan digunakan dalam kehidupan seharian. MBTI lebih mengutamakan inventori personaliti asas daripada ukuran sifat (Myers, 1985). Berdasarkan teori ini, sifat individu dipengaruhi oleh salah satu jenis dalam empat alternatif yang ada iaitu:

1. Bagaimana seseorang berurusan – *Extrovert (E)* atau *Introvert (I)*
2. Bagaimana seseorang melihat informasi – *Sensing (S)* atau *iNtuition (N)*
3. Bagaimana seseorang membuat keputusan – *Thinking (T)* atau *Feeling (F)*
4. Cara hidup seseorang – *Judging (J)* atau *Perceiving (P)*

Mengikut Myers (1985), empat jenis dimensi ini boleh digabungkan untuk meninjau personaliti seseorang. Gabungan ini membentuk enam belas jenis personaliti yang nyata dalam Model Jenis Personaliti yang paling diterima umum pada masa kini. Setiap jenis mempunyai perwatakannya yang tersendiri di mana ia boleh dikenal pasti dalam personaliti individu. Terdapat juga persamaan dan perbezaan antara jenis personaliti. Gabungan empat jenis perwatakan iaitu *Extrovert (E)* atau *Introvert (I)*, *Sensing (S)* atau *iNtuitive (N)*, *Thinking (T)* atau *Feeling (F)* dan *Judging (J)* atau *Perceiving (P)* menghasilkan enam belas jenis personaliti iaitu ISTJ, ISTP, ESTP, ESTJ, ISFJ, ISFP, ESFP, ESFJ, INFJ, INFP, ENFP, ENFJ, INTJ, INTP, ENTP dan ENTJ.

1.7.5.1 Introverted Sensing Thinking Judging (ISTJ) – Penyempurna Tugas

Seseorang yang bersifat ISTJ adalah individu yang senyap dan tidak ramah di mana mereka mementingkan kehidupan yang terlindung dan aman. Mereka juga setia, boleh dipercayai dan diharapkan. Mereka mementingkan kejujuran dan keikhlasan. Mereka berperanan sebagai ‘warganegara baik’ yang sememangnya boleh diharapkan untuk melaksanakan sesuatu yang betul bagi keluarga dan komuniti. Golongan ini juga percaya kepada undang-undang dan tradisi. Mereka lebih suka untuk melaksanakan sesuatu berdasarkan prosedur dan perancangan.

Selain itu, mereka yang bersifat ISTJ amat berpegang teguh kepada perkara yang telah dijanjikan. Dengan itu, mereka sering mempunyai bebanan tugas yang banyak. Mereka tidak akan menolak apa-apa sahaja tugas yang diberikan walaupun melebihi had yang mampu ditangani. Walau bagaimanapun, mereka akan menentang untuk menyumbang tenaga ke atas tugas yang tidak menampakkan aplikasi praktikal. Mereka lebih suka bekerja sendiri, tetapi mereka akan cuba bekerjasama jika mereka diminta untuk bekerja dalam kumpulan.

Mereka mungkin mengalami kesukaran untuk memahami teori atau idea yang berbeza daripada perspektif mereka. Kumpulan yang berpersonaliti ISTJ biasanya tidak dapat mengimbangi perasaan diri dengan orang lain. Mereka juga jarang menunjukkan kasih sayang dan emosi kepada orang lain. Namun, pegangan teguh pada tugas dan kebolehan untuk melihat apa yang perlu dilakukan dalam apa jua situasi membolehkan mereka mengatasi kelemahan semula jadi diri.

Mereka berkebolehan dalam menerima sebarang tugas, mendefinisi, mengatur, merancang dan melaksanakannya dengan sempurna. Mereka adalah individu yang rajin di mana mereka akan berusaha mengatasi sebarang rintangan dalam pelaksanaan tugas mereka. Tetapi, mereka tidak akan bangga dengan pencapaian mereka dan memandangnya sebagai tugas yang perlu disempurnakan.

Secara keseluruhannya, kumpulan ini mempunyai potensi yang amat banyak. Mereka mempunyai kemampuan, bertindak secara logik, munasabah dan efektif dalam mewujudkan satu kehidupan yang selamat dan tenang.

1.7.5.2 Extroverted Sensing Feeling Perceiving (ESFP) – Pelaksana

Individu yang berpersonaliti pelaksana suka pada manusia dan pengalaman baru. Mereka mempunyai kemahiran interpersonal yang kuat dan selalu berperanan sebagai pendamai. Oleh sebab mereka membuat keputusan dengan nilai personal sendiri, mereka biasanya amat berbelas kasihan dan bertimbang rasa.

Mereka biasanya bersifat pemurah dan peramah. Pemerhatian mereka yang tajam membolehkan mereka sering menjadi orang pertama yang menyedari apa masalah seseorang sebelum orang lain dapat mengetahuinya dan akan cuba mencari satu penyelesaian baik sejajar dengan keperluan mereka.

Golongan ini memiliki sikap spontan dan optimistik. Mereka suka pada keseronokan. Jika mereka ini tidak membangunkan aspek *thinking* dengan memberi pertimbangan pada proses pemikiran rasional, mereka akan terlalu mengikut pada nafsu dan kepuasan diri melebihi kepentingan tugas dan tanggungjawab mereka. Mereka ini akan mengelak daripada mengambil kira akibat jangka panjang bagi perbuatan mereka.

Bagi mereka yang berpersonaliti ESFP, mereka suka jika menjadi daya tumpuan orang lain dan melaksanakan sesuatu untuk orang lain. Mereka beranggapan kehidupan ialah satu perjumpaan sosial yang berterusan di mana mereka memainkan peranan sebagai pengacara.

Semua orang suka pada orang yang berperwatakan ESFP. Mereka diterima oleh semua orang kerana mereka melayan semua orang sebagai kawannya. Selain itu, mereka bersifat praktikal walaupun mereka tidak suka pada perkara yang telah distrukturkan atau dirancang. Mereka kurang berminat kepada teori. Dengan itu, mereka mungkin menghadapi masalah untuk belajar. Sebaliknya, mereka akan berprestasi baik jika mereka dibenarkan belajar melalui interaksi dengan orang lain.

Memandangkan mereka suka kepada pengalaman baru, maka mereka digalakkan memilih bidang kerjaya yang memerlukan kepelbagaian dan kemahiran personal yang banyak.

Secara keseluruhannya, mereka ini suka pada hidup dan mengetahui bagaimana mencapai keseronokan. Mereka bersikap fleksibel, boleh diubahsuai, berminat pada manusia dan baik hati.

1.7.5.3 Extroverted iNtuitive Thinking Judging (ENTJ) – Eksekutif

Mereka yang bersifat ENTJ adalah pemimpin yang dilahirkan secara semula jadi. Mereka menganggap segala cabaran boleh diatasi dan merekalah yang bertanggungjawab untuk mengatasinya. Mereka mempunyai kebolehan untuk memahami kerumitan dan membuat penilaian dengan cepat serta muktamad.

Kumpulan ini berfokus kepada kerjaya dan mampu menyesuaikan diri dalam persekitaran dunia korporat. Mereka mengenal pasti masalah yang wujud dalam persekitaran di mana mereka dapat menukarnya kepada penyelesaian. Mereka biasanya akan berjaya dalam dunia niaga kerana mereka begitu mahir dalam kepimpinan.

Mereka tidak suka pada kesalahan yang berulang dan tidak sabar terhadap ketidakcekan. Mereka tidak dapat menerima orang yang tidak sependapat dengannya. Mereka mempunyai kuasa personal yang kuat yang akan mendorong mereka dalam mencapai matlamat. Namun, kuasa personal ini mungkin membawa kepada sikap pengagungan diri. Mereka ini individu yang tegas. Mereka membuat keputusan dan menyuarakan pendapat mereka dengan cepat.

Namun, jika seseorang ENTJ tidak membangunkan aspek *iNtuitive* dalam diri, dia akan membuat keputusan dengan gopoh tanpa memahami semua isu dan cara penyelesaian yang mungkin. Pada masa yang sama, mereka yang tidak membangunkan aspek *thinking* akan mempunyai masalah untuk mengaplikasikan logik dalam akal dan selalu membuat keputusan yang salah. Dalam situasi ini, mereka mungkin mempunyai idea yang bagus, tetapi mereka tidak mempunyai kemahiran dalam menentukan apa yang perlu dilakukan.

Golongan ini juga suka berinteraksi dengan orang lain. Dengan sifat *extrovert*, mereka sentiasa bersemangat. Tiada apa-apa yang lebih menarik selain daripada satu perbualan yang mencabar. Secara keseluruhannya, ENTJ bersifat asertif, inovatif, pemikir jarak jauh dan mempunyai kebolehan untuk mengaplikasikan teori dalam pelaksanaan rancangan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

1.7.5.4 Extraverted Sensing Thinking Judging (ESTJ) – Penjaga

Seorang yang berpersonaliti ESTJ hidup dalam dunia yang penuh dengan fakta. Mereka mengawasi persekitaran untuk memastikan segala berjalan dengan lancar dan sistematik. Mereka hormat pada tradisi dan undang-undang serta mempunyai piawai dan kepercayaan. Mereka mempunyai tanggapan yang jelas terhadap bagaimana sesuatu perkara patut dilakukan dan biasanya mereka memainkan peranan sebagai pemimpin.

Mereka yakin pada diri sendiri dan agresif. Mereka berkemahiran untuk membentuk sistem dan merancang bagi menyempurnakan sesuatu tugas khas. Idea mereka boleh diterima kerana mereka biasanya jujur dan ikhlas dalam meluahkan pendapat. ESTJ biasanya menjadi teladan orang ramai dalam masyarakat. Mereka amat komitmen dan selalu menunjukkan teladan yang baik. Mereka suka berinteraksi dengan orang lain.

Namun, adalah penting bagi mereka mengambil kira pandangan orang lain. Jika ESTJ tidak mengambil kira aspek *feeling* dalam diri mereka, mereka mungkin menyakiti perasaan orang lain dengan mengabaikan perasaan sensitiviti mereka. Orang yang berpersonaliti ESTJ bertanggungjawab untuk melakukan segala yang mampu untuk mempercepatkan proses pencapaian matlamat. Kesimpulannya, mereka bersikap cermat, praktikal, realistik dan boleh dipercayai.

1.7.5.5 Introverted Sensing Feeling Judging (ISFJ) – Pengasuh

Orang yang berpersonaliti ISFJ bersifat baik hati, mementingkan keharmonian dan kerjasama serta sensitif terhadap perasaan orang lain. Orang ramai suka pada ISFJ kerana pertimbangan, kesedaran dan kebolehan mereka untuk mencungkil sifat baik seseorang.

Mereka mempunyai sifat dalaman yang tidak mudah dilihat oleh pemerhati. Mereka biasanya mengumpul dan menyimpan maklumat mengenai orang lain dan situasi-situasi yang penting bagi mereka. Oleh itu, tidak hairanlah jika mereka mengingati sesetengah kejadian yang telah berlaku pada beberapa tahun lepas.

Di samping itu, mereka mempunyai idea yang jelas bagaimana sesuatu perkara patut dijalankan. Mereka mementingkan keselamatan, murah hati, hormat kepada tradisi dan peraturan. Mereka percaya bahawa sistem wujud kerana ia

berguna. Dengan itu, mereka tidak suka menghasilkan sesuatu dengan cara baru kecuali terdapat bukti bahawa cara baru lebih baik daripada cara lama yang telah sedia ada.

ISFJ belajar secara praktikal daripada apa yang dilakukan berbanding dengan pengetahuan atau teori daripada buku. Oleh itu, mereka mementingkan aplikasi praktikal. Mereka yang berpersonaliti ISFJ amat bertanggungjawab terhadap tugas. Mereka biasanya akan bersetuju apabila disuruh untuk berbuat sesuatu. Ini mungkin membebaskan mereka. Mereka tidak akan menyuarakan ketidakpuasan mereka kerana mereka tidak suka pada konflik. Oleh itu, mereka perlu belajar untuk mengenal pasti kepentingan keperluan masing-masing jika mereka tidak inginkan kerja yang terlalu banyak.

Kumpulan ini juga memerlukan maklum balas positif daripada orang lain. Jika tiada maklum balas yang positif, mereka akan berasa tersinggung. Secara ringkasnya, ISFJ ialah orang yang mesra, murah hati dan boleh diharapkan. Mereka sensitif terhadap keperluan orang lain dan berkebolehan untuk memastikan segala dengan lancar.

1.7.5.6 Extroverted Sensing Feeling Judging (ESFJ) – Pemberi Perlindungan

Orang yang berpersonaliti ESFJ suka pada manusia. Mereka menggunakan ciri-ciri *sensing* dan *judging* untuk mengumpul maklumat spesifik dan terperinci orang lain. Mereka berupaya untuk mencungkil bakat yang ada pada orang lain. Golongan ini amat bertanggungjawab dan boleh diharapkan. Mereka mementingkan keselamatan dan berfokus kepada ciri kehidupan. Mereka merupakan orang terawal yang mengetahui apa yang perlu dilakukan.

Mereka bersifat mesra dan cergas. Mereka memerlukan pengiktirafan daripada orang lain untuk menunjukkan sejauh mana baiknya mereka. Mereka mendapat kepuasan daripada kegembiraan orang lain dan mengharapkan penghargaan ke atas apa yang telah diberi.

Dengan *extroverted feeling* yang mendominasi personaliti, ESFJ suka 'membaca' fikiran orang lain. Sistem nilai ESFJ bersifat luaran. Biasanya, mereka mempunyai idea yang baik terhadap cara pelaksanaan dan tidak takut untuk mengeluarkan pandangan. Namun, mereka menimbang nilai dan moral berdasarkan pandangan komuniti dan bukannya berdasarkan sistem nilai dalaman diri sendiri.

Extroverted feeling juga mendorong mereka untuk mengawal dan memanipulasi orang lain. Mereka biasanya agak popular dan baik dengan orang lain. Berbeza dengan ENFJ, mereka tidak mempunyai intuisi untuk membantu mereka memahami akibat sebenar daripada perbuatan mereka. Mereka memanipulasi orang lain mengikut kehendak sendiri.

Individu berpersonaliti ESFJ mempunyai kecenderungan untuk mengawal persekitaran. Mereka kurang mengemari perkara yang bersifat abstrak, melibatkan konsep teoritikal atau analisis bukan personal. Mereka suka pada arahan. Mereka juga hormat dan percaya pada undang-undang dan peraturan autoriti. Mereka bersifat tradisional dan lebih suka melaksanakan sesuatu yang telah wujud. Ini mungkin mengakibatkan mereka menerima peraturan secara membuta tuli tanpa menyoal atau memahaminya.

Kesimpulannya, seseorang yang berpersonaliti ESFJ bersifat mesra, bersimpati, saling membantu, bekerjasama, bijaksana dan sebagainya.

1.7.5.7 Introverted Sensing Thinking Perceiving (ISTP) – Mekanik

Orang ISTP mudah memahami bagaimana sesuatu perkara dilakukan. Mereka bagus dalam membuat analisis logikal dan ingin mempraktikkannya dalam aspek yang berkenaan. Mereka suka membahagikan sesuatu perkara kepada beberapa aspek untuk melihat bagaimana ia berfungsi.

Mereka mempunyai semangat ingin mencabar. Disebabkan mereka pandai berdikari, mereka ini memerlukan ruang untuk melaksanakan keputusan mengenai langkah seterusnya. Mereka tidak suka untuk terus tunduk pada peraturan dan undang-undang kerana mereka percaya ini akan menyekat kebolehan mereka untuk melakukan sesuatu. Sikap mereka yang suka pada cabaran menyebabkan mereka cepat berasa bosan.

Golongan ini mempercayai bahawa semua orang harus dilayan dengan adil dan sama taraf. Mereka setia pada kawan dan biasanya mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi dan efektif. Individu yang berpersonaliti ISTP harus mengelak daripada menilai berdasarkan pandangan personal. Penilaian dan keputusan mesti dilakukan dengan adil dan berdasarkan fakta.

Secara ringkasnya, orang yang berpersonaliti ISTP bersikap optimistik, setia, murah hati, saling mempercayai dan sebagainya.

1.7.5.8 Extroverted Sensing Thinking Perceiving (ESTP) – Pelaku

Seorang pelaku suka bercampur gaul dengan orang lain, bersemangat, berterus-terang dan mengambil risiko. Mereka melihat terus pada fakta situasi, memutuskan dengan cepat apa yang patut dilakukan, melaksanakan perbuatan dan beralih ke langkah seterusnya. Seseorang yang berpersonaliti ESTP mempunyai

kebolehan unik untuk memahami tingkah laku dan motivasi orang lain. Mereka mengambil kira tanda-tanda seperti ekspresi muka dan kedudukan status seseorang. Mereka berpegang kuat terhadap apa yang betul dan salah serta menuruti prinsip mereka.

Mereka mempunyai bakat dalam drama dan mahir dalam penyampaian dan penggubah cerita. Mereka cenderung untuk melakukan sesuatu tanpa mengikut rancangan kerana mereka suka kepada keseronokan. Kadang kala, mereka akan menyinggung perasaan orang lain secara tidak sedar kerana mereka tidak mempedulikan kesan sesuatu perkataan kepada orang lain.

ESTP kurang membangunkan aspek *iNtuitive*. Mereka kurang minat terhadap teori dan tidak percaya pada intuisi diri sendiri dan orang lain. Mereka perlu kerja yang sering berubah dan tidak disekat. Mereka merupakan contoh jurujual yang baik di mana mereka tidak suka berhadapan dengan tugas rutin. Sikap semulajadi menjadikan mereka usahawan sejak dari lahir lagi. Mereka sering terangsang dan mempunyai kebolehan untuk memotivasi orang lain. Mereka berorientasikan perbuatan dan cepat membuat keputusan.

Secara keseluruhannya, seseorang yang mengamalkan personaliti ESTP adalah praktikal, pemerhati, suka pada keseronokan, pengambil risiko dan mempunyai kebolehan untuk menghasilkan penyelesaian yang inovatif untuk mengatasi masalah.

1.7.5.9 Introverted Sensing Feeling Perceiving (ISFP) – Artis

Mereka berbakat dalam kesenian terutamanya dalam mencipta sesuatu. Mereka memegang set nilai yang kuat tentang kehidupan mereka. Mereka hidup

berdasarkan apa yang dianggap betul dan menentang terhadap apa-apa sahaja yang bercanggah dengan matlamat mereka.

Individu berpersonaliti ISFP bersifat pendiam, memencilkan diri dan susah difahami. Mereka sering menyimpan idea dan pendapat. Namun, mereka sentiasa baik terhadap orang lain. Mereka berminat untuk memastikan semua orang berada dalam keadaan sejahtera dan gembira.

Mereka suka pada keharmonian alam sekitar. Mereka berdikari dan memerlukan lebih banyak ruang persendirian. Mereka juga adalah individu yang berorientasikan perbuatan dan kurang senang dengan teoritikal, konsep dan idea. Mereka belajar sesuatu melalui pelaksanaan dan mudah berasa bosan terhadap cara pengajaran tradisional.

Mereka juga mudah mengerti perasaan orang lain. Mereka mempunyai fikiran tajam dalam mempersepsi orang lain. Mereka bersikap mesra, berbelas kasihan dan mengambil berat terhadap orang lain. Mereka tidak berminat untuk memimpin dan mengawal orang lain, begitu juga dengan sikap mereka yang tidak suka dipimpin dan dikawal oleh orang lain.

Secara keseluruhannya, individu yang berpersonaliti ISFP berkemahiran dalam mewujudkan satu persekitaran yang artistik. Mereka memandang serius terhadap kehidupan mereka.

1.7.5.10 *Introverted iNtuitive Thinking Judging (INTJ) – Saintis*

Saintis hidup dalam dunia yang penuh dengan idea dan perancangan strategik. Mereka berpengetahuan dan kompetensi. Mereka memerhati persekitaran dan menghasilkan idea. Mereka berupaya untuk mengumpul informasi dan memahami

sesuatu idea baru dengan cepat. Namun, mereka kurang mementingkan pengaplikasian konsep dengan cara yang berguna.

Mereka meletakkan idea mereka untuk rujukan orang ramai. Namun, idea mereka bukan sesuatu yang mudah untuk difahami oleh orang lain kerana konsep dan idea mereka lebih berfokus kepada pandangan individu sahaja. Oleh itu, individu yang berpersonaliti INTJ ini biasanya akan mengeluarkan idea mereka dalam bentuk pelan atau sistem yang lebih mudah untuk dijelaskan.

Mereka merupakan pemimpin yang semulajadi tetapi mereka biasanya tidak suka untuk memimpin. Mereka merupakan perancang strategi yang baik. Mereka lebih berminat untuk membuat keputusan dan menilai. Biasanya, intuisi mereka berkembang dengan cepat dan mereka yakin bahawa mereka sentiasa betul. Selain itu, mereka juga berwawasan, berkeyakinan diri, membuat pertimbangan sewajarnya terhadap sesuatu perkara dan berfikiran jauh. Mereka berpendapat bahawa keefisienan dapat membantu untuk mengukuhkan pemahaman struktur mereka.

Terdapat juga orang yang berpandangan negatif bahawa INTJ berfikir mengikut cara mereka sendiri dan terlalu tegas. Namun, sebenarnya mereka sentiasa terbuka dalam menerima alternatif tentang cara membuat sesuatu. Secara kesimpulannya, INTJ mempunyai kebolehan yang tinggi dalam menyempurnakan tugas. Mereka biasanya merupakan orang yang berkemampuan tinggi dan tidak menghadapi masalah dalam mencapai matlamat kerja atau pembelajaran mereka.

1.7.5.11 Extroverted iNtuitive Thinking Perceiving (ENTP) – Penyokong wawasan

ENTP biasanya lebih berminat untuk memahami persekitaran dunia. Dengan intuisi mereka dalam memproses maklumat, mereka bertindak cepat dan tepat dalam memahami sesuatu situasi. Kebolehan untuk memahami orang lain dan persekitaran

dengan cepat dan mendalam merupakan satu kekuatan yang ada pada mereka. Mereka agak fleksibel dan dapat menyesuaikan diri dengan baik dalam pelbagai tugas. Mereka merupakan individu yang mempunyai banyak idea dan selalu memikirkan alternatif kemungkinan bagi sesuatu. Mereka sentiasa bersemangat dalam idea mereka dan berupaya untuk mempengaruhi orang lain.

Selain itu, mereka kurang berminat dalam membangunkan pelan tindakan atau membuat keputusan. Mereka lebih suka menyumbangkan idea. Ini kerana mereka selalunya aktif dalam memberikan idea tetapi tidak bertindak ke arah pelan tindakan mereka. Oleh itu, mereka perlu berfikir dengan mendalam sebelum memberikan idea untuk memastikan apa yang dirancang akan dapat dilakukan.

Sikap *introverted thinking* yang ada pada personaliti ENTP membantu proses membuat keputusan. Walaupun mereka lebih berminat untuk menyerap informasi daripada membuat keputusan, namun mereka bersifat agak rasional dan logikal dalam membuat kesimpulan. Seseorang yang membangunkan sikapnya dengan baik menjadi berwawasan, inventif dan bercirikan keusahawanan.

Mereka mahir dalam berkomunikasi dan suka berkongsi topik perbualan dengan orang lain. Mereka suka untuk membahaskan sesuatu isu. Kadang kala, mereka berpersonaliti seperti 'peguam' di mana mereka mentafsir sesuatu situasi secara tepat, objektif dan bertindak logikal. Sifat *thinking* yang ada pada diri mereka menyebabkan mereka bertindak dan membuat keputusan berdasarkan peraturan dan undang-undang.

Secara ringkasnya, mereka ialah golongan yang berwawasan dengan mempunyai nilai pengetahuan yang tinggi dan sentiasa cuba meningkatkan pemahaman terhadap orang lain. Mereka hidup dalam situasi yang penuh dengan kemungkinan dan berminat terhadap konsep, cabaran dan kesusahan. Apabila diberi satu masalah, mereka cekap dalam mencari jalan penyelesaian secara kreatif, bijak dan teoritikal.

1.7.5.12 *Introverted iNtuitive Thinking Perceiving (INTP) – Pemikir*

Mereka hidup dalam dunia yang penuh dengan kemungkinan teoritikal. Mereka melihat bagaimana sesuatu dapat dipertingkatkan. Mereka berkeupayaan untuk menganalisis masalah, mengenalpasti ciri-ciri dan memberikan penjelasan logikal.

Mereka memandang tinggi terhadap nilai pengetahuan. Akal mereka sentiasa berfungsi untuk menghasilkan teori baru atau bagi membuktikan teori yang telah wujud. Mereka juga berupaya untuk menganalisis secara objektif dan suka kepada idea baru. Mereka suka berkongsi konsep dengan orang lain. Mereka tidak suka memimpin dan mengawal orang lain. Mereka bersikap toleransi dan fleksibel dalam kebanyakan situasi kecuali mereka berpendapat bahawa cabaran wujud.

Mereka tidak mengambil kira aspek perasaan individu dalam proses membuat keputusan. Mereka tidak menyedari pentingnya untuk mengaplikasikan pertimbangan emosional dalam proses membuat keputusan. Dengan ini, mereka sering mengabaikan perasaan orang lain. Mereka juga mungkin menghadapi masalah untuk bergaul dengan mesra dan merapatkan hubungan sesama diri memandangkan mereka kurang membangunkan aspek *feeling* dalam diri mereka.

Bagi mereka adalah penting untuk menyampaikan idea dan fakta dengan tepat dan ringkas. Kadang kala tanggapan dan idea mereka tidak disokong sepenuhnya oleh orang lain. Oleh itu, adalah perlu bagi mereka untuk menjelaskan tanggapan mereka supaya difahami oleh semua orang kerana sesuatu idea tidak akan berguna jika ia hanya difahami oleh seorang sahaja.

Golongan ini biasanya amat berdikari dan unik. Mereka memiliki perwatakan yang kompleks. Mereka tidak suka untuk mengikut cara tradisional dan ini mendorong mereka untuk sentiasa memikirkan idea dengan cara baru. Akibatnya, banyak penciptaan saintifik adalah dihasilkan oleh individu yang berpersonaliti INTP ini.

Secara ringkasnya, mereka berprestasi baik apabila mengusahakan teori sendiri secara berdikari. Mereka merupakan pembawa idea baru kepada organisasi.

1.7.5.13 *Extroverted iNtuitive Feeling Judging (ENFJ) – Pemberi*

Individu yang berpersonaliti ENFJ merupakan golongan yang memiliki kemahiran interpersonal yang tinggi. Mereka memahami dan mengambil berat terhadap orang lain serta berbakat dalam mencungkil kebolehan orang lain. Mereka berminat untuk memberi kasih sayang dan sokongan kepada orang lain.

Mereka bersikap eksternal di mana mereka berasa sukar untuk hidup bersendirian. Dengan itu, mereka akan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti. Mereka menentukan arah kehidupan diri berdasarkan keperluan orang lain dan kadang kala mengabaikan keperluan diri. Mereka lebih suka menyembunyikan kebolehan diri jika ia akan menjejaskan orang lain menunjukkan kebolehan mereka. Mereka juga mahir dalam menjadi pemangkin perubahan kepada orang lain.

Walaupun mereka sering menyimpan perasaan diri, namun mereka mempunyai pendapat tersendiri. Mereka akan menyampaikan pendapat mereka sekiranya ia tidak terlalu personal. Dalam keadaan tertentu, ENFJ bersikap terbuka dalam menunjukkan maklum balas dan sokongan kepada orang lain.

Kebanyakan orang suka pada orang yang berpersonaliti ENFJ kerana mereka sentiasa memahami, menunjukkan kasih sayang dan ikhlas terhadap orang lain. Mereka amat berkeyakinan dan berkebolehan untuk melakukan pelbagai perkara. Mereka berpotensi, bertenaga dan mahir dalam segala hal yang dapat menarik minat mereka. Di tempat kerja, mereka berurusan dengan orang lain dengan baik. Kebolehan mereka untuk memahami dan menghiburkan orang lain menyebabkan

mereka sesuai dalam tugas kaunseling. Mereka suka menjadi daya tarikan dan berprestasi baik dalam memimpin orang lain.

Mereka amat mementingkan hubungan rapat dan mesra antara individu. Oleh itu, mereka akan berusaha untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan sesama diri. Mereka sangat setia dan boleh dipercayai. Secara keseluruhannya, personaliti mereka menarik, mesra, murah hati dan kreatif. Sikap yang suka membantu orang lain menjadikan mereka sentiasa dihargai.

1.7.5.14 *Introverted iNtuitive Feeling Judging (INFJ) – Pelindung*

Mereka bersifat lemah lembut, berkasih sayang, kompleks, artistik dan kreatif. Jenis personaliti ini hanya menrangkumi satu peratus daripada kesemua jenis personaliti. Ia merupakan antara jenis personaliti yang paling kurang dimiliki oleh individu.

Mereka lebih suka mengurus sesuatu secara sistematik dan teratur. Mereka berusaha untuk mencari satu sistem yang terbaik untuk melakukan sesuatu. Tetapi, jika dilihat dari aspek lain, kadang kalanya, mereka berurusan berdasarkan perasaan mereka tanpa dapat menjelaskan apa sebabnya atau melalui bukti yang jelas. Mereka meletakkan kepercayaan yang tinggi ke atas perasaan mereka. Ini menghasilkan satu konflik dalam diri mereka dengan dunia luar dan menyebabkan mereka tidak secekap individu yang berpersonaliti *judging*.

Walau bagaimanapun, mereka bersikap mesra terhadap sesiapa yang rapat dengannya. Mereka berusaha untuk menjaga perasaan orang lain agar tidak menyakiti mereka. Mereka bersikap sensitif terhadap konflik dan tidak dapat menghadapinya dengan baik.

Oleh sebab mereka mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap kebolehan perasaan mereka, mereka lebih mementingkan naluri diri. Ini menyebabkan mereka agak degil dan mengabaikan pendapat orang lain. Mereka beranggapan bahawa mereka sentiasa betul. Mereka merupakan orang yang mementingkan kesempurnaan. Mereka tidak akan berasa puas hati terhadap apa yang dilakukan. Mereka meletakkan harapan yang tinggi terhadap diri sendiri.

Di tempat kerja, mereka suka bekerja dalam situasi yang dapat menunjukkan kreativiti dan sikap berdikari mereka. Mereka biasanya lebih menceburkan diri dalam bidang pekerjaan yang berorientasikan perkhidmatan. Mereka kurang cekap dalam melaksanakan tugas yang sangat terperinci. Mereka akan berusaha untuk mengelak daripada tugas sebegini.

1.7.5.15 *Extroverted iNtuitive Feeling Perceiving (ENFP) – Pengilham*

Individu berpersonaliti ENFP bersikap mesra, bersemangat dan penuh dengan potensi. Mereka hidup dalam dunia yang penuh dengan kemungkinan dan ghairah dalam mencapai sesuatu. Semangat ingin tahu membolehkan mereka mengilham dan memotivasi orang lain.

Mereka biasanya mempunyai kemahiran dan kebolehan yang luar biasa. Mereka mungkin melaksanakan pelbagai kerjaya sepanjang kehidupan mereka. Mereka kelihatan tidak mempunyai arah tuju, namun sebenarnya mereka bersifat agak konsisten dalam kehidupan mereka. Segala yang dilakukan mesti sejajar dengan nilai diri mereka.

Ini mungkin merupakan masalah bagi mereka kerana mereka memerlukan masa yang panjang untuk memastikan mereka melaksanakan sesuatu yang menepati nilai mereka. Kebanyakan daripada orang yang berpersonaliti ENFP mempunyai

kemahiran personal yang baik. Mereka bersikap mesra dan berminat untuk membina hubungan interpersonal dengan orang lain. Mereka berkebolehan untuk memahami seseorang melalui intuisi mereka setelah berkenalan untuk suatu ketika.

Walaupun bagaimanapun, mereka kadang-kalanya melakukan kesilapan yang serius dalam membuat penilaian. Mereka mungkin akan mengaplikasikan persepsi yang salah apabila mereka membuat kesimpulan. Mereka juga akan berasa tidak senang hati apabila berdepan dengan jadual tugas yang padat. Mereka suka bekerja dalam situasi yang penuh dengan fleksibiliti. Kebanyakan orang yang berpersonaliti ini membuka perniagaan sendiri kerana mereka boleh bekerja dengan produktif walaupun dengan sedikit pengawalan asalkan mereka berminat terhadap apa yang dilakukan.

Secara ringkasnya, mereka ialah golongan yang menarik, berani mengambil risiko, sensitif dan berorientasikan individu. Mereka mempunyai kebolehan untuk memenuhi kehendak diri.

1.7.5.16 *Introverted iNtuitive Feeling Perceiving (INFP) – Idealis*

Individu berpersonaliti INFP pula merupakan individu yang mengejar kesempurnaan, di mana mereka berusaha untuk mencapai matlamat yang telah dikenalpasti. Mereka juga mempunyai sikap intuisi yang tinggi terhadap manusia. Mereka bergantung kepada perasaan diri dalam mencari nilai kehidupan mereka.

Secara umumnya, mereka bersifat bertimbang rasa dan juga pendengar yang baik. Mereka mahir dalam menunjukkan kasih sayang dan pemahaman kepada orang lain. Ini menjadikan mereka tempat pengaduan atau rujukan yang terbaik. Mereka tidak suka pada konflik dan berusaha untuk mengelaknya. Jika terpaksa menghadapinya, mereka akan melihatnya dari perspektif *feeling*. Dalam situasi

konflik, mereka kurang mementingkan siapa yang betul atau salah. Ini kadang kala menyebabkan mereka tidak bersikap rasional dan logikal dalam menghadapi konflik. Namun, mereka selalu memainkan peranan sebagai orang tengah kerana mereka mahir dalam menyelesaikan masalah.

Mereka tidak suka pada fakta yang susah dan logik. Mereka lebih berfokus kepada perasaan dan situasi manusia. Inilah yang menyebabkan mereka sukar untuk membuat penilaian. Kesahan penilaian yang dibuatnya boleh diragui. Mereka sentiasa tidak puas hati terhadap pencapaian diri. Mereka menghadapi masalah untuk bekerja bagi sesuatu projek dalam kumpulan kerana permintaan mereka selalunya lebih tinggi daripada orang lain. Individu ini lebih banyak terlibat dalam bidang tugas berkaitan dengan perkhidmatan sosial seperti kaunseling dan pengajaran.

1.7.6 Gaya Hidup

Ferner (1979) menjelaskan bahawa gaya hidup sebagai pengurusan sumber-sumber kehidupan dengan sesuatu cara yang berkesan, termasuklah masa supaya dapat mencapai matlamat yang ditetapkan. Sementara, Haynes (1989) pula berpendapat gaya hidup sebagai satu proses peribadi dan mestilah sesuai dengan gaya dan keadaan kita.

Gaya hidup yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada cara kehidupan yang dilalui oleh golongan lelaki lembut meliputi beberapa aspek kehidupan termasuklah dari segi percintaan, naluri kewanitaan, penampilan, pengaruh serta komunikasi dalam kumpulan, kewangan, pengaruh luar dan kerohanian.

1.7.7 Self-esteem (Konsep Kendiri / Penghargaan Kendiri)

Konsep kendiri merupakan satu konsep yang penting dalam memahami pembentukan dan perkembangan personal seseorang itu (Sofiah, 1999). Individu biasanya mempunyai konsep kendiri yang tersendiri dan berubah-ubah mengikut pengalaman yang dilalui dan keadaan masa tertentu. Sejak kecil lagi kanak-kanak mempunyai asas konsep kendiri melalui pengalaman kehidupan dengan ibubapanya. Di peringkat remaja, konsep kendiri lebih tertumpu kepada perasaan, kecenderungan, penghargaan dan mencari identiti yang tersendiri (Mohd Salleh, 1999).

Ahli psikologi humanistik, Carl Rogers (1959) menjelaskan bahawa kendiri adalah satu organisasi atau aturan persepsi atau gestalt yang konsisten, termasuklah sebahagian yang ada dalam ruang fenomenal serta hubungan dengan entiti lain seseorang itu yang dilihatnya sebagai “aku”, “saya” atau “diri”. Pada masa yang sama, dalam setiap diri individu itu wujud satu konsep yang digelar oleh Rogers sebagai diri unggul, iaitu bentuk dan konsep kendiri yang amat diingini oleh individu berkenaan. Diri unggul ini mempunyai komponen-komponen seperti persepsi dan makna yang relevan pada individu tersebut serta sesuatu yang amat bernilai pada dirinya (Mahmood Nazar, 2001).

Maslow (1954) menjelaskan bahawa pencapaian penghargaan kendiri membolehkan manusia rasa punyai harga diri, kebolehan, berguna dan boleh berjasa kepada masyarakat. Sementara itu, Amer Shakir (2003) pula menjelaskan konsep kendiri adalah semua persepsi terhadap diri sendiri, dari segi kebolehan, kesukaan, personaliti, kemahiran dan lain-lain lagi. Ringkasnya, bolehlah dikatakan bahawa konsep kendiri ialah perasaan, nilai, matlamat dan juga kepercayaan seseorang terhadap dirinya sebagai seorang yang unik. Ia juga merupakan perasaan penghargaan kendiri dan cara ia melibatkan persepsi terhadap diri di sisi masyarakat. Di samping itu, konsep kendiri juga berkait rapat dengan kekuatan dan kelemahan seseorang (Mohd Salleh, 1999).

Menurut Cohen (dalam Mohd Salleh, 1999) seseorang itu mungkin mempunyai konsep sendiri yang tinggi atau rendah. Maksudnya orang yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi bersifat seperti menghargai diri sendiri, bercita-cita tinggi dan berkebolehan dalam sesuatu bidang. Manakala, bagi individu yang mempunyai konsep sendiri yang rendah cenderung bersifat rendah diri, mudah putus asa dan membenci diri sendiri.

Sementara itu, Saniah dan rakan-rakan (2000) dan Amer Shakir (2003) mengkategorikan konsep sendiri kepada konsep sendiri positif dan konsep sendiri negatif. Konsep sendiri positif dan negatif mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang dalam kehidupannya. Bagaimanapun, tidak wujud perbezaan penggunaan istilah sama ada tinggi atau rendah dan positif atau negatif terhadap tahap konsep sendiri atau penghargaan sendiri seseorang itu kerana ciri-cirinya tetap sama.

Antara ciri-ciri penghargaan sendiri ialah:

1. Kelebihan konsep sendiri tinggi/positif
 - a. Dapat menilai diri dengan positif dan percaya bahawa mereka lebih cekap atau berkebolehan.
 - b. Bertindak dengan positif.
 - c. Memikul tanggungjawab.
 - d. Menahan perasaan kekecewaan dengan baik.
 - e. Rasa dapat mempengaruhi persekitaran.
 - f. Berasa bangga dengan perlakuan sendiri.
 - g. Pencapaian gred yang tinggi.
 - h. Lebih bersedia menerima risiko.
 - i. Menerima diri dengan lebih positif.
 - j. Menghargai diri sendiri serta menyedari kekuatan dan kelemahan diri.

2. Konsep sendiri rendah /negatif
 - a. Mudah rasa kecewa.
 - b. Sering menyalahkan orang lain kerana kesalahan diri.
 - c. Mengelak situasi yang sukar.
 - d. Terdapat kaitan antara gangguan dalam pemakanan dengan konsep sendiri yang rendah.
 - e. Mudah mengikut atau terpengaruh dengan orang lain.

3. Kesan negatif konsep sendiri/penghargaan sendiri yang rendah/negatif
 - a. Cenderung untuk merasa bersalah.
 - b. Takut kepada kegagalan.
 - c. Sering merasa bimbang dan cepat berkecil hati.
 - d. Ada kaitan dengan pencapaian akademik yang rendah.
 - e. Tidak gemar kerja yang mencabar.
 - f. Kurang keyakinan dan kebolehan untuk membuat tugas yang lebih mencabar.
 - g. Kurang berminat untuk mendapatkan maklumbalas.
 - h. Melihat diri sebagai orang yang kurang menarik dari segi personaliti.

(Amer Shakir, 2003)

Dalam kajian ini, *self-esteem* merujuk kepada pandangan, penerimaan, nilai dan perasaan pelajar lelaki lembut terhadap dirinya. Tahap *self-esteem* pelajar lelaki lembut dibahagikan kepada tahap rendah, sederhana dan tinggi.

1.7.8 Imej

Kamus Dewan (1998) mentakrifkan imej sebagai gambaran, cerminan, bayangan; keperibadian atau watak seseorang atau sesuatu sebagaimana yang terpapar pada pandangan atau tanggapan orang atau pihak luar.

Dalam konteks kajian ini, imej merujuk kepada cerminan masyarakat kampus terhadap nama baik atau maruah dan kualiti UTM kesan daripada sesuatu situasi yang berlaku. Imej boleh memberi kesan positif atau negatif.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membicarakan beberapa aspek berkaitan golongan transeksual atau transgender atau mak nyah atau lelaki lembut iaitu berkaitan dengan pengkonsepsian fenomena transeksual, teori-teori perkembangan peranan jantina dan perbincangan dapatan kajian-kajian lepas dari dalam dan luar negara yang pernah dibuat oleh pengkaji lain yang berkaitan dengan kajian ini.

2.2 Fenomena Transeksual

Di Barat, isu transgender dimulakan oleh Magnus Hirschfeld (1868 – 1935). Pada tahun 1910 beliau telah menerbitkan buku yang bertajuk *The Transvestites: An Investigation of the Erotic Desire to Cross Dress*. Hirschfeld menyifatkan individu yang mempunyai pemikiran, perasaan atau tindakan dengan mengambil peranan sebagai jantina berlawanan dalam kebanyakan aspek kehidupan dikenali sebagai golongan *transvestite* (pemakaian-silang).

Kemudian, pada tahun 1913, Havelock Ellis memperkenalkan terma *eonism*. Ellis menggunakan terma *eonism* untuk menjelaskan fenomena transeksualiti dan pelbagai tingkah laku kompleks yang berkaitan dengannya. Beliau beranggapan

bahawa ia bukan satu masalah yang besar kerana kebanyakan individu yang dikajinya boleh menjalani kehidupan yang memuaskan dan tidak pula membahayakan orang lain. Walau bagaimanapun, terma yang diperkenalkan oleh beliau ini jarang digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain dan perkembangan penyelidikan berkaitan isu ini lebih banyak menggunakan terma transgender (Bullough, 2003).

Transgender menurut Bullough bukan sahaja melibatkan pemakaian-silang tetapi juga melibatkan pelbagai tingkah laku yang berkaitan dengan penyilangan-jantina. Golongan transeksual mempunyai tarikan seksual sama ada kepada perhubungan seksual sesama jenis, atau berlawanan jenis, atau kedua-duanya sekali. Di kalangan transeksual ini pula terdapat jenis individu yang boleh berpuas hati terhadap cara pemakaian yang ditetapkan untuk jantina biologikal mereka dan juga jenis individu yang menunjukkan penentangan secara total terhadap norma pemakaian dan gaya hidup yang ditetapkan oleh masyarakat setempat seperti menjadi *gay queen* dan *ultra butch lesbian*. Malahan terdapat juga individu heteroseksual yang mendapat keseronokan melalui identiti jantina baru dengan cara mengenakan pemakaian silang sama ada secara rahsia atau di khalayak ramai seperti lelaki memakai pakaian dalam atau barang kemas wanita (Bullough, 2003).

Pada tahun 1960-an pula, Dr. Harry Benjamin telah mempopularkan perkataan transeksual di dalam penyelidikan, dan ia telah diguna secara meluas oleh pengkaji-pengkaji lain sehingga ke hari ini. Transeksualisme bermaksud pengalaman yang dialami apabila seseorang individu merasa tidak selesa dengan jantina semulajadinya (anatomi seks yang dimilikinya). Individu tersebut dikatakan mempunyai keinginan serta kecenderungan untuk menukar imej badan dan identitinya termasuk cara hidup dan tingkah laku seperti jantina yang berlawanan dengan dirinya. Pernyataan ini disokong oleh Coyle dan Kitzinger (2002) yang menjelaskan bahawa ciri utama transeksualisme adalah memperkenalkan diri keseluruhannya dengan jantina yang berlawanan dengan kelahirannya sendiri. Lelaki transeksual sering beranggapan bahawa mereka adalah wanita yang terperangkap di dalam jasad lelaki.

Di Malaysia, terma transeksual digunakan bagi merujuk transeksual lelaki iaitu lelaki yang ingin menjadi wanita, dan juga transeksual wanita iaitu wanita yang ingin menjadi lelaki dalam segala aspek kehidupan (Yik, 2001). Tambah beliau lagi, golongan transeksual di Malaysia menggunakan perkataan transeksual untuk merujuk kepada diri mereka kerana matlamat utama mereka adalah untuk menjalani pembedahan penukaran jantina atau dikenali juga sebagai pembedahan pembentukan semula jantina. Perkataan mak nyah juga digunakan untuk merujuk kepada individu yang sama ada telah menjalani pembedahan pembentukan semula jantina atau juga individu yang tidak melakukan pembedahan. Pernyataan ini disokong pula oleh Yohan dan Aminuddin (2002) yang mengatakan transeksualisme digunakan untuk menggambarkan keadaan individu yang berbeza dengan jantintanya dan keinginannya untuk mengubah alat reproduksi luarannya dengan alat reproduksi jantina yang diinginkan melalui proses pembedahan.

Yik (1998) menyatakan bahawa penggunaan perkataan mak nyah lebih digemari di kalangan transeksual berbanding dengan perkataan pondan atau bapak yang pada amnya merujuk kepada lelaki lembut dan juga boleh dikaitkan dengan golongan homoseksual. Golongan transeksual lelaki atau mak nyah ini sering berpakaian seperti perempuan dan merasakan ianya sesuatu yang biasa dan tidak berasa janggal. Ini agak berbeza dengan kumpulan 'transvestite' atau darai yang mendapat keseronokan dan kepuasan dengan berpakaian seperti perempuan. Tekanan emosi kepada mak nyah adalah ketara. Mereka mempunyai satu impian dan harapan bahawa suatu hari nanti mereka akan mempunyai tubuh sebagai seorang wanita, mempunyai buah dada dan alat kelamin wanita (Mohd.Tajudin, 2003)

2.3 Teori Perkembangan Peranan Jantina

Terdapat beberapa teori yang cuba menerangkan punca-punca permasalahan tingkah laku pada jantina yang berbeza. Pakar-pakar perubatan dan psikologi menjelaskan bahawa terdapat banyak teori yang boleh dirujuk apabila membincangkan tentang fenomena transeksualisme ini. Dalam kajian ini teori-teori yang dibincangkan termasuklah dari aspek biologikal, psikologikal, pembelajaran sosial, perkembangan kognitif dan skema jantina.

2.3.1 Teori Biologikal

Dari sudut pandangan teori biologikal faktor genetik dan hormon mempengaruhi identiti gender, peranan gender dan orientasi gender. Kajian awal pada tahun lima puluhan mengenai homoseksual di kalangan pasangan kembar menunjukkan terdapatnya bukti bahawa homoseksual diwarisi. Perkembangan sahsiah seseorang individu dipengaruhi oleh kedua-dua faktor baka dan fisiologi serta faktor suasana persekitaran dan pembelajaran. Pengaruh fisiologi dari segi kromosom dan hormon adalah paling ketara semasa seseorang itu masih ada di dalam rahim lagi serta semasa ia sedang mengalami proses akil baligh. Terdapat bukti-bukti sahih yang menunjukkan peranan hormon menentukan perkembangan otak yang agak berbeza mengikut jantina. Ini bererti jika seseorang ibu mengandung (kandungan lelaki) dan kurang mengeluarkan hormon lelaki (testosterone) maka keadaan ini mungkin mempengaruhi cara pemikiran seseorang kanak-kanak itu ke arah sifat keperempuanan walaupun tingkah lakunya sebagai seorang lelaki tidak terjejas (Mohd Tajudin, 2003).

2.3.2 Teori Psikoanalisis

Teori Psikoanalisis mendasarkan teorinya pada pendapat Freud (dalam Jas Laile, 2002) dan pengikut Neo-Freudian-nya yang mengatakan bahawa perkembangan peranan-jantina adalah satu proses tidak sedar yang terhasil daripada interaksi perbezaan-perbezaan biologi dan proses-proses identifikasi yang dialami oleh lelaki dan perempuan. Dengan kata lain, Freud menjelaskan bahawa faktor biologi dan juga faktor persekitaran (bagaimana ibu bapa melayani anak-anak) sama-sama berperanan dalam menentukan perkembangan peranan-jantina seseorang. Freud percaya seseorang anak lelaki itu akan lemah kelelakiannya di masa depan sekiranya bapanya tidak menunjukkan model kelelakian yang kuat, jarang ada di rumah, dan kurang dominan. Sementara itu, bagi anak perempuan pula, ia akan gagal dalam melaksanakan peranan kewanitaannya jika ia tidak mengidentifikasikan dirinya dengan ibunya atau ia mempunyai ibu yang gagal menunjukkan model kewanitaan yang memuaskan (Jas Laile, 2002).

2.3.3 Teori Psikologikal

Menurut pandangan Mohd Tajudin (2003) lagi, teori psikologikal menghubungkan sesuatu tingkah laku itu dengan cara seseorang dididik dan diasuh semenjak bayi sehingga remaja dan dewasa. Segala perilaku yang berlaku dalam sesebuah keluarga akan memberikan kesan kepada kanak-kanak yang berkaitan. Bagaimanapun, interaksi ayah dan ibu ke atas anak mereka adalah penting. Ini disebabkan cara mereka mendidik dan membentuk peribadi anak-anak tersebut boleh mempengaruhi identiti, peranan dan orientasi gender mereka. Pendapat mengenai permasalahan keibubapaan telah dikemukakan sebagai salah satu sebab berlakunya kecelaruan gender. Contohnya, jika ayah seorang yang garang dan ibu pula terlalu intim dengan anak lelaki, maka anak tersebut berkemungkinan besar sukar untuk menjalinkan persahabatan dengan kaum wanita. Manakala, seorang anak

perempuan yang terlalu intim dengan ayahnya tetapi tersisih dari ibunya akan menyebabkannya lebih selesa menjalinkan persahabatan dengan kaum wanita. Pendapat seperti ini walaupun sukar dinilai secara sistematik tetapi telah selalu dipamer dan dibuktikan sama ada menerusi kajian atau pemerhatian yang dijalankan oleh pakar mengenai perkembangan dan psikologi manusia.

2.3.4 Teori Pembelajaran Sosial

Pengaruh pembelajaran sosial dan persekitaran memainkan peranan penting dan ketara dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak oleh agen-agen utama masyarakat seperti ibu bapa, masyarakat setempat, pihak sekolah serta media massa. Kecelaru gender berlaku apabila pihak yang signifikan ini gagal membantu kanak-kanak atau individu itu mengekalkan jantinitinya yang sebenar. Kecelaru gender biasanya dipelajari melalui proses pembelajaran dan pemerhatian. Contohnya, anak lelaki yang dipuji apabila bertingkah laku lembut dan anak perempuan yang juga dipuji bila bersikap keras dan agresif akan lebih berkecenderungan menunjukkan tingkah laku yang bertentangan dengan gender asalnya. Perkara ini boleh membawa kepada kecelaru gender dan seterusnya boleh mengekal dan mengukuhkan tingkah laku sedemikian sekiranya dilakukan oleh pihak ibu bapa dan keluarga. Secara umumnya, keluarga dan masyarakat lebih suka kanak-kanak bersikap pasif dan lemah-lembut. Keadaan ini tidak menimbulkan banyak masalah kepada anak perempuan tetapi akan meningkatkan tingkah laku berciri keperempuanan di kalangan anak lelaki. Secara tidak langsung, ini menunjukkan seolah-olah anak itu telah dipondankan sejak kecil oleh kedua ibu bapa mereka (Mohd Tajudin, 2003).

Teori Pembelajaran Sosial sepertimana yang dikemukakan oleh Albert Bandura (dalam Jas Laile, 2002) mengatakan bahawa kanak-kanak belajar peranan-jantina melalui dua cara. Pertama, melalui peneguhan yang boleh dibezakan iaitu kanak-kanak digalakkan dan diberi peneguhan apabila menunjukkan tingkah laku

yang “sesuai” dengan jantinya. Sebaliknya, dendaan akan diberi sekiranya kanak-kanak itu menunjukkan tingkah laku yang tidak sesuai dengan jantinya. Kedua, melalui pemerhatian kanak-kanak memperoleh tingkah laku yang sesuai dengan jantinya dengan cara meniru model yang sesuai. Perkembangan peranan jantina seseorang kanak-kanak bergantung kepada tingkah laku mana yang diberi peneguhan atau dendaan dan model sosial yang bagaimana wujud di persekitarannya. Jika persekitarannya berubah, perkembangan peranan-jantina akan turut berubah (Jas Laile, 2002).

Teori Pembelajaran Sosial juga turut menjelaskan bahawa rakan sebaya turut memainkan peranan dalam menentukan perkembangan peranan jantina seseorang. Rakan sebaya akan memberi dendaan kepada kawan mereka yang tidak menunjukkan tingkah laku yang sesuai dengan jantina (Yohan dan Aminudin, 2002). Hasil kajian yang dijalankan oleh Nor Ba'yah dan Yahaya (2002) mendapati bahawa aspek pergaulan rakan sebaya (proses sosialisasi) mempengaruhi perlakuan transeksual apabila responden mempunyai lebih ramai kawan perempuan berbanding dengan lelaki. Penolakan rakan sebaya menyebabkan mereka mengambil jalan mudah dengan bergaul bersama rakan berlainan jantina sehingga pada peringkat usia remaja.

2.3.5 Teori Perkembangan Kognitif

Kohlberg (dalam Shaffer, 2002) telah memperkenalkan teori kognitif dalam menjelaskan tentang peranan jantina yang dianggap berbeza dengan teori-teori sebelum itu. Dua prinsip utama beliau dalam teori ini ialah:

- a. Perkembangan peranan jantina bergantung kepada perkembangan kognitif; iaitu kanak-kanak mesti memahami sepenuhnya terhadap jantina diri sebelum dipengaruhi oleh pengalaman sosial mereka.

- b. Kanak-kanak melibatkan diri secara aktif dalam proses sosialisasi (actively socialize) bukannya bertindak secara pasif.

Kohlberg (dalam Shaffer, 2002) mencadangkan bahawa perkembangan pertama kanak-kanak ialah memantapkan identiti jantina, kemudian barulah beralih kepada model lain di kalangan jantina yang sama dan juga menerima maklumat-maklumat lain dalam mempelajari bagaimana cara untuk bertindak sebagai seorang ‘kanak-kanak lelaki’ atau ‘kanak-kanak perempuan’. Sehubungan itu juga, beliau turut membuat perbandingan perkembangan peranan-jantina dari sudut pembelajaran sosial dan “cognitive-self-socialization” dan hasil yang diperolehi menunjukkan kemantapan identiti jantina kanak-kanak lebih cepat berlaku melalui peranan kognitif berbanding dari sudut pembelajaran sosial, sebagaimana digambarkan melalui ungkapan di bawah;

I'm not treated like a boy; therefore, I must be one – (Social learning position)

Hey, I'm a boy; therefore, I'd better do everything I can do to find out how to behave like one – (Cognitive-self-socialization position)

(dalam Shaffer, 2002: 255)

Seterusnya, Kohlberg (dalam Shaffer, 2002) menyatakan bahawa dalam proses perkembangan identiti jantina, kanak-kanak melalui tiga fasa untuk mencapai kematangan dalam pemahaman sama ada untuk menjadi lelaki atau perempuan, iaitu

Fasa 1: Asas Identiti Jantina (Basic Gender Identity)

Pada usia 3 tahun, kanak-kanak mengenalpasti jantina diri sebagai lelaki atau perempuan.

Fasa 2: Kemantapan Jantina (Gender Stability)

Pada peringkat ini kanak-kanak telah menerima peranan jantina mereka yang dikenali sebagai satu tempoh *stableover time*; iaitu

kanak-kanak lelaki tentunya membesar sebagai lelaki dewasa dan kanak-kanak perempuan membesar sebagai perempuan dewasa.

Fasa 3: Konsistensi Jantina (Gender Consistency)

Pada tahap ini konsep jantina telah sempurna apabila kanak-kanak sedar bahawa ciri 'kepunyaan jantina' (one's sex) adalah stabil walaupun dalam situasi yang berbeza (stable across situations). Kanak-kanak yang mencapai tahap ini iaitu pada usia 5 hingga 7 tahun tidak menghadapi masalah dari segi penampilan. Mereka mengetahui bahawa peranan jantina seseorang itu sama ada lelaki atau perempuan tidak boleh diubah melalui pemakaian-silang (cross dressing) atau dengan melakukan aktiviti jantina berlawanan (taking up cross-sex activities).


2.3.6 Teori Skema Jantina (Gender Scheme)

Teori Skema Jantina diperkenalkan oleh Martin dan Halverson (dalam Shaffer, 2002) yang dilihat sebagai suatu yang baru dalam membincangkan teori perkembangan peranan jantina. Berdasarkan teori ini, mereka menjelaskan bahawa perkembangan asas identiti jantina berupaya memotivasikan kanak-kanak untuk mempelajari tentang 'jantina' (sexes) dan menyatukan maklumat-maklumat berkaitan ke dalam 'skema jantina'. Di sini, kanak-kanak membina satu set kepercayaan dan jangkaan terhadap lelaki dan perempuan yang mana ia mempengaruhi jenis-jenis maklumat yang diterima, diteliti/diamati dan kemudian diingati. Pertama, kanak-kanak mempelajari sesuatu dengan mudah melalui pengklasifikasian terhadap sesuatu objek, tingkah laku dan peranan kepada 'skema dalam kumpulan atau luar kumpulan' (in-group / out-group schema) lelaki atau perempuan. Contohnya, alat permainan seperti lori dan 'trucks' adalah sesuai untuk kanak-kanak lelaki, manakala anak patung adalah sesuai untuk kanak-kanak perempuan.

Seterusnya, Martin dan Halverson (dalam Shaffer, 2002) juga menerangkan tentang skema kepunyaan-jantina atau 'own-sex schema'. Skema ini menjelaskan tentang rancangan tindakan kanak-kanak terhadap sesuatu maklumat yang diterima. Apabila seseorang kanak-kanak itu jelas terhadap ciri-ciri lelaki dan perempuan dalam suatu aktiviti, peranan dan tingkah laku (in-group/out-group schema), maka mereka akan menerimanya sebagai kepunyaan lelaki atau perempuan (own-sex schema). Contohnya, pada peringkat asas identiti jantina kanak-kanak perempuan mempelajari bahawa aktiviti menjahit adalah untuk perempuan dan aktiviti membina model kapal terbang adalah untuk kanak-kanak lelaki. Kemudian, oleh kerana ia adalah seorang perempuan dan mahu bertindak secara konsisten terhadap konsep kendirinya, bertindak menerima bahawa aktiviti menjahit sebagai skema kepunyaan jantintanya, lalu terus tidak mempedulikan maklumat tentang model membina kapal terbang. Keadaan ini boleh dijelaskan seperti dalam Rajah 2.1.

Kesimpulannya, teori skema jantina oleh Martin dan Halverson ini dianggap sebagai suatu dimensi baru dalam proses perkembangan peranan jantina. Model ini bukan sahaja menjelaskan bagaimana streotaip peranan-jantina bermula dan berterusan, tetapi ia juga menunjukkan bagaimana kemunculan 'skema jantina' ini memberikan sumbangan yang besar di dalam perkembangan peranan-jantina dan tingkah laku jantina berterusan sebelum mereka menyedari bahawa jantina adalah satu atribut yang tidak berubah (Shaffer,2002).

Rajah 2.1 : Tindakan Teori Skema Jantina



Sumber: Martin & Halverson (dalam Shaffer, 2002: 257)

2.4 Tinjauan Kajian-kajian Lepas

Yohan dan Aminuddin (2002) telah menjalankan satu kajian kes tentang pengalaman sosialisasi dan analisis ekspresi diri pelajar transeksual di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian kes ini melibatkan tiga pelajar transeksual, dua pelajar lelaki dan seorang pelajar perempuan dengan menggunakan kaedah temubual dan ujian projektif. Hasil kajian ini mendapati bahawa perilaku menyimpang transeksualiti terjadi kerana:

- a. Hilangnya model kekelakian yang diturunkan oleh ayah kepada subjek, terutama semasa subjek kecil.
- b. Kurang kuatnya kawalan yang dilakukan ibu kepada subjek semasa melihat munculnya perilaku yang tidak sesuai dengan jantina subjek.
- c. Kurang kuatnya kawalan lingkungan seperti rakan sepermainan, sekolah, guru dan pemuka agama semasa melihat perilaku yang tidak sesuai dengan jantina subjek.
- d. Perasaan yang ada dalam diri subjek adalah perasaan wanita. Oleh kerana itu, subjek mengharapkan persekitarannya memperlakukan dan menerima dirinya seperti wanita.
- e. Dalam diri subjek terdapat tarikan secara seksual kepada lelaki dibandingkan kepada wanita.

Nor Ba' yah dan Yahaya (2002) juga telah membuat satu kajian di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berhubung dengan isu pelajar transeksual. Kajian mereka yang bertajuk "Pembangunan *Loose* Personaliti dan Gangguan Seksual di Kalangan Pelajar Transeksual" adalah bertujuan untuk meneroka aspek pembangunan personaliti pelajar transeksual di universiti tempatan. Kegagalan pelajar membina personaliti mengikut peranan jantina menyumbang ke arah tingkah laku transeksual seperti *crossdressing*. Melalui teknik temubual personal dan kumpulan fokus, hasil kajian menunjukkan bahawa:

- a. Kekaburan peranan atau kekeliruan jantina telah bermula pada usia yang agak muda (4 hingga 5 tahun). Ia diperlihatkan melalui minat individu ketika memersembahkan peranan identiti di kalangan rakan sebaya seperti bermain anak patung, mengambil peranan sebagai wanita dan secara sukarela kadang-kadang berpakaian seperti kanak-kanak perempuan.
- b. Peranan rakan sebaya turut mempengaruhi individu di samping keinginan individu untuk diterima dalam kelompok rakan sebayanya.
- c. Pembangunan personaliti individu juga turut ditentukan oleh peranan yang dimainkan oleh ibubapa.

Kajian terhadap pelajar lelaki lembut juga telah dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) oleh Hasnan dan Ahmad Rafizi (2002). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat persepsi atau pandangan masyarakat kampus terhadap masalah pelajar lelaki lembut yang memaparkan gaya dan penampilan sebagai seorang wanita secara sengaja dan atas pilihan sendiri. Hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa;

- a. Kebanyakan responden mengetahui apa yang dimaksudkan dengan istilah mak nyah atau transeksual, dan bersetuju mengkategorikan gejala ini sebagai satu daripada bentuk gejala sosial.
- b. Responden bersetuju bahawa masalah pelajar lelaki lembut di kampus ini masih boleh dibendung.
- c. Majoriti responden bersetuju menyatakan gejala mak nyah ini sangat bertentangan dengan ajaran agama yang dianuti.
- d. Responden juga menyatakan bahawa golongan mak nyah di kampus tidak mempunyai hubungan sosial yang baik dengan masyarakat kampus.
- e. Gejala mak nyah menimbulkan situasi yang kurang menyenangkan di kalangan masyarakat kampus.
- f. Responden bersetuju bahawa sesi kaunseling wajar diberikan terhadap golongan pelajar ini sebagai satu daripada jalan penyelesaiannya.

- g. Peruntukan satu undang-undang khas kepada golongan mak nyah supaya gejala ini tidak berlaku secara berleluasa di kampus.

Sementara itu, Norulhuda (2001) pernah menjalankan kajian berkaitan dengan pelajar lelaki lembut di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan budaya golongan lelaki lembut di UTM. Terdapat tiga faktor utama yang dikaji iaitu pengaruh keluarga, teman-teman dan persekitaran. Seramai 52 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 96.20% (50 orang) adalah berbangsa Melayu. Keputusan kajian ini mendapati bahawa:-

- a) Faktor pengaruh teman-teman dan keluarga merupakan faktor yang dikenalpasti mempengaruhi perkembangan budaya lelaki lembut di kalangan responden. Nilai min bagi pengaruh teman-teman lebih tinggi iaitu 4.17 berbanding nilai min bagi faktor pengaruh keluarga iaitu 3.61.
- b) Faktor pengaruh persekitaran pula didapati tidak mempengaruhi perkembangan budaya lelaki lembut di kalangan responden dengan nilai min yang diperolehi ialah 2.53.

Nor Azizah (2002) menjalankan satu kajian tinjauan berhubung dengan keyakinan sendiri mahasiswa *transvestic* di dua buah IPTA iaitu Universiti Teknologi Malaysia, Skudai (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (UKM). Seramai 20 orang mahasiswa *transvestic* UTM dan 20 orang mahasiswa *transvestic* UKM telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sejauhmana penerimaan sokongan sosial keluarga dan teman-teman terhadap golongan ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa:-

- a) Min bagi keyakinan sendiri mahasiswa *transvestic* adalah sebanyak 4.01 iaitu berada pada petanda positif. Ini bermakna keyakinan sendiri mahasiswa *transvestic* adalah tinggi.
- b) Min bagi penerimaan sosial teman-teman adalah sebanyak 2.57, juga berada pada petanda positif.
- c) Min bagi penerimaan sosial keluarga pula adalah sebanyak 2.56, juga berada pada petanda positif.

Secara keseluruhannya, mahasiswa *transvestic* boleh dikatakan tidak menghadapi sebarang masalah berkaitan dengan tahap keyakinan sendiri mereka dan juga dari segi penerimaan sosial daripada keluarga dan teman-teman.

Lukman (2002) telah menjalankan satu kajian untuk melihat pertalian di antara lelaki transeksual dan pelacuran nyah di Malaysia. Sebelum ini pelacuran nyah kurang diberikan perhatian oleh masyarakat berbanding pelacuran wanita. Sampel kajian adalah seramai 30 orang dan kesemuanya adalah berketurunan Melayu. Responden kajian mengakui bahawa mereka menjalani kegiatan pelacuran secara bebas (*freelance*) yang juga dikenali sebagai *nyah lorong* atau *nyah bisnes*. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua responden (nyah lelaki) memilih pelacuran sebagai kerjaya disebabkan oleh faktor kewangan untuk menampung kos hidup. Di samping itu, mereka juga melacurkan diri bertujuan mencari keseronokan (83.33%), tiada peluang pekerjaan lain yang sesuai (70%) dan memenuhi tuntutan seks (63.33%). Kajian ini mendapati punca responden melacur akibat dorongan rakan sebaya agak kurang signifikan.

Yik (2001) mengkaji fenomena lelaki transeksual atau lebih dikenali sebagai mak nyah dari perspektif pengaruh budaya dan agama ke atas identiti diri mereka. Pengumpulan data bagi kajian ini diperolehi melalui soal selidik dan analisis temubual yang telah dijalankan. Soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian ini mengukur aspek berkaitan sosial, pengetahuan HIV/AIDS dan isu-isu berkaitan dengan kesihatan. Hasil kajian ini mendapati kebanyakan ciri-ciri transeksual di

Malaysia hampir sama dengan negara-negara lain. Bagaimanapun, Yik menjelaskan bahawa agama dan budaya mempengaruhi identiti nyah. Daripada 507 orang responden, 86% adalah bangsa Melayu, 5% bangsa Cina, 4% bangsa India dan 3% lain-lain bangsa. Daripada jumlah itu, 88% beragama Islam, 5% penganut agama Kristian, 3% beragama Buddhist dan 3% beragama Hindu. Hasil kajian mendapati;

- a. 72% responden menyatakan mereka 'bersifat sebagai wanita' sejak dari kecil lagi.
- b. 68% responden menyatakan bahawa mereka lebih gemar bermain dengan alat permainan kanak-kanak perempuan, berbanding alat permainan kanak-kanak lelaki iaitu hanya 3%.
- c. 82% responden melaporkan bahawa mereka sering mengambil peranan jantina berlawanan dalam aktiviti permainan mereka.
- d. 84% responden adalah terdiri daripada latar belakang keluarga yang baik. Hanya sebilangan kecil sahaja iaitu 15% menjelaskan mereka membesar dalam suasana keluarga yang bermasalah.
- e. Pemakaian-silang bermula sejak usia 11 tahun hingga 20 tahun, dan biasanya dipakai sama ada di rumah atau di kalangan mak nyah yang lain.
- f. Responden merasakan penting bagi mereka untuk memiliki payu dara dan bentuk badan seperti wanita. 63% daripadanya mengakui telah mengambil suntikan hormon untuk mencantikkan tubuh badan.
- g. Majoriti responden menyatakan mereka tidak berhasrat untuk menjalani pembedahan pembentukan semula jantina disebabkan faktor agama, kewangan dan keluarga.
- h. Majoriti responden (97%) menyatakan bahawa mereka menyukai kaum lelaki, dan menjalin hubungan 'cinta' sesama jenis.
- i. 92% responden menyatakan impian dan tarikan seksual mereka adalah sebagai wanita dan mereka berpasangan dengan lelaki.

Tangpricha, Afdhal dan Chipkin (2001) telah menjalankan kajian transeksual dan mengaitkannya dengan aspek kesihatan. Kajian ini dijalankan berdasarkan kes-kes yang berlaku di klinik mereka. Pengkaji menjelaskan bahawa hormon estrogen bagi lelaki transeksual merupakan komponen utama di dalam terapi gender disforia. Estrogen memainkan peranan dalam proses imunisasi semulajadi atau *autoimmune*. Kajian yang dijalankan ke atas lelaki transeksual yang berumur 38 tahun, menunjukkan kemungkinan terdapat potensi yang kurang baik akibat terapi estrogen terhadap fungsi hati bagi lelaki transeksual.

Neumann, Welzel dan Berghaus (2002) juga telah menjalankan kajian berhubung dengan fenomena transeksual dari sudut perubatan. Mereka merupakan doktor dari Jabatan ENT di Universiti Martin-Luther, Halle-Wittenberg. Kajian yang bertajuk “Cricothyroidopexy in Male-to-Female Transsexuals – Modification of Thyroplasty Type IV” ini dijalankan bertujuan untuk melihat keberkesanan teknik ‘Isshiki’ yang digunakan dalam proses pembedahan peti suara lelaki kepada wanita. Menurut pengkaji pembedahan melalui teknik ENT dan ‘phoniatics’ adalah kurang berkesan, malah ia bersifat sementara. Sebaliknya, melalui teknik modifikasi yang telah dilakukan dan dikenali sebagai “cricothyroidopexy” menunjukkan hasil yang memuaskan dan menjadi satu kaedah pembedahan yang berkesan. Ini dibuktikan melalui perbandingan yang dibuat terhadap parameter suara sebelum dan selepas tempoh pembedahan dijalankan dan pesakit berpuas hati terhadap hasilnya. Pengkaji menjelaskan bahawa kaedah ini sangat berguna dalam proses pembedahan suara atau *phonosurgery* dan merupakan elemen terapeutic dalam pembentukan semula jantina.

Satu kajian yang berkaitan dengan pengalaman psikoterapi di kalangan transgender telah dijalankan oleh Rachlin (2002). Sampel kajian terdiri daripada 70 orang transeksual wanita kepada lelaki dan 23 orang transeksual lelaki kepada wanita yang dilaporkan melalui 150 pertemuan dengan psikoterapis. Lebih daripada 87 peratus responden menjelaskan bahawa terdapat perubahan positif yang berlaku dalam kehidupan mereka selepas menjalani sesi psikoterapi. Responden juga menjelaskan bahawa pengalaman ahli terapis terhadap isu transgender sangat penting.

Sekiranya didapati ahli terapis kurang berpengalaman, maka mereka tidak akan mengesyorkan terapis berkenaan kepada rakan-rakan yang lain. Responden juga mengakui bahawa aspek yang sangat membantu dalam proses rawatan ialah dari segi penerimaan, menghormati identiti mereka, pendekatan rawatan yang fleksibel dan perhubungan dengan komuniti transgender. Responden menyatakan bahawa mereka menemui ahli terapis untuk membincangkan aspek berkaitan dengan perkembangan peribadi (personal growth), seperti kestabilan emosi, pendidikan, pekerjaan dan pehubungan sosial. Hasil kajian ini sangat menekankan aspek pengalaman ahli terapis terhadap isu-isu transgender bagi mencapai kepuasan dalam sesi psikoterapi.

Winter dan Udomsak (2002) menjalankan kajian tentang isu lelaki, wanita dan transgender di Thailand dari segi stereotaip dan konsep sendiri. Seramai 204 orang lelaki transeksual dengan purata umur 23 tahun telah menjadi responden dalam kajian ini. Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat konsep sendiri mereka iaitu konsep sendiri sebenar dan konsep sendiri ideal, dan stereotaip tret-gender lelaki dan wanita. Hasil kajian mendapati bahawa;

- a. Stereotaip tret-gender di kalangan responden adalah hampir sama dengan golongan bukan transgender seperti hasil-hasil kajian yang telah dijalankan sama ada dalam negara mahupun kajian luar negara.
- b. Bagi konsep sendiri sebenar dan konsep sendiri ideal, sampel kajian menunjukkan persetujuan mereka terhadap tret-tret yang tidak dimiliki oleh mereka, malah tidak mahu memilikinya, berbanding dengan apa yang mereka miliki atau mahu memilikinya.
- c. Kebiasaannya responden menunjukkan konsep sendiri sebenar yang berbeza dengan konsep sendiri ideal mereka.
- d. Sebahagian daripada beberapa tret, konsep sendiri sebenar responden lebih cenderung kepada stereotaip wanita.

2.5 Rumusan

Daripada kajian literatur dapat memberi gambaran bahawa fenomena pelajar lelaki lembut di IPT semakin mendapat perhatian pengkaji. Kajian-kajian yang dijalankan memfokus kepada beberapa perkara seperti mengenalpasti faktor-faktor penyebab kepada fenomena ini, cara kehidupan golongan ini di kampus, penerimaan serta sokongan daripada masyarakat kampus dan sebagainya. Usaha ini wajar diteruskan selagi masalah ini tidak dapat ditangani dengan sebaiknya. Kita tidak mahu masalah ini menjadi semakin rumit sebagaimana yang berlaku kepada golongan mak nyah dalam masyarakat kita mahupun di luar negara. Seperti yang dijelaskan dalam hasil kajian kita dapat mengetahui bahawa kebanyakan golongan mak nyah di luar terlibat dengan aktiviti pelacuran. Begitu juga dengan golongan mak nyah di luar negara yang kebanyakannya telah menjalani pembedahan pertukaran jantina. Kita tidak mahu golongan pelajar lelaki lembut ini juga akan menjurus kepada aktiviti sedemikian. Dengan pendedahan ini juga diharap ia akan dapat memberi panduan kepada pihak tertentu dalam usaha membantu mengatasi fenomena ini.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian ini. Melalui bab ini penjelasan meliputi reka bentuk kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan dengan menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan data. Pengumpulan data melalui borang soal selidik melibatkan pelajar lelaki lembut, pelajar bukan lembut dan staf UTM. Setiap set borang soal selidik dibina berdasarkan kepada kepentingan maklumat-maklumat yang dikehendaki daripada subjek kajian. Kajian ini juga melibatkan proses pengumpulan data, analisis dan penjadualan data, interpretasi dan merumuskan hasil kajian.

3.3 Tempat Kajian dan Persampelan

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia daripada semua fakulti di kampus UTM Skudai. Sampel bagi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar lelaki lembut, pelajar bukan lembut dan staf UTM. Responden bagi kajian ini terdiri daripada 125 orang pelajar lelaki lembut, 500 orang pelajar bukan lembut dan 460 orang staf UTM.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini ditentukan berdasarkan kepada jenis data yang diperlukan oleh penyelidik. Secara umumnya, dalam kajian ini data adalah diperolehi berdasarkan kepada dua sumber yang utama iaitu data primer dan sumber sekunder.

3.4.1 Data Primer

Data primer ialah data yang diperolehi daripada sumber utama (responden) daripada soal selidik yang diedarkan dan dianalisis.

3.4.1.1 Soal Selidik

Bagi kajian ini penyelidik menyediakan tiga set soal selidik yang berbeza, iaitu satu set untuk dijawab oleh pelajar lelaki lembut (Set 1), pelajar bukan lembut (Set 2) dan staf UTM (Set 3). Soal selidik ini dibina sendiri oleh kumpulan penyelidik untuk mendapatkan data mengenai latar belakang subjek kajian dan mencapai

matlamat serta objektif kajian. Keterangan setiap set soal selidik adalah seperti berikut :

Set 1 – Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu :

i) Bahagian A – Maklumat Peribadi

Bahagian ini mengandungi maklumat-maklumat seperti bangsa, agama, Fakulti/Kursus, umur, tahun pengajian, pekerjaan bapa dan ibu, sekolah terakhir, bilangan adik-beradik, kedudukan anak keberapa dalam keluarga dan bilangan adik-beradik perempuan dalam keluarga.

ii) Bahagian B – Inventori Personaliti

Item-item dalam bahagian ini dibina berasaskan kepada alat ujian personaliti *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI). Bahagian ini mengandungi 32 item yang mengukur 4 jenis personaliti iaitu:

- a) Introvert (**I**) – Extrovert (**E**)
- b) Sensing (**S**) – iNtuitive (**N**)
- c) Thinking (**T**) – Feeling (**F**)
- d) Judging (**J**) – Perceiving (**P**)

Jadual 3.1 menunjukkan taburan item dan pengiraan skor bagi jenis personaliti yang diukur.

Jadual 3.1 : Taburan Item Dan Pengiraan Skor Jenis Personaliti

Item bagi <i>Introvert</i>	Item bagi <i>Extrovert</i>	Item bagi <i>Sensing</i>	Item bagi <i>Intuitive</i>
2a	2b	1b	1a
6a	6b	10b	10a
11a	11b	13a	13b
15b	15a	16a	16b
19b	19a	17a	17b
22a	22b	21a	21b
27b	27a	28b	28a
32b	32a	30b	30a

Personaliti Jenis I atau E
(Jika skor bagi I atau E sama,
soalan 11 tidak dikira)

Personaliti Jenis S atau N
(Jika skor bagi I atau E sama,
soalan 16 tidak dikira)

Item bagi <i>Thinking</i>	Item bagi <i>Feeling</i>	Item bagi <i>Judging</i>	Item bagi <i>Perceiving</i>
3a	3b	4a	4b
5a	5b	7a	7b
12a	12b	8b	8a
14b	14a	9a	9b
20a	20b	18b	18a
24b	24a	23b	23a
25a	25b	26a	26b
29b	29a	31a	31b

Personaliti Jenis T atau F
(Jika skor bagi T atau F sama,
soalan 24 tidak dikira)

Personaliti Jenis J atau P
(Jika skor bagi J atau P sama,
soalan 23 tidak dikira)

Sumber : Marcic, *et.al* (2001)

iii) Bahagian C – Gaya Hidup

Soal selidik ini dibina dan diubahsuai berdasarkan Modul Pembentukan Personaliti Di Kalangan Lelaki Lembut oleh Hamdan (2003). Indeks kebolehpercayaan alat ukuran ini menggunakan pekali *Alpha Cronbach* ialah 0.85. Bahagian ini mengandungi 33 item dan soalan berbentuk aneka pilihan iaitu jenis Binari (Ya / Tidak). Item-item ini mengukur tujuh dimensi iaitu percintaan, naluri kewanitaan, penampilan, pengaruh serta komunikasi dalam kumpulan, kewangan, pengaruh luar dan kerohanian. Setiap dimensi diwakili oleh beberapa item seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2 : Dimensi Gaya Hidup Dan Nombor Item

Dimensi	No. Soalan
Percintaan	1, 2, 3,
Naluri kewanitaan	4, 5, 6, 7, 8, 9, 10
Penampilan	11, 12, 13, 14
Pengaruh serta komunikasi dalam kumpulan	15, 16, 17, 18, 19, 20, 21
Kewangan	22, 23, 24, 25
Pengaruh luar	26, 27, 28, 29
Kerohanian	30, 31, 32, 33

Skor yang diberi adalah berbentuk interval. Jumlah skor tertinggi yang mungkin diperolehi ialah 33 (33 x 1) dan skor yang terendah ialah 0 (33 x 0). Dalam kajian ini, tahap gaya hidup dibahagikan kepada dua tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3: Pembahagian Julat Skor Mengikut Tahap Gaya Hidup

Julat Skor	Tahap Gaya Hidup
0 – 17	Rendah
18 – 33	Tinggi

iv) **Bahagian D – *Self-Esteem* (Penghargaan Kendiri)**

Bahagian D merupakan bahagian yang mengukur tahap *self-esteem*. Alat ukuran ini diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan *Tennessee Self-Concept Scale*. Bahagian ini mengandungi 10 item iaitu 6 item positif dan 4 item negatif dan berbentuk skala pemeringkatan Likert dengan 5 pilihan jawapan. Indeks kebolehpercayaan alat ukuran ini menggunakan pekali *Alpha Cronbach* ialah 0.78. Pemarkatan item tersebut adalah seperti dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4 : Pemarkatan Item Positif dan Item Negatif

Jawapan	Item Positif	Item Negatif
Sangat Setuju (SS)	5	1
Setuju (S)	4	2
Kurang Setuju (KS)	3	3
Tidak Setuju (TS)	2	4
Sangat Tidak Setuju (STS)	1	5

Bagi alat ukuran *self-esteem*, jumlah skor tertinggi yang boleh diperolehi oleh responden ialah 50 (10 x 5) dan skor yang terendah ialah 10 (10 x 1). Dalam kajian ini, tahap *self-esteem* dibahagikan kepada tiga tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Pembahagian Julat Skor Mengikut Tahap Self-esteem

Julat Skor	Tahap Self-esteem
10 – 22	Rendah
23 – 36	Sederhana
37 – 50	Tinggi

Bahagian akhir memerlukan responden menjawab dua soalan terbuka berkaitan dengan kajian ini.

Set 2 – Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

i) Bahagian A – Demografi Responden

Bahagian ini mengandungi perkara-perkara seperti bangsa, agama, umur, tahun pengajian dan jantina.

ii) Bahagian B – Persepsi Pelajar

Bahagian ini mengandungi 35 item dan berbentuk aneka pilihan iaitu yang berbentuk skala Likert. Item-item dalam bahagian ini adalah berkenaan persepsi pelajar UTM terhadap pengaruh pelajar lelaki lembut. Indeks kebolehpercayaan alat ukuran ini menggunakan pekali *Alpha Cronbach* ialah 0.88. Ringkasan pemarkatan seperti dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6 : Pemarkatan Item Positif Dan Item Negatif

Jawapan	Item Positif	Item Negatif
Sangat Setuju (SS)	5	1
Setuju (S)	4	2
Kurang Setuju (KS)	3	3
Tidak Setuju (TS)	2	4
Sangat Tidak Setuju (STS)	1	5

Terdapat dua soalan terbuka di akhir bahagian yang memerlukan responden memberikan pandangan dan cadangan yang diperlukan untuk kajian ini.

Set 3 – Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

i) Bahagian A – Demografi Responden

Bahagian ini mengandungi perkara-perkara seperti jantina, umur, tahap pendidikan tertinggi, jawatan, bahagian dan tempoh perkhidmatan.

ii) Bahagian B – Persepsi Staf

Bahagian ini mengandungi 22 item dan berbentuk aneka pilihan iaitu yang berbentuk skala Likert. Item-item dalam bahagian ini adalah berkenaan persepsi staf UTM terhadap pengaruh pelajar lelaki lembut. Indeks kebolehpercayaan alat ukuran ini menggunakan pekali *Alpha Cronbach* ialah 0.79. Ringkasan Pemarkatan seperti dalam Jadual 3.5

Jadual 3.7 : Pemarkatan Item Positif Dan Item Negatif

Jawapan	Item Positif	Item Negatif
Sangat Setuju (SS)	5	1
Setuju (S)	4	2
Kurang Setuju (KS)	3	3
Tidak Setuju (TS)	2	4
Sangat Tidak Setuju (STS)	1	5

Terdapat dua soalan terbuka di akhir bahagian yang memerlukan responden memberikan komen dan cadangan yang diperlukan untuk kajian ini.

3.4.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder ialah bahan-bahan yang diperolehi daripada sumber-sumber :

- i. Rujukan dan kajian perpustakaan yang dijalankan di Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ii. Kajian ilmiah melalui pembacaan buku-buku, jurnal, keratan akhbar dan majalah.
- iii. Kertas kerja seminar dan konvensyen.
- iv. Laman web yang berkaitan.

3.5 Kaedah Penganalisan Data

Perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 10.0* digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Bagi menganalisis maklumat demografi responden dan personaliti kaedah taburan kekerapan dan peratusan digunakan. Manakala bagi maklumat gaya hidup pelajar lelaki lembut dianalisis dengan menggunakan kaedah taburan kekerapan dan peratusan dan julat skor. Julat skor dibahagikan kepada tahap tinggi dan rendah. Kaedah taburan kekerapan dan peratusan dan julat skor juga digunakan dalam menganalisis maklumat *self-esteem*. Julat skor dibahagikan kepada tahap tinggi, sederhana dan rendah. Analisis terhadap persepsi pelajar biasa dan staf UTM juga dibuat menggunakan kaedah taburan kekerapan dan peratusan.

BAB IV

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil analisis yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan ke atas 125 orang pelajar lelaki lembut, 500 orang pelajar bukan lembut dan 460 orang staf di UTM.

Analisis data adalah berdasarkan set soal selidik yang diedar kepada responden iaitu Set 1 – Pelajar lelaki lembut, Set 2 – Pelajar bukan lembut dan Set 3 – Staf UTM. Analisis data bagi Set 1 dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu data demografi atau latar belakang pelajar lelaki lembut, jenis personaliti, gaya hidup dan *self-esteem*. Seterusnya, data bagi Set 2 dianalisis berdasarkan data demografi atau latar belakang pelajar bukan lembut dan persepsi terhadap pelajar lelaki lembut dari segi kefahaman, kesan imej, kesan akademik, pencegahan dan interpersonal. Data bagi Set 3 juga dianalisis berdasarkan data demografi atau latar belakang staf UTM dan persepsi terhadap pelajar lelaki lembut dari segi kefahaman, pencegahan dan kesan imej. Kaedah analisis deskriptif yang digunakan ialah kekerapan dan peratusan bagi menjelaskan hasil dapatan kajian yang diperolehi. Bagi soalan-soalan terbuka pula analisis secara kualitatif digunakan hasil daripada penelitian pengkaji terhadap cadangan dan komen yang diberikan.

4.2 Ciri-ciri Demografi Pelajar Lelaki Lembut

4.2.1 Latar Belakang Pelajar Lelaki Lembut

Item bagi maklumat demografi pelajar lelaki lembut termasuklah bangsa, agama, jantina, fakulti, umur, tahun pengajian, pekerjaan bapa, pekerjaan ibu, sekolah terakhir, bilangan adik-beradik, kedudukan anak keberapa dalam keluarga dan bilangan adik-beradik perempuan dalam keluarga. Profil bagi setiap item dianalisis dalam bentuk jadual.

4.2.1.1 Bangsa

Jadual 4.1 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan pelajar lelaki lembut mengikut bangsa. Bangsa Melayu adalah kumpulan yang terbesar iaitu berjumlah 113 orang (90.4%) daripada keseluruhan pelajar lelaki lembut. Diikuti oleh pelajar lelaki lembut berbangsa India seramai tujuh orang (5.6%). Manakala, pelajar lelaki lembut berbangsa Cina pula adalah seramai 5 orang (4.0%) daripada keseluruhan pelajar lelaki lembut.

Jadual 4.1: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut Mengikut Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	113	90.4
Cina	5	4.0
India	7	5.6
Jumlah	125	100

4.2.1.2 Agama

Taburan pelajar lelaki lembut mengikut agama pula menunjukkan seramai 114 orang (91.2%) adalah beragama Islam, enam orang (4.8%) beragama Hindu, tiga orang (2.4%) beragama Buddha dan dua orang (1.6%) daripada lain-lain agama sepertimana yang dijelaskan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut Mengikut Agama

Agama	Kekerapan	Peratus
Islam	114	91.2
Hindu	6	4.8
Buddha	3	2.4
Lain-lain	2	1.6
Jumlah	125	100

4.2.1.3 Fakulti

Berdasarkan Jadual 4.3 didapati pelajar lelaki lembut dari FKKS SA adalah paling ramai iaitu 28 orang (22.4%). Diikuti oleh FP 24 orang (19.2%), FKA 15 orang (12.0%), FKE 11 orang (8.8%), FS dan FSKSM masing-masing 10 orang (8.0%), FAB, FKM dan FPPSM masing-masing tujuh orang (5.6%) dan FKSG 6 orang (4.8%).

Jadual 4.3: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut Mengikut Fakulti

Fakulti	Kekerapan	Peratus
Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli (FKKKSA)	28	22.4
Pendidikan	24	19.2
Kejuruteraan Awam (FKA)	15	12.0
Kejuruteraan Elektrik (FKE)	11	8.8
Sains (FS)	10	8.0
Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM)	10	8.0
Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM)	7	5.6
Alam Bina (FAB)	7	5.6
Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	7	5.6
Kejuruteraan Sains Geoinformasi (FKSG)	6	4.8
Jumlah	125	100

4.2.1.4 Umur

Jadual 4.4 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan pelajar lelaki lembut berdasarkan umur. Daripada jumlah keseluruhan pelajar lelaki lembut iaitu 125 orang, didapati kelompok umur paling ramai ialah pada peringkat umur 21 tahun seramai 48 orang (38.4%), diikuti peringkat umur 20 tahun seramai 44 orang (35.2%), 22 orang (17.6%) pada peringkat umur 22 tahun. Hanya seorang berumur 24 tahun (0.8%).

Jadual 4.4: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut Mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratus
19 Tahun	5	4.0
20 Tahun	44	35.2
21 Tahun	48	38.4
22 Tahun	22	17.6
23 Tahun	5	4.0
24 Tahun	1	0.8
Jumlah	125	100

4.2.1.5 Tahun Pengajian

Jadual 4.5 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan pelajar lelaki lembut mengikut tahun pengajian. Didapati majoriti merupakan pelajar Tahun 4 iaitu seramai 58 orang (46.4%), 41 orang (32.8%) pelajar Tahun 3, 14 orang (11.2%) pelajar Tahun 5, 10 orang (8.0%) pelajar Tahun 2, manakala pelajar Tahun 1 dan pelajar Tahun Asas masing-masing hanya seorang (0.8%).

Jadual 4.5: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut Mengikut Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Kekerapan	Peratus
Tahun Asas	1	0.8
Tahun 1	1	0.8
Tahun 2	10	8.0
Tahun 3	41	32.8
Tahun 4	58	46.4
Tahun 5	14	11.2
Jumlah	125	100

4.2.1.6 Pekerjaan Bapa

Jadual 4.6 berikut menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan pekerjaan bapa di kalangan pelajar lelaki lembut dalam kajian ini. Daripada jadual tersebut didapati bahawa seramai 33 orang (26.4%) bapa mereka bekerja sebagai pendidik. 22 orang (17.6%) pula merupakan ahli perniagaan / peniaga. Seterusnya, 12 orang (9.6%) adalah pegawai, 10 orang (8.0%) masing-masing merupakan kakitangan sokongan dan bekerja sendiri.

Jadual 4.6: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pekerjaan Bapa Pelajar Lelaki Lembut

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Pendidik	33	26.4
Ahli perniagaan / Peniaga	22	17.6
Pegawai	12	9.6
Kakitangan sokongan	10	8.0
Bekerja sendiri	10	8.0
Polis / Tentera	8	6.4
Pengurus	5	4.0
Peneroka	4	3.2
Buruh	4	3.2
Wakil rakyat	1	0.8
Pesara	9	7.2
JUMLAH	118	94.4

*Meninggal dunia : 7 orang (5.6%)

4.2.1.7 Pekerjaan Ibu

Sementara itu, Jadual 4.7 pula menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan pekerjaan ibu bagi responden kajian ini. Berdasarkan jadual tersebut didapati bahawa majoriti di kalangan ibu mereka adalah dari kalangan pendidik iaitu seramai 33 orang (26.4%). Seterusnya, 14 orang (11.2%) merupakan kakitangan sokongan, 10 orang (8.0%) adalah ahli perniagaan / peniaga. Seramai 54 orang (43.2%) tidak bekerja (surirumah).

Jadual 4.7: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pekerjaan Ibu Pelajar Lelaki Lembut

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Pendidik	33	26.4
Kakitangan sokongan	14	11.2
Ahli perniagaan / Peniaga	10	8.0
Pengurus	5	4.0
Polis / Tentera	2	1.6
Buruh	2	1.6
Bekerja sendiri	2	1.6
Pesara	1	0.8
JUMLAH	69	55.2

*Surirumah : 54 orang (43.2%)

*Meninggal dunia : 2 orang (1.6%)

4.2.1.8 Sekolah Terakhir

Seterusnya, Jadual 4.8 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan sekolah terakhir yang diikuti oleh pelajar lelaki lembut. Secara keseluruhannya didapati bahawa pelajar lelaki lembut merupakan pelajar dari sekolah berasrama penuh iaitu seramai 102 orang (81.6%), 19 orang (15.2%) dari sekolah menengah harian biasa, dua orang (1.6%) masing-masing dari sekolah menengah agama dan sekolah swasta.

Jadual 4.8: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Sekolah Terakhir

Sekolah	Kekerapan	Peratus
Sekolah Berasrama Penuh	102	81.6
Sekolah Menengah Harian	19	15.2
Sekolah Menengah Agama	2	1.6
Sekolah Swasta	2	1.6
JUMLAH	125	100

4.2.1.9 Bilangan Adik-Beradik

Jadual 4.9 menjelaskan taburan kekerapan dan peratusan bilangan adik-beradik di kalangan pelajar lelaki lembut. Didapati bahawa seramai 69 orang (55.2%) mempunyai bilangan adik-beradik di antara empat hingga enam orang dan 8 orang (6.4%) mempunyai bilangan adik-beradik yang ramai iaitu di antara 10 hingga 11 orang. Manakala, 7 orang (5.6%) merupakan anak tunggal dalam keluarga.

Jadual 4.9: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Bilangan Adik-Beradik

Bilangan Adik-Beradik	Kekerapan	Peratus
1	7	5.6
2	7	5.6
3	13	10.4
4	27	21.6
5	21	16.8
6	21	16.8
7	12	9.6
8	8	6.4
9	1	0.8
10	6	4.8
11	2	1.6
JUMLAH	125	100

4.2.1.10 Anak Keberapa Dalam Keluarga

Seterusnya, Jadual 4.10 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan kedudukan pelajar lelaki lembut dalam keluarga. Seramai 30 orang (24.0%) merupakan anak ketiga dalam keluarga, diikuti dengan 27 orang (21.6%) merupakan anak keempat. Manakala, seramai 23 orang (18.4%) pula merupakan anak pertama dalam keluarga.

Jadual 4.10: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Anak Keberapa Dalam Keluarga

Anak Keberapa	Kekerapan	Peratus
1	23	18.4
2	10	8.0
3	30	24.0
4	27	21.6
5	16	12.8
6	6	4.8
7	7	5.6
9	3	2.4
10	3	2.4
JUMLAH	125	100

4.2.1.11 Bilangan Anak Perempuan

Jadual 4.11 menunjukkan 68 orang (54.4%) mempunyai bilangan adik-beradik perempuan di antara dua hingga empat orang. Manakala, 25 orang (20.0%) pula mempunyai hanya seorang adik-beradik perempuan dan 22 orang (17.6%) tidak mempunyai adik-beradik perempuan. Selebihnya iaitu seramai 10 orang (8.0%) mempunyai bilangan adik-beradik perempuan yang agak ramai iaitu di antara lima hingga enam orang.

Jadual 4.11: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Bilangan Adik-beradik Perempuan

Bilangan Adik-beradik Perempuan	Kekerapan	Peratus
0	22	17.6
1	25	20.0
2	29	23.2
3	24	19.2
4	15	12.0
5	6	4.8
6	4	3.2
JUMLAH	125	100

4.2.2 Jenis Personaliti

Penentuan jenis personaliti pelajar lelaki lembut dibuat berdasarkan kepada skor personaliti yang diperolehi hasil analisis 32 item personaliti. Gabungan empat jenis perwatakan iaitu *Extrovert* (E) atau *Introvert* (I), *Sensing* (S) atau *iNtuitive* (N), *Thinking* (T) atau *Feeling* (F) dan *Judging* (J) atau *Perceiving* (P) akan menghasilkan 16 jenis personaliti iaitu ISTJ, ISTP, ESTP, ESTJ, ISFJ, ISFP, ESFJ, ESFP, INFJ, INFP, ENFJ, ENFP, INTJ, INTP, ENTJ dan ENTP. Skor tertinggi bagi setiap empat jenis perwatakan menunjukkan jenis personaliti seseorang itu.

Jadual 4.12 menunjukkan taburan kekerapan dan peratus skor bagi jenis personaliti yang dimiliki oleh pelajar lelaki lembut. Hasil kajian ini mendapati bahawa jenis personaliti ESFJ (Pemberi Perlindungan) adalah paling ramai iaitu seramai 27 orang (21.6%). Seterusnya, diikuti oleh jenis personaliti ESFP (Pelaksana) iaitu seramai 23 orang (18.4%). Jenis personaliti ENFJ (Pemberi) dan INFJ (Pelindung) masing-masing adalah seramai 11 orang (8.8%). Sementara, 10 orang (8.0%) memiliki jenis personaliti ENFP (Pengilham).

Jadual 4.12: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Jenis Personaliti Pelajar Lelaki Lembut

Jenis Personaliti	Kekerapan	Peratus
ESFJ (Pemberi perlindungan)	27	21.6
ESFP (Pelaksana)	23	18.4
ENFJ (Pemberi)	11	8.8
INFJ (Pelindung)	11	8.8
ENFP (Pengilham)	10	8.0
ENTP (Penyokong wawasan)	9	7.2
INTJ (Saintis)	7	5.6
ISFJ (Pengasuh)	6	4.8
ENTJ (Eksekutif)	5	4.0
ESTJ (Penjaga)	4	3.2
ISFP (Artis)	4	3.2
ISTJ (Penyempurna tugas)	3	2.4
INFP (Idealis)	2	1.6
ISTP (Mekanik)	2	1.6
INTP (Pemikir)	1	0.8
ESTP (Pelaku)	0	0
JUMLAH	125	100

4.2.3 Gaya Hidup

Pandangan terhadap persoalan gaya hidup lelaki lembut diperolehi melalui analisis 33 item gaya hidup yang merangkumi aspek percintaan, naluri kewanitaan, penampilan, pengaruh serta komunikasi dalam kumpulan, kewangan, pengaruh luar dan kerohanian. Taburan skor ditunjukkan dalam bentuk kekerapan dan peratus seperti dalam Jadual 4.13(a), Jadual 4.13(b), Jadual 4.13(c), Jadual 4.13(d), Jadual 4.13(e), Jadual 4.13(f) dan Jadual 4.13(g). Bilangan item yang ditunjukkan adalah mengikut turutan bilangan dalam set soal selidik.

Jadual 4.13(a) menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan skor pelajar lelaki lembut terhadap aspek percintaan. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti iaitu seramai 120 orang (96.0%) menyatakan mereka menyukai kaum sejenis. 85 orang (68%) menyatakan mereka mendapat restu dan sokongan daripada pasangan. Dalam aspek percintaan ini juga menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar lelaki lembut iaitu 102 orang (81.6%) menyatakan mereka tidak tertarik kepada perempuan.

Jadual 4.13(a): Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Percintaan

No. Item	Item Soalan	Kekerapan dan Peratusan	
		Ya	Tidak
1	Saya menyukai kaum sejenis.	120 96.0%	5 4.0%
2	Pasangan saya merestui serta menyokong jalan kehidupan yang saya pilih sekarang ini.	85 68.0%	40 32.0%
3	Saya tidak tertarik kepada perempuan.	102 81.6%	23 18.4%

Jadual 4.13(b) pula menunjukkan menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan skor pelajar lelaki lembut terhadap aspek naluri kewanitaan. Sebahagian besar pelajar lelaki lembut iaitu 107 orang (85.6%) mengakui mereka merupakan individu yang cepat sensitif serta mudah tersentuh dan seramai 95 orang (76%) pula menyatakan mereka mudah emosi dan menangis.

Sebahagian besar pelajar lelaki lembut iaitu 105 orang (84.0%) menyatakan mereka memiliki perwatakan yang lemah lembut sejak dilahirkan lagi. Pelajar lelaki lembut juga menyatakan bahawa mereka lebih selesa menjalani kehidupan sebagai seorang wanita, mendapat kepuasan dengan kehidupan sebagai seorang wanita dan mempunyai naluri untuk menjadi perempuan yang sangat tinggi dengan masing-masing berjumlah 83 orang (66.4%), 80 orang (64.0%) dan 82 orang (65.6%). Sementara itu, sikap ghairah untuk meniru gaya serta sifat seorang wanita menunjukkan keputusan yang agak berbeza iaitu 63 orang (50.4%) menyatakan mereka tidak memiliki sifat tersebut, tetapi 62 orang (49.6%) pula menyatakan mereka mempunyai sifat tersebut.

Jadual 4.13(b): Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Naluri Kewanitaan

No. Item	Item Soalan	Kekerapan dan Peratusan	
		Ya	Tidak
4	Saya cepat rasa sensitif dan mudah tersentuh.	107 85.6%	18 14.4%
5	Saya mudah emosi dan menangis.	95 76.0%	30 24.0%
6	Sejak dilahirkan saya mempunyai perwatakan yang lemah lembut .	105 84.0%	20 16.0%
7	Saya merasa lebih selesa menjalani kehidupan sebagai seorang wanita.	83 66.4%	42 33.6%
8	Saya mendapat kepuasan dengan menjalani kehidupan sebagai seorang wanita.	80 64.0%	45 36.0%
9	Naluri saya untuk menjadi perempuan adalah sangat tinggi .	82 65.6%	43 34.4%
10	Saya ghairah meniru gaya serta sifat seorang wanita.	62 49.6%	63 50.4%

Seterusnya, Jadual 4.13(c) pula menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan skor pelajar lelaki lembut terhadap aspek penampilan. Kajian mendapati bahawa 85 orang (68.0%) menyatakan bahawa mereka tidak suka menggoda lelaki berbanding 40 orang (32.0%) yang suka menggoda lelaki. Sebaliknya, 74 orang (59.2%) menyatakan mereka sentiasa memastikan diri kelihatan menarik dimata lelaki. Pelajar lelaki lembut juga mengakui bahawa mereka mempunyai ketrampilan diri yang anggun dan jelita iaitu seramai 75 orang (60.0%) dan 90 orang (72.0%) suka berhias dan berdandan.

Jadual 4.13(c): Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Penampilan

No. Item	Item Soalan	Kekerapan dan Peratusan	
		Ya	Tidak
11	Saya suka menggoda lelaki.	40 32.0%	85 68.0%
12	Saya memastikan diri kelihatan menarik di mata lelaki.	74 59.2%	51 40.8%
13	Ketrampilan saya anggun dan jelita.	75 60.0%	50 40.0%
14	Saya suka berhias dan berdandan.	90 72.0%	35 28.0%

Berdasarkan Jadual 4.13(d) didapati bahawa pelajar lelaki lembut lebih suka bergaul dan berkomunikasi dalam kelompok mereka sahaja. Seramai 74 orang (59.2%) menyatakan mereka bergaul dengan rakan yang mempunyai naluri yang sama dengannya, 89 orang (71.2%) menyatakan mereka lebih banyak berkomunikasi dengan rakan yang berperwatakan lembut dan 96 orang (76.8%) lebih berminat untuk menyertai kelompok lelaki lembut daripada lelaki normal. Sementara dari segi pengaruh pula, 72 orang (57.6%) mengakui mereka banyak dipengaruhi oleh rakan yang bersifat lembut dan 77 orang (61.6%) pula menyatakan rakan mereka yang lembut sangat mempengaruhi diri mereka. 78 orang (62.4%) pelajar lelaki lembut setuju bahawa mereka terlibat secara aktif dalam persatuan yang mewakili kelompok mereka. Selain itu, 86 orang (68.8%) menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai idola lelaki lembut di kampus, manakala 39 orang (31.2%) pula mengakui mereka mempunyai idola lelaki lembut di kampus. Secara keseluruhannya, didapati bahawa majoriti pelajar lelaki lembut lebih banyak bergaul serta berkomunikasi sesama kelompok mereka dan saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Jadual 4.13(d): Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Pengaruh Serta Komunikasi Dalam Kumpulan

No. Item	Item Soalan	Kekerapan dan Peratusan	
		Ya	Tidak
15	Saya hanya bergaul dengan mereka yang mempunyai naluri yang sama dengan saya.	74 59.2%	51 40.8%
16	Saya banyak dipengaruhi oleh rakan saya yang bersifat lembut.	72 57.6%	53 42.4%
17	Rakan saya yang lembut banyak memberi pengaruh terhadap saya.	77 61.6%	48 38.4%
18	Saya lebih banyak berkomunikasi dengan mereka yang berperwatakan lembut.	89 71.2%	36 28.8%
19	Saya aktif dalam persatuan yang mewakili kelompok saya.	78 62.4%	47 37.6%
20	Saya lebih berminat untuk menyertai kelompok lelaki lembut daripada lelaki normal.	96 76.8%	29 23.2%
21	Saya mempunyai seorang idola lelaki lembut di kampus ini.	39 31.2%	86 68.8%

Jadual 4.13(e) menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan persepsi pelajar lelaki lembut terhadap aspek kewangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 81 orang (64.8%) menjadikan kemewahan hidup sebagai matlamat diri. 86 orang (68.8%) pula menyatakan mereka sukakan kemewahan hidup. Majoriti iaitu 101 orang (80.8%) mengakui bahawa kehidupan lembut ini bukanlah satu cara yang memudahkan mereka untuk mendapatkan wang. Dari segi perbelanjaan pula, 62 orang (49.6%) menyatakan mereka sanggup membeli barangan persolekan yang mahal untuk keperluan diri, manakala 63 orang (50.4%) pula tidak sanggup untuk berbuat demikian.

Jadual 4.13(e): Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Kewangan

No. Item	Item Soalan	Kekerapan dan Peratusan	
		Ya	Tidak
22	Kemewahan hidup merupakan matlamat saya.	81 64.8%	44 35.2%
23	Saya sukakan kemewahan hidup.	86 68.8%	39 31.2%
24	Kehidupan lembut saya ini memudahkan saya untuk mendapatkan wang.	24 19.2%	101 80.8%
25	Saya sanggup membeli barangan persolekan yang mahal.	62 49.6%	63 50.4%

Dapatan kajian yang seterusnya dilihat dari aspek pengaruh luar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.13(f). Majoriti iaitu 100 orang (80.0%) menyatakan bahawa mereka tidak mengkagumi gaya hidup lelaki lembut atau transeksual di barat. Hasil kajian juga mendapati 66 orang (52.8%) mengikuti perkembangan dunia lelaki lembut melalui media massa. Sementara itu, 103 orang (82.4%) mengakui mereka sentiasa mengikuti perkembangan dunia fesyen wanita dan 90 orang (72.0%) menyatakan perkembangan ini banyak memperbaharui penampilan diri mereka.

Jadual 4.13(f): Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Pengaruh Luar

No. Item	Item Soalan	Kekerapan dan Peratusan	
		Ya	Tidak
26	Saya mengkagumi gaya hidup lelaki lembut (transeksual) di barat.	25 20.0%	100 80.0%
27	Media massa banyak memberi ruang untuk mengetahui segala perkembangan dunia lelaki lembut.	66 52.8%	59 47.2%
28	Saya mengikuti perkembangan dunia fesyen wanita.	103 82.4%	22 17.6%
29	Perkembangan dunia fesyen wanita banyak mempengaruhi penampilan saya.	90 72.0%	35 28.0%

Jadual 4.13(g) menerangkan taburan kekerapan dan peratusan persepsi pelajar lelaki lembut terhadap aspek kerohanian. Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti iaitu 118 orang (94.4%) menganggap kehidupan lelaki lembut adalah normal. Sementara, 83 orang (66.4%) menyatakan bahawa mereka kurang berminat membicarakan soal kematian dan kerohanian dan 95 orang (76.0%) pula mengakui bahawa mereka sering tertinggal solat. Akhir sekali, majoriti iaitu 120 orang (96.0%) beranggapan bahawa manusia mempunyai kebebasan untuk menjalani kehidupan yang mereka pilih.

Jadual 4.13(g): Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Kerohanian

No. Item	Item Soalan	Kekerapan dan Peratusan	
		Ya	Tidak
30	Saya menganggap kehidupan lelaki lembut adalah normal.	118 94.4%	7 5.6%
31	Saya kurang berminat membicarakan soal kematian dan kerohanian.	83 66.4%	42 33.6%
32	Kadang-kala saya sering tertinggal solat.	95 76.0%	30 24.0%
33	Bagi saya manusia bebas untuk menjalani kehidupan yang mereka pilih.	120 96.0%	5 4.0%

Jadual 4.14 menunjukkan tahap gaya hidup (percintaan, naluri kewanitaan, penampilan, pengaruh serta komunikasi dalam kumpulan, kewangan, pengaruh luar dan kerohanian) pelajar lelaki lembut. Kajian mendapati bahawa seramai 93 orang (74.4%) mencapai tahap gaya hidup lelaki lembut yang tinggi, manakala 32 orang (25.6%) pula berada pada tahap gaya hidup yang rendah. Ini bermakna bahawa majoriti pelajar lelaki lembut mengamalkan gaya hidup sebagai lelaki lembut dalam kehidupan mereka.

Jadual 4.14: Tahap Gaya Hidup Pelajar Lelaki Lembut

Julat Skor	Kekerapan	Peratusan	Tahap
0 – 17	32	25.6	Rendah
18 – 33	93	74.4	Tinggi
JUMLAH	125	100	

4.2.4 Self-esteem

Jadual 4.15 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan *self-esteem* pelajar-pelajar lelaki lembut. Hasil analisis secara keseluruhannya menunjukkan bahawa peratusan *self-esteem* di kalangan pelajar lelaki lembut adalah tinggi. Ini ditunjukkan melalui persetujuan mereka terhadap item-item positif dan tidak bersetuju terhadap item-item negatif.

Jadual 4.15: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Self-esteem Pelajar Lelaki Lembut

No. Item	Item Soalan	Kekerapan Dan Peratusan				
		STS	TS	KS	S	SS
1	Secara keseluruhan saya berpuas hati dengan diri saya	4 3.2%	3 4.4%	3 4.4%	54 43.2%	61 48.8%
2	Pada masa tertentu, saya merasakan saya tidak baik sama sekali	25 20%	11 8.8%	41 32.8%	47 37.6%	1 0.8%
3	Saya rasa saya mempunyai beberapa kriteria yang berkualiti	0	0	5 4%	55 44%	65 52%

4	Saya boleh melakukan perkara sebagaimana orang lain boleh lakukan	0	0	11 8.8%	54 43.2%	60 48%
5	Saya rasa tidak mempunyai apa apa yang boleh dibanggakan	34 27.2%	22 17.6%	56 44.8%	10 8.0%	3 2.4%
6	Kadang-Kadang saya rasa tidak berguna	47 37.6%	28 22.4%	28 22.4%	21 16.8%	1 0.8%
7	Saya seorang yang berguna sama seperti orang lain	0	0	6 4.8%	56 44.8%	63 50.4%
8	Saya berharap saya lebih menghormati diri saya.	2 1.6%	5 4%	17 13.6%	49 39.2%	52 41.6%
9	Secara keseluruhan saya seorang yang gagal	82 65.6%	26 20.8%	13 10.4%	1 0.8%	3 2.4%
10	Saya berpandangan positif terhadap diri saya	1 0.8%	2 1.6%	2 1.6%	48 38.4%	72 57.6%

Sementara itu, Jadual 4.16 menunjukkan keputusan kajian terhadap tahap *self-esteem* di kalangan pelajar lelaki lembut. Daripada 125 orang, 90 orang (72.9%) mencapai tahap *self-esteem* yang tinggi, sementara 35 orang (28.0%) lagi berada pada tahap yang sederhana. Tiada pelajar lelaki lembut yang berada pada tahap *self-esteem* yang rendah. Keputusan menjelaskan bahawa golongan pelajar lelaki lembut ini berpandangan positif terhadap diri mereka.

Jadual 4.16: Tahap *Self-esteem* Pelajar Lelaki Lembut

Julat Skor	Kekerapan	Peratusan	Tahap
0 – 15	0	0	Rendah
17 – 33	35	28.0	Sederhana
34 – 50	90	72.0	Tinggi
JUMLAH	125	100	

4.3 Ciri-ciri Demografi Pelajar-pelajar Bukan Lembut UTM

4.3.1 Latar Belakang

Bahagian A dalam soal selidik mengandungi maklumat tentang latar belakang pelajar-pelajar lain di UTM yang terlibat dalam kajian ini. Soalan-soalan yang dikemukakan bagi maklumat demografi termasuklah bangsa, agama, umur, tahun pengajian dan jantina.

4.3.1.1 Bangsa

Jadual 4.17 menunjukkan taburan pelajar-pelajar mengikut bangsa. Analisis kajian menunjukkan bahawa majoriti iaitu seramai 420 orang (84.0%) adalah pelajar Melayu, diikuti oleh pelajar Cina seramai 44 orang (8.8%), pelajar India seramai 26 orang (5.2%), dan 10 orang (2.0%) adalah pelajar dari lain-lain bangsa.

Jadual 4.17: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar-pelajar Mengikut Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	420	84.0
Cina	44	8.8
India	26	5.2
Lain-lain	10	2.0
Jumlah	500	100

4.3.1.2 Agama

Berdasarkan Jadual 4.18 didapati bahawa majoriti pelajar adalah beragama Islam iaitu seramai 425 orang (85.0%), diikuti oleh pelajar beragama Buddha seramai 25 orang (5.0%), Hindu 21 orang (4.2%), Kristian 28 orang (5.6%) dan seorang adalah penganut lain-lain agama.

Jadual 4.18: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar-pelajar Mengikut Agama

Agama	Kekerapan	Peratus
Islam	425	85.0
Buddha	25	5.0
Hindu	21	4.2
Kristian	28	5.6
Lain-lain	1	0.2
Jumlah	500	100

4.3.1.3 Umur

Berdasarkan Jadual 4.19, majoriti pelajar berumur dalam lingkungan 19 hingga 21 tahun iaitu seramai 411 orang (82.2%). 87 orang (17.4%) berumur dalam lingkungan 22 hingga 26 tahun.

Jadual 4.19: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar-pelajar Mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratus
18 Tahun	2	0.4
19 Tahun	89	17.8
20 Tahun	194	38.8
21 Tahun	128	25.6
22 Tahun	60	12.0
23 Tahun	18	3.6
24 Tahun	8	1.6
26 Tahun	1	0.2
Jumlah	500	100

4.3.1.4 Tahun Pengajian

Hampir 50% merupakan pelajar Tahun 3 iaitu seramai 235 orang (47%) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.20. Pelajar Tahun 2 dan 4 pula mewakili seramai 171 orang (34.2%). Manakala, 15 orang (3.0%) tidak menjawab soalan ini.

Jadual 4.20: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Kekerapan	Peratus
Tahun Asas	1	0.2
Tahun 1	74	14.8
Tahun 2	83	16.6
Tahun 3	235	47.0
Tahun 4	88	17.6
Tahun 5	4	0.8
Tidak Menjawab	15	3.0
Jumlah	500	100

4.3.1.5 Jantina

Sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.21 didapati bahawa seramai 309 orang (61.8%) adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan 191 orang (38.2%) adalah pelajar perempuan.

Jadual 4.21: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar-pelajar Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	309	61.8
Perempuan	191	38.2
Jumlah	500	100

4.3.2 Analisis Persepsi Pelajar Bukan Lembut UTM Terhadap Pelajar Lelaki Lembut

Bahagian ini akan membincangkan hasil analisis persepsi pelajar UTM terhadap pelajar lelaki lembut. Persepsi pelajar dilihat daripada beberapa aspek termasuklah dari segi kefahaman, kesan imej, kesan akademik, pencegahan dan hubungan interpersonal.

4.3.2.1 Kefahaman Terhadap Pelajar Lelaki Lembut

Jadual 4.22 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan skor pelajar-pelajar bukan lembut terhadap aspek kefahaman berkenaan dengan pelajar lelaki lembut. Keputusan kajian mendapati iaitu seramai 387 orang pelajar (77.4%) memahami bahawa perlakuan pelajar lelaki lembut menyalahi ajaran agama. Seramai 363 orang pelajar (72.6%) bersetuju bahawa pelajar lelaki lembut senang diberi tafsiran atau pandangan yang salah. Sebahagian besar pelajar iaitu lebih 80% bersetuju bahawa pelajar lelaki lembut terlalu mengikut perasaan dan mudah terpengaruh dengan persekitaran. Pelajar lelaki lembut juga dikatakan sangat up-to-date dengan perkembangan fesyen. Daripada

keputusan kajian ini didapati pelajar-pelajar bukan lembut di UTM mempunyai maklumat serta memahami tingkah laku dan latar belakang lelaki lembut. Secara kesimpulannya, pelajar-pelajar UTM menolak kehadiran pelajar lelaki lembut di kampus walaupun julat perbezaannya adalah kecil.

Jadual 4.22: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Aspek Kefahaman

No. Item	Item Soalan	Kekerapan Dan Peratusan				
		STS	TS	KS	S	SS
6	Pelajar lelaki lembut mampu mempengaruhi pelajar lain untuk menjadi pelajar lelaki lembut.	49 9.8%	73 14.6%	134 26.8%	185 37.0%	59 11.8%
7	Saya tahu perlakuan pelajar lelaki lembut menyalahi ajaran agama.	11 2.2%	26 5.2%	76 15.2%	162 32.4%	225 45.0%
8	Pelajar lelaki lembut terlalu mengikut perasaan untuk menjadi wanita.	3 0.6%	17 3.4%	66 13.2%	235 47.0%	179 35.8%
9	Pelajar lelaki lembut mudah terpengaruh dengan keadaan persekitaran.	6 1.2%	17 3.4%	71 14.2%	265 53.0%	141 28.2%
10	Pelajar lelaki lembut mempunyai kaitan dengan persatuan mak nyah di luar kampus.	13 2.6%	46 9.2%	193 38.6%	173 34.6%	75 15.0%
11	Kewujudan pelajar lelaki lembut menjadikan saya lebih peka kepada isu-isu feminin/meskulin.	35 7.0%	67 13.4%	158 31.6%	198 39.6%	42 8.4%
12	Pelajar lelaki lembut sangat <i>up-to-date</i> dengan perkembangan fesyen.	15 3.0%	21 4.2%	83 16.6%	236 47.2%	145 29.0%
13	Pelajar lelaki lembut seorang yang bijak dalam akademik.	30 6.0%	54 10.8%	222 44.4%	173 34.6%	21 4.2%
14	Pelajar lelaki lembut sering diberi tafsiran atau pandangan yang salah.	13 2.6%	26 5.2%	98 19.6%	241 48.2%	122 24.4%
15	Pelajar lelaki lembut sebenarnya seorang yang baik dan berdisiplin serta rajin.	34 6.8%	56 11.2%	181 36.2%	197 39.4%	32 6.4%

16	Pelajar lelaki lembut sering mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan.	29 5.8%	61 12.2%	251 50.2%	143 28.6%	16 3.2%
17	Semua warga kampus harus menerima kewujudan pelajar lelaki lembut kerana mereka juga manusia biasa.	77 15.4%	69 13.8%	135 27.0%	168 33.6%	51 10.2%
36	Pelajar lelaki lembut adalah berfikiran terbuka.	58 11.6%	58 11.6%	175 35.0%	181 36.2%	28 5.6%

4.3.2.2 Kesan Imej

Taburan kekerapan dan peratusan skor pelajar-pelajar bagi item soalan berkaitan aspek kesan imej ditunjukkan dalam Jadual 4.23. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti iaitu 443 orang pelajar (88.6%) berpandangan negatif terhadap cara pelajar lelaki lembut berpakaian dan 381 orang (76.2%) menyatakan golongan pelajar ini suka menonjolkan diri untuk menarik perhatian umum. Secara jelas didapati bahawa sebahagian besar pelajar iaitu seramai 371 orang (74.2%) menyatakan bahawa kewujudan pelajar lelaki lembut akan memberi imej yang buruk kepada UTM.

Jadual 4.23: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Kesan Imej

No. Item	Item Soalan	Kekerapan Dan Peratusan				
		STS	TS	KS	S	SS
18	Saya suka melihat cara pelajar lelaki lembut berpakaian.	232 46.4%	107 21.4%	104 20.8%	37 7.4%	20 4.0%
19	Pelajar lelaki lembut suka menonjolkan diri untuk menarik perhatian umum.	11 2.2%	157 3.0%	93 18.6%	232 46.4%	149 29.8%
20	Pelajar lelaki lembut akan memberi imej yang buruk kepada UTM.	20 4.0%	22 4.4%	87 17.4%	179 35.8%	192 38.4%

4.3.2.3 Kesan Akademik

Jadual 4.24 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan skor pelajar-pelajar terhadap kesan akademik. Hasil analisis mendapati sebahagian besar pelajar iaitu seramai 402 orang (80.4%) tidak bersetuju menyatakan pelajar lelaki lembut gagal belajar dengan baik dan seramai 427 orang (85.4%) menolak pernyataan bahawa kewujudan pelajar lelaki lembut menjadikan mereka lebih rajin belajar.

Jadual 4.24: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Kesan Akademik Pelajar Lelaki Lembut

No. Item	Item Soalan	Kekerapan Dan Peratusan				
		STS	TS	KS	S	SS
21	Pelajar lelaki lembut gagal belajar dengan baik.	29 5.8%	56 11.2%	317 63.4%	77 15.4%	21 4.2%
22	Kewujudan pelajar lelaki lembut menjadikan saya lebih rajin belajar.	134 26.8%	100 20.0%	193 38.6%	58 11.6%	15 3.0%

4.3.2.4 Pencegahan

Seterusnya, Jadual 4.25 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan persepsi pelajar-pelajar terhadap aspek pencegahan. Didapati majoriti pelajar iaitu seramai 346 orang (69.2%) menolak pernyataan bahawa pelajar lelaki lembut sukar untuk dibawa kembali ke pangkal jalan. Sebahagian besar pelajar iaitu 410 orang (82%) tidak bersetuju menyatakan bahawa pelajar lelaki lembut harus dipinggirkan dari masyarakat kampus.

Jadual 4.25: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Aspek Pencegahan

No. Item	Item Soalan	Kekerapan Dan Peratusan				
		STS	TS	KS	S	SS
23	Pelajar lelaki lembut sukar untuk dibawa kembali ke pangkal jalan.	47 9.4%	74 14.8%	225 45.0%	121 24.2%	33 6.6%
24	Pelajar lelaki lembut harus dipinggirkan dari masyarakat kampus.	100 20.0%	113 22.6%	197 39.4%	60 12.0%	30 6.0%

4.3.2.5 Hubungan Interpersonal

Jadual 4.26 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan persepsi pelajar-pelajar dari segi hubungan interpersonal. Keputusan kajian mendapati majoriti pelajar iaitu seramai 386 orang (77.2%) berpendapat bahawa pelajar lelaki lembut mudah untuk didekati. Bagaimanapun, 302 orang pelajar (60.4%) bersetuju bahawa golongan pelajar lelaki lembut hanya bergaul sesama rakan mereka sahaja. Didapati keseluruhan keputusan kajian yang diperolehi bagi aspek hubungan interpersonal pelajar-pelajar bukan lembut dengan pelajar lelaki lembut adalah rendah. Ini ditunjukkan oleh persepsi mereka yang tidak bersetuju dengan kesemua item yang diberi.

Jadual 4.26: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar-pelajar Terhadap Hubungan Interpersonal

No. Item	Item Soalan	Kekerapan Dan Peratusan				
		STS	TS	KS	S	SS
25	Pelajar lelaki lembut sukar untuk didekati.	53 10.6%	93 18.6%	240 48.0%	86 17.2%	28 5.6%
26	Pelajar lelaki lembut hanya suka bergaul sesama mereka sahaja.	23 4.6%	43 8.6%	132 26.4%	191 38.2%	111 22.2%
27	Saya suka berkawan dengan pelajar lelaki lembut.	161 32.2%	96 19.2%	163 32.6%	64 12.8%	16 3.2%
28	Saya suka melihat perwatakan pelajar lelaki lembut.	192 38.4%	99 19.8%	131 26.2%	63 12.6%	15 3.0%
29	Saya sering berbincang tentang isu semasa dengan pelajar lembut.	152 30.4%	127 25.4%	148 29.6%	54 10.8%	19 3.8%
30	Saya selalu berbincang tentang tugas dengan pelajar lembut.	155 31.0%	124 24.8%	161 32.2%	49 9.8%	11 2.2%
31	Saya suka duduk di sebelah pelajar lelaki lembut semasa dalam bilik kuliah.	204 40.8%	127 25.4%	129 25.8%	32 6.4%	8 1.6%
32	Saya sering bertukar-tukar nota kuliah dan buku akademik dengan pelajar lelaki lembut.	168 33.6%	135 27.0%	137 27.4%	52 10.4%	8 1.6%
33	Saya lebih suka membuat kumpulan tugas dengan pelajar lelaki lembut.	167 33.4%	109 21.8%	162 32.4%	50 10.0%	12 2.4%
34	Saya suka keluar bersiar-siar dengan pelajar lelaki lembut.	239 47.8%	95 19.0%	124 24.8%	27 5.4%	15 3.0%

35	Pelajar lelaki lembut sering mengunjungi saya di rumah atau di bilik.	294 58.8%	98 19.6%	76 15.2%	22 4.4%	10 2.0%
37	Saya gemar dengan pertuturan pelajar lelaki lembut kerana menampakkan ciri-ciri kesopanan.	204 40.8%	112 22.4%	120 24.0%	53 10.6%	11 2.2%
38	Gerak geri dan cara berjalan pelajar lelaki lembut sesuatu yang unik dan berseni.	233 46.6%	91 18.2%	91 18.2%	63 12.6%	22 4.4%
39	Pelajar lelaki lembut sering meluahkan emosi dan masalahnya kepada saya.	250 50.0%	105 21.0%	107 21.4%	33 6.6%	5 1.0%
40	Pelajar lelaki lembut seorang yang pemurah kerana mudah membantu rakan-rakan yang dalam kesempitan.	90 18.0%	79 15.8%	152 30.4%	159 31.8%	20 4.0%

4.4 Ciri-ciri Demografi Staf UTM

4.4.1 Latar Belakang

Bahagian A soal selidik merupakan bahagian maklumat latar belakang staf UTM. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat demografi staf UTM. Item-item bagi maklumat demografi termasuklah jantina, umur, tahap pendidikan tertinggi, jawatan, bahagian perkhidmatan dan tempoh perkhidmatan.

4.4.1.1 Jantina

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.27 didapati seramai 256 orang (55.7%) adalah terdiri daripada staf lelaki dan 204 orang (44.3%) adalah staf perempuan.

Jadual 4.27: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Staf UTM Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	256	55.7
Perempuan	204	44.3
Jumlah	460	100

4.4.1.2 Umur

Jadual 4.28 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan staf UTM mengikut tahap umur. Hasil analisis menunjukkan 182 orang (39.6%) berada pada tahap umur di antara 41 hingga 50 tahun, 136 orang (29.6%) pada tahap umur 31 hingga 40 tahun, 95 orang (20.7%) pada tahap umur 20 hingga 30 tahun, 46 orang (10.0%) pada tahap umur melebihi 51 tahun. Hanya seorang (0.2%) sahaja yang berumur kurang daripada 20 tahun.

Jadual 4.28: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Tahap Umur

Tahap Umur	Kekerapan	Peratus
Kurang 20 tahun	1	0.2
20 hingga 30 tahun	95	20.7
31 hingga 40 tahun	136	29.6
41 hingga 50 tahun	182	39.6
51 tahun ke atas	46	10.0
Jumlah	460	100

4.4.1.3 Tahap Pendidikan Tertinggi

Jadual 4.29 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan staf mengikut tahap pendidikan tertinggi. Analisis kajian menunjukkan bahawa majoriti iaitu seramai 329 orang (71.5%) mempunyai tahap pendidikan hingga ke peringkat ijazah, 26 orang (5.7%) berpendidikan peringkat diploma, 15 orang (3.3%) berpendidikan peringkat STPM, 77 orang (16.7%) berpendidikan peringkat SPM dan 13 orang (2.8%) berpendidikan peringkat SRP.

Jadual 4.29: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi

Pendidikan Tertinggi	Kekerapan	Peratus
SRP	13	2.8
SPM	77	16.7
STPM	15	3.3
DIPLOMA	26	5.7
IJAZAH	329	71.5
Jumlah	460	100

4.4.1.4 Jawatan

Jadual 4.30 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan staf mengikut jawatan. Hasil analisis secara jelas menunjukkan bahawa majoriti adalah terdiri daripada staf akademik yang berjumlah 286 orang (62.2%). Diikuti oleh staf sokongan seramai 118 orang (25.7%) dan seterusnya adalah staf pentadbiran iaitu seramai 56 orang (12.2%).

Jadual 4.30: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Jawatan

Jawatan	Kekerapan	Peratus
Staf akademik	286	62.2
Staf pentadbiran	56	12.2
Staf sokongan	118	25.7
Jumlah	460	100

4.4.1.5 Bahagian Perkhidmatan

Jadual 4.31 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan staf mengikut bahagian perkhidmatan. Secara keseluruhannya adalah terdiri daripada individu yang berkhidmat di fakulti sebagai staf pentadbiran, staf akademik atau staf sokongan iaitu seramai 306 orang (66.5%). 54 orang (11.7%) berkhidmat di kolej penempatan pelajar, 28 orang (6.1%) dari Pusat Perkembangan Islam dan Pembangunan Sosial, 16 orang (3.5%) berkhidmat di bahagian Hal Ehwal Pelajar, 15 orang (3.3%) berkhidmat di Perpustakaan Sultanah Zanariah, 14 orang (3.0%) berkhidmat di Unit Pengurusan Akademik, 10 orang (2.2%) berkhidmat di Pusat Kesihatan UTM dan masing-masing 4 orang (0.9%) yang berkhidmat di Unit Kebudayaan, Unit Ko-Kurikulum, Unit Keselamatan dan Unit Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar. Seorang (0.2%) menyatakan ia berkhidmat di bahagian umum UTM.

Jadual 4.31: Taburan Kekerapan Dan Peratus Mengikut Bahagian Perkhidmatan

Bahagian Perkhidmatan	Kekerapan	Peratus
Fakulti Alam Bina (FAB)	31	6.7
FELO Kolej	25	5.4
Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA)	39	8.5
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	32	7.0
Fakulti Kejuruteraan Kimia Dan Kejuruteraan Sumber Asli (FKKSA)	35	7.6
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	10	2.2
Fakulti Kejuruteraan Sains Geoinformasi (FKSG)	42	9.1
Fakulti Pendidikan (FP)	21	4.6
Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM)	30	6.5
Fakulti Sains (FS)	46	10.0
Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat (FSKSM)	20	4.3
Hal Ehwal Pelajar (HEP)	16	3.5
Unit Kebudayaan	4	0.9
Unit Keselamatan	4	0.9
Unit Ko-Kurikulum	4	0.9
Kolej Pelajar	29	6.3
Pusat Kesihatan (PK)	10	2.2
Pusat Perkembangan Islam Dan Pembangunan Sosial (PPIPS)	28	6.1
Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ)	15	3.3
Umum	1	0.2
Unit Pengurusan Akademik	14	3.0
Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar (UPSP)	4	0.9
Jumlah	460	100

4.4.1.5 Tempoh Perkhidmatan

Sementara itu, Jadual 4.32 pula menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan staf ikut tempoh perkhidmatan. Daripada analisis didapati 110 orang (23.9%) mempunyai pengalaman berkhidmat melebihi 15 tahun, 145 orang (31.5%) telah berkhidmat dalam tempoh 11 hingga 15 tahun, 131 orang (28.5%) berkhidmat dalam tempoh 5 hingga 10 tahun dan 74 orang (16.1%) berkhidmat kurang daripada 5 tahun.

Jadual 4.32: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Tempoh Perkhidmatan

Tempoh Perkhidmatan	Kekerapan	Peratus
Kurang 5 tahun	74	16.1
5 hingga 10 tahun	131	28.5
11 hingga 15 tahun	145	31.5
Lebih 15 tahun	110	23.9
Jumlah	460	100

4.4.2 Analisis Persepsi Staf UTM Terhadap Pelajar Lelaki Lembut

Bahagian ini akan membincangkan hasil analisis persepsi staf UTM terhadap pelajar lelaki lembut. Tahap persepsi dilihat daripada beberapa aspek termasuklah dari segi kefahaman, pencegahan dan kesan imej.

4.4.2.1 Kefahaman Staf UTM Terhadap Pelajar Lelaki Lembut

Jadual 4.33 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan persepsi staf terhadap aspek kefahaman tentang pelajar lelaki lembut. Secara keseluruhannya, sebahagian besar iaitu 90.6% staf memahami bahawa pelajar lelaki lembut adalah bersifat lemah lembut yang mirip kepada wanita. Manakala, sebanyak 68.1% staf tidak bersetuju bahawa gejala lelaki lembut adalah merupakan fenomena semulajadi di kampus, sebaliknya majoriti

menganggap kewujudan lelaki lembut merupakan satu daripada gejala sosial yang menyalahi ajaran agama. Majoriti staf sama ada lelaki atau wanita tidak menyenangi kehadiran pelajar lelaki lembut, namun sebahagian besar daripada mereka menolak andaian kewujudan pelajar lelaki lembut adalah disebabkan oleh kehadiran staf lelaki yang lembut. Majoriti iaitu lebih daripada 50% staf beranggapan pelajar lelaki lembut mempunyai persatuan mereka sendiri di kampus dan mempunyai hubungan dengan golongan mak nyah yang berada di luar kampus. Sebanyak 59.3% staf bersetuju kewujudan pelajar lelaki lembut mampu mempengaruhi pelajar lain untuk menjadi lelaki lembut.

Jadual 4.33: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Aspek Kefahaman

No. Item	Item Soalan	Kekerapan Dan Peratusan				
		STS	TS	KS	S	SS
7	Pelajar lelaki lembut merupakan lelaki yang bersifat lemah lembut atau mempunyai kelembutan yang mirip kepada wanita.	4 0.9%	4 0.9%	35 7.6%	168 36.5%	249 54.1%
8	Pelajar lelaki lembut termasuk dalam gejala sosial.	9 2.0%	16 3.5%	76 16.5%	149 32.4%	210 45.7%
9	Kewujudan pelajar lelaki lembut di kampus merupakan fenomena semulajadi.	98 21.3%	102 22.2%	113 24.6%	90 19.6%	57 12.4%
10	Pelajar lelaki lembut mampu mempengaruhi pelajar lain untuk menjadi pelajar lembut.	23 5.0%	64 13.9%	100 21.7%	135 29.3%	138 30.0%
11	Pelajar lelaki lembut mempunyai kaitan dengan persatuan mak nyah di luar kampus.	2 0.4%	21 4.6%	189 41.1%	161 35.0%	87 18.9%
12	Perlakuan pelajar lelaki lembut menyalahi ajaran agama.	6 1.3%	16 3.5%	42 9.1%	110 23.9%	286 62.2%
13	Kewujudan pelajar lelaki lembut disebabkan oleh wujudnya staf lelaki yang lembut.	75 16.3%	117 25.4%	181 39.3%	71 15.4%	16 3.5%

14	Kebebasan mengamalkan cara hidup yang diberikan oleh UTM merangsang wujudnya pelajar lelaki lembut.	27 5.9%	77 16.7%	136 29.6%	112 24.3%	108 23.5%
15	Kehadiran pelajar lelaki lembut kurang disenangi oleh staf wanita.	12 2.6%	47 10.2%	147 32.0%	214 46.5%	40 8.7%
16	Kehadiran pelajar lelaki lembut disenangi oleh staf lelaki.	51 11.1%	104 22.6%	225 48.9%	69 15.0%	11 2.4%
17	Pelajar lembut memiliki persatuan mereka sendiri di kampus.	12 2.6%	22 4.8%	154 33.5%	159 34.6%	113 24.6%
26	Pelajar lembut sangat kuat berpersatuan di kalangan mereka dan sering menjalankan aktiviti mereka sendiri.	3 0.7%	32 7.0%	136 29.6%	158 34.3%	131 28.5%

4.4.2.2 Pencegahan

Jadual 4.34 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan skor terhadap aspek pencegahan dalam usaha untuk menangani fenomena pelajar lelaki lembut. Keputusan kajian mendapati majoriti staf iaitu lebih daripada 50% berpandangan negatif bahawa UTM sentiasa mengambil berat tentang masalah kewujudan pelajar lelaki lembut dan usaha UTM menghalang wujudnya budaya ini menyebabkan bilangannya semakin bertambah. Walau bagaimanapun, keseluruhan keputusan kajian yang diperolehi membuktikan bahawa staf UTM berpandangan positif terhadap langkah pencegahan yang perlu dilakukan bagi menangani gejala ini di kampus. Ini jelas berdasarkan kepada persepsi staf yang bersetuju terhadap item-item yang dinyatakan.

Jadual 4.34: Taburan Kekekapan Dan Peratusan Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Aspek Pencegahan

No. Item	Item Soalan	Kekekapan Dan Peratus				
		STS	TS	KS	S	SS
18	UTM sentiasa mengambil berat tentang masalah kewujudan pelajar lelaki lembut.	32 7.0%	61 13.3%	144 31.3%	183 39.8%	40 8.7%
19	UTM pernah mengadakan forum atau seminar yang membincangkan kesan baik buruk kewujudan pelajar lelaki lembut.	6 1.3%	30 6.5%	123 26.7%	229 49.8%	72 15.7%
20	Kaunseling harus diberikan kepada golongan pelajar lelaki lembut.	1 0.2%	2 0.4%	6 1.3%	153 33.3%	298 64.8%
21	Pihak UTM perlu menetapkan satu peraturan khusus bagi menangani gejala pelajar lelaki lembut di kampus.	- -	6 1.3%	25 5.4%	166 36.1%	263 57.2%
22	Gejala pelajar lelaki lembut di UTM masih boleh dibendung.	1 0.2%	3 0.7%	14 3.0%	212 46.1%	230 50.0%
23	Pelajar lelaki lembut boleh dipulihkan semula menjadi lelaki normal jika mendapat sokongan keluarga dan rakan-rakan.	1 0.2%	1 0.2%	16 3.5%	166 36.1%	276 60.0%
24	UTM tidak pernah menghalang wujudnya budaya pelajar lelaki lembut menyebabkan bilangannya semakin bertambah.	18 3.9%	67 14.6%	135 29.3%	157 34.1%	83 18.0%

4.4.2.3 Aspek Kesan Imej

Hasil analisis seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.35 menunjukkan seramai 281 orang (61.1%) staf kurang bersetuju terhadap pernyataan bahawa kewujudan pelajar lelaki lembut di UTM menyebabkan orang luar memberikan tanggapan negatif kepada pelajar-pelajar lain. Sebahagian besar iaitu 413 orang staf (89.8%) menolak pernyataan bahawa UTM dikenali dengan kewujudan pelajar lelaki lembut. Bagaimanapun, seramai 382 orang (83.1%) bersetuju bahawa penampilan pelajar lelaki lembut yang keterlaluan telah menjatuhkan imej kaum lelaki.

Jadual 4.35: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Staf Terhadap Aspek Kesan Imej

No. Item	Item Soalan	Kekerapan Dan Peratus				
		STS	TS	KS	S	SS
25	Kewujudan pelajar lelaki lembut di UTM menyebabkan orang luar memberikan tanggapan negatif kepada pelajar-pelajar lain.	14 3.0%	80 17.4%	187 40.7%	133 28.9%	46 10.0%
27	Penampilan pelajar lelaki lembut yang keterlaluan telah menjatuhkan imej kaum lelaki.	8 1.7%	18 3.9%	52 11.3%	172 37.4%	210 45.7%
28	UTM dikenali dengan kewujudan pelajar lelaki lembut.	106 23.0%	137 29.8%	170 37.0%	40 8.7%	7 1.5%

4.5 Analisis Cadangan, Pandangan dan Komen

4.5.1 Pandangan dan Komen Pelajar Lelaki Lembut

Analisis ini dibuat berdasarkan kepada jawapan yang dikemukakan oleh pelajar-pelajar lelaki lembut berhubung dengan faktor-faktor yang mendorong mereka menjadi lelaki lembut dan penerimaan masyarakat terhadap diri mereka.

Jadual 4.36 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bagi faktor-faktor yang mendorong menjadi lelaki lembut. Keputusan kajian menunjukkan bahawa faktor diri sendiri, pengaruh rakan dan keluarga menyumbang peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 91.3%. Manakala, faktor masyarakat / persekitaran dan bahan bacaan menyumbang peratusan yang sangat kecil iaitu hanya 8.7%.

Jadual 4.36: Faktor-faktor Mendorong Menjadi Lelaki Lembut

Bil.	Faktor-faktor	Kekerapan	Peratusan
1	Diri sendiri	49	32.7%
2	Pengaruh Rakan	47	31.3%
3	Keluarga	41	27.3%
4	Masyarakat / Persekitaran	9	6%
5	Bahan Bacaan	4	2.7%
JUMLAH		150	100

Seterusnya, Jadual 4.37 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan persepsi pelajar lelaki lembut berhubung dengan penerimaan masyarakat terhadap diri mereka. Didapati seramai 70 orang (56%) pelajar lelaki lembut menyatakan bahawa penerimaan masyarakat terhadap diri mereka adalah negatif. Bagaimanapun, seramai 50 orang (40%) pula menyatakan bahawa penerimaan masyarakat terhadap diri mereka adalah positif.

Jadual 4.37: Persepsi Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Penerimaan Masyarakat

Penerimaan	Kekerapan	Peratusan
Positif	50	40%
Negatif	70	56%
Tidak menjawab	5	4%
JUMLAH	125	100

4.5.2 Analisis Pengaruh Pelajar Lembut Terhadap Pelajar-pelajar Bukan Lembut

Analisis ini dibuat berdasarkan kepada pandangan yang telah dikemukakan oleh pelajar-pelajar bukan lembut berkaitan dengan pengaruh pelajar lelaki lembut. Jadual 4.38 menunjukkan hasil analisis yang diperolehi. Didapati 189 orang pelajar (49.1%) menyatakan bahawa kehadiran pelajar lelaki lembut boleh mempengaruhi pelajar-pelajar lain menjadi lembut. Di samping itu, seramai 77 orang (20%) berpendapat bahawa kewujudan pelajar lelaki lembut boleh menjejaskan imej pelajar lain, universiti, bangsa dan agama. Pelajar lelaki lembut juga dikatakan boleh mengganggu emosi pelajar-pelajar lain. Manakala, seramai 64 orang pelajar (17.3%) memberikan pandangan positif terhadap pelajar lelaki lembut dan kehadiran pelajar ini tidak mempengaruhi pelajar-pelajar lain menjadi lelaki lembut.

Jadual 4.38: Pandangan Pelajar-pelajar Bukan Lembut Terhadap Pengaruh Pelajar Lelaki Lembut

Bil.	Pandangan	Kekerapan	Peratusan
1	Boleh mempengaruhi	189	51.2%
2	Menjejaskan imej	77	20.9%
3	Gangguan emosi	39	10.6%
5	Pandangan positif	19	5.1%
6	Tidak mempengaruhi	45	12.2%
JUMLAH		369	100

4.5.3 Analisis Komen Staf UTM Terhadap Imej Pelajar Lelaki Lembut

Analisis ini dibuat berdasarkan jawapan yang dikemukakan oleh staf berhubung dengan imej pelajar lelaki lembut. Jadual 4.39 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan persepsi staf UTM terhadap imej pelajar lelaki lembut. Keputusan kajian mendapati bahawa seramai 75 orang staf (16.3%) memberikan pandangan negatif terhadap imej pelajar lelaki lembut. Bagaimanapun, seramai 55 orang (12%) berpandangan positif terhadap aspek ini.

Jadual 4.39: Pandangan Staf UTM Terhadap Imej Pelajar Lelaki Lembut

Pandangan	Kekerapan	Peratusan
Positif	55	12%
Negatif	75	16.3%
Tidak menjawab	330	71.7%
JUMLAH	460	100

BAB V

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini mengemukakan perbincangan hasil dapatan kajian, masalah kajian, cadangan dan penutup.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti beberapa perkara yang berkaitan dengan kehidupan golongan pelajar lelaki lembut di kampus UTM, Skudai. Antaranya, termasuklah mengenalpasti latar belakang pelajar, ciri personaliti, gaya hidup dan tahap *self-esteem*. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar-pelajar bukan lembut dan staf UTM.

Secara keseluruhannya, seramai 1085 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar lelaki lembut iaitu seramai 125 orang, pelajar-pelajar biasa seramai 500 orang dan staf UTM seramai 460 orang.

5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Perbincangan hasil kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian yang berasingan iaitu:-

1. Perbincangan hasil kajian terhadap golongan pelajar lelaki lembut
2. Perbincangan hasil kajian berkaitan persepsi pelajar-pelajar bukan lembut terhadap golongan pelajar lelaki lembut.
3. Perbincangan hasil kajian berkaitan persepsi staf UTM terhadap golongan pelajar lelaki lembut.
4. Rumusan cadangan dan komen

5.3 Perbincangan Hasil Kajian Terhadap Golongan Pelajar Lelaki Lembut

Perbincangan ini meliputi aspek yang berkaitan dengan latar belakang, ciri personaliti, gaya hidup dan tahap *self-esteem* di kalangan pelajar lelaki lembut.

5.3.1 Latar Belakang

Hasil kajian menunjukkan bahawa dari segi bangsa, sejumlah 90.4% daripada ahli kumpulan ini adalah terdiri daripada bangsa Melayu, 5.6% berbangsa India dan 4.0% berbangsa Cina. Dari segi anutan agama pula, 91.2% daripada mereka adalah beragama Islam, 4.8% beragama Hindu, 2.4% beragama Buddha dan 1.6% daripada lain-lain agama.

Peratusan pelajar lelaki lembut mengikut fakulti pula menunjukkan bahawa 22.4% adalah dari Fakulti Kejuruteraan Kimia Dan Kejuruteraan Sumber Asli (FKKKSA), 19.2% dari Fakulti Pendidikan (FP) dan 12.0% dari Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA). Sementara itu, didapati sebahagian besar (91.2%) adalah dalam lingkungan umur 20 hingga 22 tahun. 35.2% daripadanya berumur 20 tahun, 38.4%

berumur 21 tahun dan 17.6% berumur 22 tahun. Lebih daripada 50% adalah pelajar tahun ke-3 dan ke-4 pengajian iaitu masing-masing mewakili 32.8% dan 46.4%.

Hasil analisis terhadap pekerjaan bapa menunjukkan peratusan yang agak tinggi daripada keluarga yang berpendidikan dan berkemampuan iaitu sebanyak 26.4% adalah pendidik dan 17.6% adalah ahli perniagaan / peniaga. Begitu juga dengan hasil analisis terhadap pekerjaan ibu menunjukkan sebanyak 26.4% adalah pendidik dan 11.2% adalah ahli perniagaan / peniaga. Keputusan ini menunjukkan bahawa sebilangan besar pelajar lelaki lembut berasal daripada keluarga yang berpendidikan dan berkemampuan.

Hasil analisis terhadap sekolah terakhir yang diduduki oleh pelajar lelaki lembut mendapati bahawa sebanyak 81.6% mendapat pendidikan dari sekolah berasrama penuh. Keputusan ini membuktikan majoriti menamatkan pendidikan peringkat menengah dari sekolah-sekolah yang baik dari segi pencapaian dan kedudukannya.

Bahagian akhir analisis tentang latar belakang pelajar lelaki lembut adalah berkaitan dengan bilangan adik-beradik, kedudukan anak keberapa dan bilangan adik-beradik perempuan dalam keluarga. Peratusan bilangan adik-beradik menunjukkan majoriti pelajar lelaki lembut iaitu sebanyak 78.4% mempunyai bilangan adik-beradik yang ramai iaitu antara empat hingga sebelas orang. Dari segi kedudukan dalam keluarga pula, didapati 24.0% merupakan anak ke-3, 21.6% merupakan anak ke-4 dan 18.4% merupakan anak yang pertama atau anak sulung. Manakala, bilangan anak perempuan dalam keluarga pula menunjukkan bahawa sejumlah 62.4% responden mempunyai bilangan adik-beradik perempuan di antara dua hingga enam orang. Sebanyak 20% responden mempunyai seorang adik-beradik perempuan dan 17.6% responden pula tidak mempunyai bilangan adik-beradik perempuan dalam keluarga. Dapatan ini menunjukkan bahawa bilangan adik-beradik perempuan di dalam sesebuah keluarga itu boleh mempengaruhi seseorang anak lelaki itu untuk menjadi lembut. Ini jelas sepertimana yang diakui oleh pelajar lelaki lembut dalam kajian ini bahawa bilangan adik-beradik perempuan yang ramai merupakan satu faktor pendorong kerana mereka terpengaruh dengan kakak yang ramai dalam keluarga.

5.3.2 Ciri Personaliti

Hasil analisis terhadap ciri personaliti pelajar lelaki lembut menunjukkan bahawa sejumlah 21.6% pelajar lelaki lembut adalah mempunyai personaliti jenis ESFJ iaitu disifatkan sebagai pemberi perlindungan. Individu yang berpersonaliti ESFJ berkecenderungan untuk bersosial. Mereka menggunakan ciri-ciri *sensing* dan *judging* untuk mengumpul maklumat spesifik dan terperinci terhadap orang lain. Golongan ini amat bertanggungjawab dan boleh diharapkan. Mereka juga bersifat mesra dan cergas. Mereka dikatakan mendapat kepuasan daripada kegembiraan orang lain dan mengharapkan penghargaan ke atas apa yang telah diberi. Dengan *extraverted feeling* yang mendominasi personaliti, ESFJ suka ‘membaca’ fikiran orang lain. Sistem nilai ESFJ bersifat luaran. Biasanya, mereka mempunyai idea yang baik terhadap cara pelaksanaan dan tidak takut untuk mengeluarkan pandangan. Bagaimanapun, dalam membuat pertimbangan nilai dan moral individu ESFJ adalah berdasarkan kepada pandangan komuniti dan bukannya berdasarkan sistem nilai dalaman diri sendiri. Kesimpulannya, pelajar lelaki lembut yang berpersonaliti ESFJ merupakan individu yang suka berkawan, bersosial, berkumpul, bersifat mesra, bersimpati, saling membantu, bekerjasama dan bijaksana.

Pelajar-pelajar lelaki lembut juga mempunyai personaliti ESFP yang disifatkan sebagai pelaksana. Individu yang berpersonaliti pelaksana juga suka bersosial dan mencari pengalaman baru. Mereka mempunyai kemahiran interpersonal yang kuat dan selalu berperanan sebagai pendamai. Oleh sebab mereka membuat keputusan dengan nilai personal sendiri, mereka biasanya amat berbelas kasihan, bertimbang rasa, peka terhadap masalah orang lain dan berusaha mencari jalan penyelesaian yang baik sejajar dengan keperluan mereka. Golongan ini memiliki sikap bersahaja, optimistik dan suka pada keseronokan. Jika mereka ini tidak membangunkan aspek *thinking* dengan memberi pertimbangan pada proses pemikiran rasional, mereka akan terlalu mengikut pada nafsu diri sehingga sanggup mementingkan kepuasan diri lebih daripada tugas dan sering melupakan tanggungjawabnya sebagai pelajar. Mereka ini akan mengelak daripada mengambil kira akibat jangka panjang daripada perbuatan mereka. Selain itu, mereka suka menjadi daya tumpuan dan melaksanakan sesuatu untuk orang lain. Mereka beranggapan kehidupan ialah satu perjumpaan sosial yang berterusan di mana mereka memainkan peranan sebagai pengacara.

Personaliti seterusnya yang dipunyai oleh pelajar lelaki lembut ialah personaliti jenis ENFJ iaitu disifatkan sebagai pemberi. Orang yang berpersonaliti ENFJ merupakan golongan yang memiliki kemahiran interpersonal yang kuat. Mereka memahami dan mengambil berat terhadap orang lain serta berbakat dalam mencungkil kebolehan orang lain. Kebanyakan orang suka kepada orang yang berpersonaliti ENFJ kerana mereka sentiasa memahami, menunjukkan perasaan kasih sayang, telus dan ihsas terhadap orang lain. Mereka amat mementingkan hubungan rapat dan mesra antara individu serta setia dan boleh dipercayai. Oleh itu, mereka akan berusaha untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan sesama sendiri.

Personaliti INFJ dimiliki juga oleh pelajar-pelajar lelaki lembut iaitu mereka ini lebih bersifat sebagai pelindung. Individu jenis ini bersifat lemah lembut, berkasih sayang, sukar difahami, artistik dan kreatif. Mereka meletakkan kepercayaan yang tinggi ke atas perasaan menjadikan mereka ini lebih mementingkan naluri diri. Ini menjadikan mereka agak degil dan mengabaikan pendapat orang lain. Beranggapan bahawa mereka sentiasa betul dan mementingkan kesempurnaan. Ini menghasilkan satu konflik dalam diri mereka dengan dunia luar. Walau bagaimanapun, mereka bersikap mesra terhadap sesiapa yang rapat dengannya. Mereka berusaha untuk menjaga perasaan orang lain agar tidak menyakiti mereka. Mereka bersikap sensitif terhadap konflik dan tidak dapat menghadapinya dengan baik.

Ciri personaliti seterusnya ialah jenis ENFP yang disifatkan sebagai pengilham. Individu jenis personaliti ENFP adalah orang yang bersikap mesra, bersemangat dan penuh dengan potensi. Mereka hidup dalam dunia yang penuh dengan kemungkinan dan ghairah dalam mencapai sesuatu. Semangat ingin tahu membolehkan mereka mengilham dan memotivasikan orang lain. Kebanyakan daripada orang yang berpersonaliti ENFP mempunyai kemahiran personal yang baik. Mereka bersikap mesra dan minat untuk membina hubungan interpersonal dengan orang lain. Mereka berkebolehan untuk memahami seseorang melalui intuisi mereka setelah berkenalan untuk suatu ketika. Secara ringkasnya, mereka ialah golongan yang menarik, pengambil risiko, sensitif dan berorientasikan individu. Mereka mempunyai kebolehan untuk memenuhi kehendak diri.

Berdasarkan ciri personaliti yang telah dibincangkan, didapati bahawa kebanyakan responden adalah bersifat *extrovert* (E) iaitu seseorang yang suka

berinteraksi dengan orang lain dan suka pada dunia luar. Mereka yang bercirikan *extrovert* suka melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti dan berasa seronok apabila berurusan dengan orang lain. Oleh itu, mereka ini mempunyai kenalan yang ramai. Kesimpulannya, individu berpersonaliti extrovert merupakan individu yang suka bersosial, bersifat mesra, mempunyai kemahiran interpersonal yang tinggi dan sangat setia kepada kumpulan.

5.3.3 Gaya Hidup

Perbincangan seterusnya adalah untuk mengenalpasti gaya hidup di kalangan pelajar lelaki lembut termasuklah dari segi percintaan, naluri kewanitaan, penampilan, pengaruh serta komunikasi dalam kumpulan, kewangan, pengaruh luar dan kerohanian. Perbincangan ini berdasarkan kepada hasil analisis yang diperolehi dan juga bahan-bahan rujukan lain serta dapatan kajian lepas untuk mengukuhkan lagi hasil kajian ini.

Analisis terhadap tahap gaya hidup pelajar lelaki lembut menunjukkan 74.4% mencapai tahap gaya hidup lelaki lembut yang tinggi, sementara 25.6% lagi berada pada tahap gaya hidup lelaki lembut yang rendah. Secara langsung keputusan ini memberikan gambaran bahawa golongan pelajar lelaki lembut mengamalkan cara hidup sebenar golongan lelaki lembut atau mak nyah. Termasuklah dalam aspek percintaan sesama jenis, menjalani kehidupan seperti seorang wanita, penampilan diri dan sebagainya.

Hasil analisis terhadap aspek percintaan secara jelas menunjukkan bahawa hampir keseluruhan bersetuju terhadap persoalan yang dikemukakan. 96% pelajar lelaki lembut mengakui mereka menyukai kaum sejenis, 68% menjelaskan mereka mendapat restu dan sokongan daripada pasangan masing-masing dan 81.6% menyatakan mereka tidak tertarik kepada perempuan. Di samping itu, 85.6% mengakui bahawa mereka adalah golongan yang cepat sensitif dan mudah tersentuh serta 76.0% mudah emosi dan menangis

Dapatan ini secara jelas menunjukkan bahawa golongan pelajar lelaki lembut lebih meminati dan menyukai kaum lelaki berbanding perempuan. Malah, pasangan “kekasih” mereka adalah lelaki. Sifat-sifat wanita seperti sensitif, mudah tersentuh, beremosi dan mudah menangis juga wujud dalam diri mereka. Mereka menganggap diri mereka adalah wanita tulen dan sentiasa ingin diberikan perhatian dan belaian daripada pasangan. Sifat sebegini sukar ditemui dalam diri lelaki sejati. Hasil kajian ini selaras dengan kajian Yik (2001), di mana beliau mendapati 97% kajiannya menyatakan mereka menyukai kaum lelaki, dan menjalin hubungan “cinta” sesama jenis.

Hasil analisis terhadap aspek naluri kewanitaan juga menunjukkan keputusan yang sama iaitu majoriti pelajar lelaki lembut mengakui memiliki naluri kewanitaan dalam diri mereka. Ini dapat dilihat melalui peratusan yang menyatakan bahawa perwatakan lemah lembut mereka ini wujud sejak lahir iaitu sebanyak 84.0%. Di samping itu, 66.4% menyatakan mereka selesa menjalani kehidupan sebagai seorang wanita, 64.0% mendapat kepuasan dengan menjalani kehidupan sebagai seorang wanita dan 65.6% menjelaskan naluri mereka untuk menjadi wanita adalah sangat tinggi.

Sememangnya jelas bahawa golongan ini mempunyai impian dan harapan yang tinggi untuk mengubah imej diri menjadi seperti seorang wanita sejati. Lantaran desakan naluri kewanitaan yang kuat mereka bertindak sedemikian semata-mata mengikut perasaan tanpa memikirkan akibatnya. Malah tidak keterlaluan dikatakan golongan ini sanggup menghabiskan wang yang banyak demi untuk memenuhi kehendak hati mereka. Bagi mereka kehidupan akan menjadi lebih bermakna sekiranya dapat meneruskan kehidupan sebagai wanita berbanding dengan kehidupan asal yang dianggap penuh kepura-puraan.

Mengikut kitab al-Tahzib al-Asma' Wal Lughat, Juz.1, bhg.2, hlm.99-100, terdapat golongan yang dikenali sebagai mukhantha iaitu seorang lelaki yang tingkah lakunya, gerak gerinya, perasaannya, kesukaan dan kegemarannya dan sebagainya seperti perempuan, namun mereka terbahagi kepada dua golongan iaitu:

- i. Mereka menerima sahaja keadaan itu sebagai takdir Allah dan tidak berbuat sesuatu tindakan rangsangan kepada keadaan itu.

- ii. Mereka tidak berpada dengan keadaan itu lalu bertindak ke arah yang lebih merangsang kepada keadaan keperempuannya itu, dengan melalui rawatan dan pembedahan dan sebagainya.

(Md. Ali, 2002)

Keterangan tersebut menjelaskan kepada kita bahawa golongan yang pertama dapat menerima dan redha dengan ketentuan Allah ke atas dirinya tanpa melakukan sebarang tindakan yang melawan fitrah kejadiannya. Sebaliknya, golongan yang kedua pula menunjukkan bahawa mereka tidak dapat menerima keadaan dirinya sehingga sanggup mengambil tindakan memenuhi kehendak dirinya. Selaras dengan dapatan kajian oleh Yohan dan Aminuddin (2002) yang mendapati bahawa subjek kajian mereka mengakui mempunyai perasaan seperti wanita. Oleh itu, subjek mengharapkan persekitarannya memperlakukan dan menerima dirinya sebagai wanita. Mereka inilah yang dikatakan terlalu mengikut desakan naluri disebabkan oleh ciri-ciri kewanitaan yang ada pada diri mereka. Maka, golongan inilah yang perlu diberi perhatian dan bimbingan yang berterusan agar mereka tidak terpesong daripada landasan kehidupan sebenarnya.

Satu lagi aspek yang sangat dititikberatkan dalam kehidupan golongan lelaki lembut ini ialah penampilan diri termasuklah dari segi berpakaian, kecantikan dan tingkah laku. Dari segi berpakaian mereka sangat mementingkan kekemasan dan berpersonaliti menarik. Manakala dari segi kecantikan pula, mereka sentiasa menghias diri seperti bermekap, memakai aksesori-aksesori dan sebagainya supaya kelihatan menarik. Tingkah laku mereka pula menunjukkan sifat kewanitaan yang semakin terserlah seperti cara berjalan, percakapan atau tutur kata yang lemah lembut, malah ada yang keterlaluan dan manja. Ada yang menyifatkan tingkah laku mereka ini jauh lebih sopan berbanding dengan wanita sejati.

Laporan Khas yang disiarkan dalam majalah MASSA terhadap isu mak nyah juga tidak terlepas daripada membicarakan tentang kisah mak nyah di universiti. Antara lain laporan tersebut menyatakan bahawa golongan mak nyah di pusat pengajian tinggi kini semakin berani dan bebas menampilkan diri sebagai perempuan. Malah sewaktu sesi temuramah bersama wartawan MASSA, golongan pelajar ini tampil dengan penuh

bergaya, berambut panjang, mengenakan solekan pada wajah serta memakai aksesori wanita dan berbaju kebaya seperti seorang wanita sejati.

Secara jelas dan nyata hasil kajian ini telah membuktikan kebenaran perkara tersebut apabila 59.2% pelajar lelaki lembut mengakui bahawa mereka sentiasa memastikan diri kelihatan menarik, 60.0% mengakui mereka mempunyai ketrampilan diri yang anggun dan jelita dan 90.0% pula menyatakan mereka suka berhias dan berdandan. Di kampus UTM, Skudai senario ini memang kelihatan sepertimana yang dilaporkan dalam kajian oleh Norulhuda (2001) tentang sekumpulan pelajar lelaki yang berpakaian kemeja-T ketat mengikut potongan badan, berseluar *slacks* dari kain jenis lembut dan berpotongan wanita, berkasut sarung potongan wanita, berambut potongan *baby doll*, menggalas beg *East India Company* yang menjadi kegilaan pelajar wanita dengan wajah yang bersih beralaskan bedak asas, kening terbentuk cantik akibat ditrim dan secalit gincu atau pengilat bibir untuk membentuk bibir agar kelihatan lebih menawan dan menggiurkan. Gaya percakapan, perilaku serta aksi-aksi yang dipamerkan sepanjang perbualan dan pergerakan cukup lembut sehingga membuatkan pelajar yang berselisih akan menoleh seketika kepada mereka dan memberikan seribu satu reaksi yang berbeza.

Secara umumnya kita mengetahui bahawa dari segi pergaulan kebiasaannya golongan ini lebih suka bergaul dan berkomunikasi sesama mereka atau dalam kelompok mereka sahaja. Malah, mereka juga menubuhkan persatuan mereka sendiri untuk memudahkan perancangan dan pergerakan aktiviti kelompok dan tempat untuk mereka berbincang serta berkongsi segala masalah. Penubuhan persatuan sebegini menyebabkan bilangan mereka semakin bertambah. Contoh yang jelas di negara kita sememangnya wujud persatuan yang mewakili golongan mak nyah yang berpusat di Kuala Lumpur (Hamdan, 2003)

Baru-baru ini ada pihak yang mewakili pertubuhan ini dan mengetuai golongan mak nyah mengadakan perjumpaan dengan pelbagai pihak bertujuan untuk menuntut kebenaran supaya mak nyah dibenarkan membuat persembahan kebudayaan. Secara tidak langsung persembahan ini akan menjadi satu daya tarikan kepada para pelancong. Pelbagai reaksi pro dan kontra yang diterima terhadap cadangan ini. Walau bagaimanapun, sudah jelas dan nyata bahawa pemakaian yang menyerupai wanita atau

cross-dressing/transvestite diharamkan di Malaysia (MASSA, Februari 2004: 27).

Apatah lagi untuk melibatkan golongan ini dalam aktiviti seumpama ini, pastinya ia akan mencetuskan kontroversi yang melibatkan maruah bangsa, agama dan negara.

Sesuatu yang amat mendukacitakan apabila fenomena seumpama ini berlaku di institusi pengajian tinggi sama ada di IPTA atau IPTS. Hasil kajian ini juga telah mendedahkan sejauhmana pentingnya pengaruh rakan serta komunikasi dalam kumpulan pelajar ini. Sebanyak 59.2% menyatakan mereka hanya bergaul dengan mereka yang mempunyai naluri yang sama, 76.8% lebih berminat untuk menyertai kelompok lelaki lembut daripada lelaki normal dan 71.2% menyatakan mereka lebih banyak berkomunikasi dengan golongan yang berperwatakan lembut. Sementara, sebanyak 57.6% dan 61.6% menyatakan mereka sangat dipengaruhi oleh rakan yang bersifat lembut dan rakan yang lembut banyak memberi pengaruh terhadap dirinya. Golongan pelajar ini juga mengakui mereka terlibat secara aktif dalam persatuan yang mewakili kelompok mereka. Ini terbukti bahawa sememangnya golongan ini memiliki persatuan mereka sendiri di kampus.

Seperti mana kehidupan mak nyah di luar, golongan pelajar lelaki lembut di kampus juga hanya berkawan dan berkomunikasi sesama sendiri, melakukan aktiviti dan perbincangan bersama. Sebagai kelompok minoriti, hubungan mereka sangat rapat antara satu sama lain, malah saling bantu-membantu dalam semua perkara seperti masalah kewangan, hal-hal akademik termasuk soal-soal peribadi. Situasi ini juga menunjukkan bahawa peranan rakan sebaya mampu mempengaruhi tingkah laku seseorang individu, di samping keinginan untuk diterima sebagai sebahagian daripada kelompok rakan sebayanya.

Sementara itu, dalam aspek kewangan pula dapatan kajian menunjukkan bahawa 68.8% menyatakan mereka sukakan kemewahan hidup dan 64.8% meletakkan kemewahan hidup sebagai matlamat diri. Bagaimanapun, pelajar lelaki lembut mengakui bahawa kehidupan mereka ini bukanlah satu cara yang memudahkan mereka untuk mendapatkan wang. Keadaan ini mungkin disebabkan mereka masih lagi dibawah tanggungan dan saraan ibu bapa dan keluarga. Jadi, soal kewangan untuk menyara kehidupan sendiri tidak menjadi satu perkara yang membebankan mereka. Tambahan

pula, kebanyakan pelajar ini berasal dari keluarga yang berkemampuan dan memiliki pekerjaan yang baik.

Bagaimanapun, dari segi kesanggupan untuk membeli barangan persolekan yang mahal, didapati keputusannya hampir sama di mana 49.6% pelajar lelaki lembut menyatakan kesanggupan mereka, manakala 50.4% lagi adalah sebaliknya. Hal ini terjadi mungkin disebabkan faktor kewangan yang agak terhad memandangkan mereka masih menuntut dan perbelanjaan diperlukan untuk menampung pengajian mereka. Namun, bagi yang sanggup mengeluarkan perbelanjaan untuk membeli barangan persolekan yang mahal mungkin mempunyai sumber kewangan sama ada daripada keluarga ataupun bekerja sambil belajar untuk menampung kos sara hidup mereka.

Meninjau dari sudut pengaruh luar pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa 80.0% pelajar lelaki lembut menyatakan mereka tidak mengkagumi gaya hidup lelaki lembut atau transeksual di barat. Sebaliknya, mereka mengikuti perkembangan dunia lelaki lembut melalui media massa. Perkara yang sangat menarik perhatian mereka ialah mengikuti perkembangan dunia fesyen wanita. 72.0% pula mengakui bahawa perkembangan ini banyak mempengaruhi penampilan diri mereka.

Dapatan ini menjelaskan bahawa pelajar lelaki lembut tidak terlalu terikut-ikut dengan budaya hidup golongan transeksual di barat yang tiada haluan dan pegangan hidup walaupun mempunyai agama dan kepercayaan tertentu. Isu perkahwinan sejenis ketika ini sedang hangat diperkatakan di peringkat global, khususnya di Amerika Syarikat. Di sana muncul golongan yang menuntut supaya dihalalkan perkahwinan sejenis oleh golongan gay, lesbian dan mak nyah. Mahkamah di California mencetuskan kontroversi apabila membenarkan perkahwinan sejenis dijalankan oleh pihak berkuasa negeri itu (MASSA, Februari 2004: 29). Perkara seumpama ini diharapkan tidak akan berlaku di negara kita dan usaha yang berterusan perlu dilakukan untuk membantu golongan ini kembali kepada landasan kehidupan mereka yang sebenarnya.

Daripada keputusan itu juga, tidak dinafikan bahawa golongan mak nyah atau lelaki lembut begitu sinonim dengan dunia fesyen wanita dalam penampilan diri mereka. Media massa sama ada media cetak atau media elektronik menjadi perantara bagi mereka untuk terus mengikuti perkembangan dunia fesyen wanita. Bukan itu sahaja, malah kita

dapat menyaksikan penglibatan mak nyah sebagai pekerja profesional atau separa profesional dalam bidang kerjaya yang berkaitan dengan rekaan fesyen, dandan dan persolekan, perunding imej dan sebagainya semakin bertambah. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya golongan pelajar lelaki lembut di kampus tampil dengan gaya dan personaliti ala perempuan kerana mereka juga mempunyai minat yang sama. Malah, mereka juga dikatakan sangat *up-to-date* dengan perkembangan fesyen

Seterusnya aspek yang sangat penting dititikberatkan dalam kehidupan seharian ialah kerohanian meliputi pengetahuan keagamaan, amalan seharian dan keimanan. Menyentuh tentang aspek kerohanian ini, sebilangan besar iaitu 94.4% pelajar lelaki lembut menganggap kehidupan lelaki lembut adalah normal, hanya 5.6% menolaknya. Keadaan ini menjelaskan bahawa golongan ini kurang memahami larangan melibatkan diri dalam gejala seumpama ini atau mungkin juga mereka sebenarnya mengetahui larangan tersebut tetapi tidak dapat melawan keinginan yang mendesak dalam diri mereka.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa sebanyak 66.4% pelajar lelaki lembut mengakui mereka kurang berminat membicarakan soal kematian dan kerohanian. Sedangkan sebagai hamba Allah kita diharuskan sentiasa mengingati soal kematian agar kita tidak alpa dan leka dengan kehidupan di dunia sementara ini. Sebanyak 76.0% mengakui mereka sering tertinggal solat, walhal solat itu merupakan tiang agama dan diwajibkan ke atas setiap hambaNya. Di sini jelas menunjukkan bahawa mereka memandang remeh soal larangan dan suruhan Allah swt bagi yang beragama Islam.

Sebanyak 96.0% pelajar lelaki lembut menyatakan bahawa manusia bebas untuk menjalani kehidupan yang mereka pilih. Sekali lagi ia menggambarkan bahawa golongan ini terlalu mengikut kehendak diri tanpa memikirkan secara mendalam dan berpegang kepada hukum agama. Sebagai umat Islam, kita wajib beriman dan berpegang kepada ajaran yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran sebagai asas panduan dan penyuluh hidup di dunia dan di akhirat kelak.

5.3.4 Tahap Self-Esteem (Penghargaan Kendiri)

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian terhadap tahap penghargaan sendiri di kalangan pelajar lelaki lembut. Sepertimana yang telah dinyatakan, kajian ini juga bertujuan meninjau tahap penghargaan sendiri di kalangan pelajar lelaki lembut. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 72.0 % pelajar lelaki lembut mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi, sementara 28.0% lagi mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana. Tiada responden yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah. Dengan tahap penghargaan sendiri yang tinggi bererti bahawa kumpulan pelajar ini memiliki ciri-ciri seperti:-

- a. Berpuas hati dengan diri sendiri.
- b. Berpandangan positif terhadap diri.
- c. Yakin terhadap kebolehan diri.
- d. Perasaan bangga terhadap diri.
- e. Menghargai diri sendiri serta menyedari kekuatan dan kelemahan diri.

Dapatan ini menggambarkan dengan jelas bahawa golongan pelajar lelaki lembut begitu memahami diri mereka, perasaan, nilai, matlamat, kebolehan dan juga kepercayaan terhadap diri sendiri. Dengan ini, boleh dikatakan bahawa golongan pelajar ini tidak menghadapi masalah dalam pembentukan personality diri mereka. Berkemungkinan disebabkan oleh kekuatan inilah maka golongan ini berani tampil di khalayak ramai dengan gaya dan personaliti mereka yang tersendiri, walaupun menyedari pelbagai reaksi diterima daripada orang lain terhadap diri mereka.

5.4 Perbincangan Persepsi Pelajar-pelajar Bukan Lembut Terhadap Pelajar Lelaki Lembut.

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan seramai 500 orang pelajar dari pelbagai fakulti yang sedang mengikuti pengajian di UTM. Daripada jumlah itu, sebanyak 84.0% adalah berbangsa Melayu dan 85.0% beragama Islam. Majoriti iaitu 64.4% berumur di antara 20 hingga 21 tahun, dan 64.6% merupakan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Tahun 3 dan Tahun 4. Penglibatan dari segi jantina, 61.8% adalah lelaki dan 38.2% perempuan.

Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 51.2% pelajar mengatakan kehadiran pelajar lelaki lembut tidak mempengaruhi mereka untuk menjadi lelaki lembut. Majoriti juga mengetahui bahawa perlakuan pelajar lelaki lembut ini menyalahi ajaran agama. Bukan itu sahaja golongan pelajar ini juga sering diberi tafsiran dan pandangan yang salah oleh pihak yang kurang menyenangi kehadiran mereka.

Majoriti pelajar bersetuju menyatakan bahawa pelajar lelaki lembut terlalu mengikut perasaan untuk menjadi wanita dan mudah terpengaruh dengan keadaan persekitaran. Sementara itu, sebanyak 49.6% pelajar menyatakan pelajar lelaki lembut mempunyai kaitan dengan golongan mak nyah di luar kampus, manakala sebanyak 50.4% lagi memberi pandangan yang sebaliknya. Mereka menolak pernyataan bahawa kewujudan golongan pelajar lelaki lembut membuka ruang kepada mereka untuk menjadi lebih peka terhadap isu-isu feminin / meskulin. Penjelasan ini membuktikan bahawa responden tidak berminat untuk mengetahui dan memahami isu-isu seperti ini

Selain itu, didapati pelajar-pelajar biasa agak peka terhadap gaya dan penampilan pelajar lelaki lembut. Ini terbukti apabila majoriti pelajar iaitu 76.2% menyatakan bahawa golongan pelajar ini sangat *up-to-date* dengan perkembangan dunia fesyen wanita. Bagaimanapun, bagi persoalan yang berkaitan dengan pencapaian dan sikap pelajar lelaki lembut, didapati responden memberi pandangan yang negatif. Agak sukar bagi responden untuk menentukan sama ada pelajar lelaki lembut merupakan pelajar yang baik, berdisiplin, rajin, bersikap terbuka, bijak dalam bidang akademik dan mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan. Seterusnya, didapati bahawa 56.2% pelajar tidak bersetuju menerima kehadiran pelajar lelaki lembut di kampus, manakala

43.8% pelajar pula agak terbuka dalam hal ini kerana bagi mereka golongan ini juga adalah manusia biasa yang harus diterima kewujudannya.

Hasil kajian menunjukkan majoriti iaitu 88.6% menyatakan mereka tidak suka melihat cara berpakaian di kalangan pelajar lelaki lembut. Pada pandangan pelajar-pelajar ini juga golongan pelajar lelaki lembut ini lebih suka menonjolkan diri untuk menarik perhatian umum. Di samping itu, pelajar-pelajar juga bersetuju mengatakan bahawa golongan pelajar ini merupakan pelajar yang bermasalah, walaupun mereka dapat belajar dengan baik di universiti. Justeru itu, majoriti iaitu 74.2% pelajar bersetuju bahawa kewujudan golongan ini pelajar ini memberikan imej yang buruk kepada UTM.

Meninjau dari sudut kesan terhadap akademik pula, didapati sebahagian besar pelajar iaitu 80.4% mengakui bahawa golongan pelajar lelaki lembut berjaya dalam pembelajaran mereka. Bagaimanapun, kewujudan pelajar lelaki lembut di kampus bukanlah faktor yang mendorong mereka lebih rajin belajar. Ini menunjukkan bahawa pencapaian akademik mereka sama sekali tidak dipengaruhi oleh kehadiran golongan pelajar ini. Jelas bahawa pelajar-pelajar meletakkan kecemerlangan akademik sebagai tanggungjawab mereka. Mungkin juga kehadiran pelajar lelaki lembut ini memberi ruang persaingan kepada mereka untuk sama-sama mencapai kecemerlangan akademik. Secara tidak langsung, persaingan sihat ini membawa implikasi yang baik kepada diri mereka.

Hasil analisis terhadap aspek pencegahan pula menunjukkan bahawa majoriti pelajar memberikan pandangan yang positif. Sebanyak 69.2% pelajar menyatakan bahawa golongan pelajar lelaki lembut boleh dibawa kembali ke pangkal jalan. Ini bermakna mereka menyedari bahawa masalah ini boleh dibendung dan peluang untuk mereka berubah sentiasa terbuka. Selaras dengan kajian Hasnan dan Ahmad Rafizi (2002) yang juga mendapati respondennya bersetuju bahawa masalah pelajar lelaki lembut di kampus UKM masih boleh dibendung. Pelajar-pelajar juga menyatakan bahawa golongan pelajar lelaki lembut ini tidak harus dipinggirkan dari masyarakat kampus. Diharapkan dengan kesedaran ini mereka boleh memberi sumbangan dalam usaha membantu golongan pelajar ini sekaligus dapat menangani fenomena lelaki lembut di kampus daripada terus berleluasa.

Akhir sekali, persepsi pelajar dilihat dari segi perhubungan interpersonal dengan golongan pelajar lelaki lembut. Dalam hal ini, mereka beranggapan bahawa golongan pelajar lelaki lembut sukar untuk didekati dan mereka lebih suka bergaul sesama rakan mereka sahaja. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian Hasnan dan Ahmad Rafizi (2002) yang menyatakan bahawa golongan mak nyah di kampus tidak mempunyai hubungan sosial yang baik dengan masyarakat kampus. Malah, mereka juga tidak bersedia untuk berkawan, apatah lagi untuk keluar bersiar-siar dengan mereka. Tambahan pula, mereka tidak suka melihat perwatakan, gaya pertuturan, gerak geri dan cara berjalan golongan pelajar lelaki lembut ini. Pada tanggapan pelajar-pelajar penampilan sedemikian bukanlah dianggap sebagai ciri-ciri kesopanan serta mempunyai keunikan dan berseni.

Bukan itu sahaja, malah mereka juga tidak bersedia menerima kehadiran golongan pelajar lelaki lembut ini sebagai rakan untuk mereka berbincang tentang isu semasa, hal-hal akademik, membuat tugas dan berkongsi sebarang masalah. Dalam hal-hal berkaitan dengan akademik, didapati mereka jarang berbincang tentang tugas, terlibat dalam kumpulan tugas yang sama dan bertukar-tukar nota kuliah dan buku akademik dengan golongan ini. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa pergaulan mereka adalah terbatas antara satu sama lain.

5.5 Perbincangan Persepsi Staf UTM Terhadap Pelajar Lelaki Lembut.

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan seramai 460 orang staf UTM. Daripada jumlah itu, 55.7% terdiri daripada staf lelaki dan 44.3% adalah staf perempuan. Majoriti iaitu 89.9% berumur dalam lingkungan 20 hingga 50 tahun. Tahap pendidikan tertinggi pula ialah pada peringkat ijazah iaitu sebanyak 71.5%. Kajian ini juga melibatkan 62.2% staf akademik, 12.2% staf pentadbiran dan 25.7% staf sokongan. Daripada jumlah itu, 60.0% responden mempunyai pengalaman berkhidmat di UTM selama 5 hingga 15 tahun.

Perbincangan persepsi staf UTM terhadap golongan pelajar lelaki lembut dibuat berdasarkan kepada beberapa aspek termasuklah dari segi kefahaman, pencegahan dan kesan imej. Dari segi kefahaman terhadap pelajar lelaki lembut didapati sebahagian besar staf iaitu 90.6% mengetahui apa yang dimaksudkan dengan istilah pelajar lelaki lembut seperti yang dinyatakan iaitu yang bersifat lemah lembut atau mempunyai kelembutan yang mirip kepada wanita. Majoriti staf UTM bersetuju bahawa kewujudan pelajar lelaki lembut di kampus dianggap sebagai satu bentuk gejala sosial yang menyelahi ajaran agama dan bukannya merupakan satu fenomena semulajadi. Bagaimanapun didapati masih ada golongan yang menganggap masalah ini bukanlah satu bentuk gejala sosial yang boleh mengancam keharmonian kehidupan kampus kerana kurang memahami kehidupan sebenar golongan ini, malah menerima gejala sosial ini sebagai satu kebiasaan dan kehadiran mereka diterima oleh masyarakat kampus secara terbuka. Walaupun, mengetahui dan memahami bahawa perlakuan pelajar lelaki lembut menyalahi ajaran agama.

Dari segi pengaruh mereka terhadap pelajar-pelajar lain, didapati 59.3% menyatakan perlakuan pelajar ini mampu mempengaruhi pelajar-pelajar lain untuk menjadi pelajar lembut. Manakala, sebanyak 40.7% staf lagi menolak pernyataan ini. Dengan kefahaman ini, maka wajarlah gejala seumpama ini dipandang secara serius agar ia tidak menjadi masalah yang lebih besar lagi pada masa akan datang. Sementara itu, kebanyakan staf juga bersetuju bahawa golongan pelajar ini mempunyai kaitan dengan golongan mak nyah di luar kampus, memiliki persatuan mereka sendiri di kampus dan turut mengakui golongan ini sangat aktif berpersatuan dan menjalankan aktiviti di kalangan mereka sendiri. Kefahaman ini menggambarkan bahawa responden mengetahui tentang kewujudan persatuan mak nyah sama ada di luar kampus mahupun di dalam kampus. Tetapi disebabkan golongan ini merupakan kelompok minoriti maka kewujudannya tidak mendapat perhatian serius.

Sebanyak 81.1 % staf menolak pernyataan bahawa kewujudan golongan pelajar lelaki lembut adalah disebabkan oleh wujudnya staf lelaki yang lembut. Namun, 18.9% bersetuju dengan pernyataan ini. Keputusan ini membawa implikasi bahawa sememangnya wujud staf lelaki lembut di UTM, tetapi mungkin bilangan adalah sedikit dan penampilan mereka kurang menonjol jika dibandingkan dengan golongan pelajar lelaki lembut yang lebih terbuka kepada umum.

Wujud perbezaan pendapat di kalangan staf, di mana 47.8% responden bersetuju bahawa kebebasan mengamalkan cara hidup di UTM merangsang wujudnya budaya pelajar lelaki lembut. Sebaliknya, 52.2% staf tidak bersetuju dengan pernyataan itu. Perbezaan ini menunjukkan tahap pemahaman mereka terhadap cara hidup pelajar-pelajar di UTM. Memang tidak dinafikan bahawa gaya hidup di kampus agak terbuka dan di sini mereka belajar hidup berdikari. Mungkin benar kebebasan mengamalkan cara hidup di sini boleh merangsang berlakunya gejala ini, kerana apabila seseorang individu itu bertemu dengan individu lain yang sama dengan keadaan dirinya, maka kesempatan ini membolehkan mereka mengenali antara satu sama lain.

Keputusan kajian mendapati majoriti staf wanita iaitu 55.2% berasa kurang senang dengan kehadiran pelajar lelaki lembut. Kehadiran pelajar ini kurang disenangi mungkin disebabkan oleh gaya penampilan mereka kadang kala melebihi wanita itu sendiri. Malah adakalanya perlakuan mereka juga keterlaluan. Hal yang sama juga berlaku di kalangan staf lelaki di mana sebahagian besarnya (82.6%) tidak menyenangi kehadiran golongan pelajar lelaki lembut di kampus. Pada tanggapan mereka kewujudan golongan pelajar lelaki lembut ini boleh menjejaskan imej dan maruah kaum lelaki yang selalunya dikaitkan dengan ciri-ciri lelaki yang tampan, “macho”, bergaya, agresif dan sebagainya.

Lebih daripada 50.0% staf beranggapan bahawa UTM tidak mengambil berat tentang masalah pelajar-pelajar lelaki lembut dan tidak pernah menghalang wujudnya budaya ini di kampus menyebabkan bilangan pelajar-pelajar ini semakin bertambah. Walaupun ada sesetengahnya yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini, implikasinya tetap menunjukkan bahawa fenomena ini tidak mendapat perhatian sewajarnya oleh masyarakat kampus khususnya. Dalam hal ini, pihak pentadbir UTM pernah membuat forum atau seminar yang membincangkan kesan baik buruk kewujudan pelajar lelaki lembut. Walaupun ada di kalangan mereka yang tidak mengetahuinya. Di sini kita dapat mengetahui bahawa pengajuran forum atau seminar ini tidak menyeluruh kepada seluruh warga kampus. Seharusnya seminar seumpama ini diteruskan dari semasa ke semasa dan hasil perbincangannya diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat kampus. Bukan hanya sekadar hangat diperdebatkan tetapi tindakan susulan tidak sehebat yang diperkatakan.

Setiap masalah mempunyai jalan penyelesaiannya, begitu juga dengan gejala pelajar lelaki lembut di kampus UTM, Skudai. Didapati sebanyak 96.1% staf bersetuju dengan mengatakan bahawa gejala ini masih boleh dibendung. Sebahagian besar iaitu 98.0% menyatakan bahawa sesi kaunseling harus diberikan kepada golongan pelajar ini sebagai satu usaha untuk membantu mereka berubah menjadi dirinya yang sebenar. Selain itu juga, sejumlah 96.1% staf juga menyatakan persetujuan mereka bahawa pelajar lelaki lembut boleh dipulihkan semula menjadi lelaki normal melalui sokongan keluarga dan rakan-rakan. Sementara, sebahagian besar staf iaitu 93.3% bersetuju agar pihak universiti menetapkan satu peraturan khusus bagi golongan ini di kampus sebagai satu cara untuk menangani gejala ini. Ini menjelaskan bahawa masih ada harapan untuk menangani gejala ini. Bagaimanapun, sebarang usaha yang hendak dilakukan seharusnya mendapat kerjasama daripada semua pihak bukan terhad kepada individu tertentu sahaja. Dalam pelaksanaan ini kesungguhan dan usaha yang berterusan amat penting untuk memastikan hasil yang memuaskan dapat dicapai. Bukan hanya indah khabar dari rupa.

Kajian mendapati sebanyak 61.1% staf menolak pernyataan bahawa kewujudan pelajar lelaki lembut di UTM menyebabkan orang luar memberikan tanggapan negatif kepada pelajar-pelajar UTM keseseluruhannya. Ini bermakna kehadiran pelajar lelaki lembut tidak menjejaskan ketrampilan imej pelajar-pelajar lain di UTM. Mungkin pada anggapan mereka orang luar lebih menilai kepada aspek-aspek yang lain seperti dari segi pencapaian akademik pelajar, hubungan pelajar dengan masyarakat melalui aktiviti kemasyarakatan, pengiktirafan yang diterima oleh universiti melalui kecemerlangan dalam pelbagai bidang dan sebagainya.

Bagaimanapun, dalam persoalan imej ini ternyata bahawa sebahagian besar staf iaitu 83.0% bersetuju bahawa penampilan pelajar lelaki lembut yang keterlaluan telah menjatuhkan imej kaum lelaki. Ini menggambarkan bahawa mereka memberikan reaksi negatif terhadap imej yang dibawa oleh golongan pelajar ini. Bukan sahaja di kalangan kaum wanita, malah kaum lelaki juga rasa tercabar dengan situasi sebegini. Mungkin pada pandangan mereka ini merupakan satu perkara yang amat memalukan bagi kaum lelaki.

Keputusan seterusnya memperlihatkan bahawa secara keseluruhannya iaitu 89.8% menolak pernyataan bahawa UTM dikenali dengan kewujudan pelajar lelaki lembut. Ini

mungkin disebabkan pada anggapan mereka bilangan pelajar yang terlibat dengan gejala ini adalah kecil jika dibandingkan dengan bilangan keseluruhan pelajar di UTM kerana tidak ada perangkaan yang tepat disediakan oleh Hal Ehwal Pelajar (HEP) terhadap bilangan pelajar yang terlibat. Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa pencegahan pada peringkat awal sangat penting, sebelum ia menular menjadi penyakit sosial yang lebih dahsyat.

5.6 Rumusan Cadangan, Pandangan dan Komen

5.6.1 Pandangan dan Komen Pelajar Lelaki Lembut

5.6.1.1 Pandangan Pelajar Lelaki Lembut Terhadap Faktor-Faktor Yang Mendorong Menjadi Lelaki Lembut

Hasil analisis mendapati bahawa terdapat tiga faktor utama yang mendorong pelajar lelaki lembut terlibat dengan gejala ini iaitu diri sendiri, pengaruh rakan, dan keluarga. Faktor diri sendiri menyumbang sebanyak 32.7%, pengaruh rakan sebanyak 31.3% dan faktor keluarga pula sebanyak 27.3%. Selain itu, faktor persekitaran / masyarakat dan bahan bacaan juga boleh mempengaruhi golongan pelajar lelaki lembut walaupun jumlah peratusannya adalah kecil iaitu hanya 8.7%. Dapatan ini selaras dengan hasil kajian Norulhuda (2001) yang juga mendapati bahawa faktor pengaruh teman-teman dan keluarga merupakan faktor yang dikenalpasti mempengaruhi perkembangan budaya lelaki lembut di kampus UTM. Manakala, faktor persekitaran didapati tidak mempengaruhi pelajar-pelajar lelaki lembut.

Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar lelaki lembut terlalu mengikut naluri dan perasaan sehingga tidak tahu lagi untuk membezakan sesuatu tindakan yang diambil itu betul atau salah. Pegangan agama dan nilai-nilai murni kehidupan menjadi rapuh lantaran keinginan untuk memenuhi segala kehendak diri. Kelemahan ini

menyebabkan diri mudah terpengaruh dan dipengaruhi oleh orang lain terutamanya dari kalangan rakan-rakan sebaya. Wan Azreena (Berita Harian, Julai 2003) menyatakan bahawa faktor persekitaran membabitkan pengaruh rakan sebaya adalah dominan dan memainkan fungsi utama dalam menjadikan seseorang individu itu lelaki lembut berbanding ibu bapa.

Dapatan juga menunjukkan bahawa keluarga juga menjadi faktor pendorong kepada gejala ini. Didikan, asuhan, layanan dan persekitaran dalam keluarga merupakan medium pembelajaran awal kepada anak-anak sama ada lelaki atau perempuan. Wan Azreena (Berita Harian, Julai 2003) menjelaskan masalah keraguan jantina membabitkan keluarga berlaku apabila ibu bapa yang mempunyai ramai anak lelaki membesarkan anak lelaki terutama yang bongsu sebagai anak perempuan. Dalam kajian ini, beberapa orang pelajar lelaki lembut menyatakan bahawa bilangan adik-beradik perempuan yang ramai dalam keluarga menyebabkan mereka terpengaruh dan terikut-ikut terutama dengan kakak-kakak.

Dapatan kajian terhadap faktor-faktor yang mendorong pelajar lelaki lembut menjadi lelaki lembut dirumuskan seperti berikut:-

- Diri sendiri
 - Naluri semulajadi
 - Takdir
 - Suka kepada lelaki “macho”
 - Dorongan oleh pasangan (lelaki)

- Rakan-rakan
 - Pengaruh rakan-rakan lembut yang lebih senior
 - Aktiviti yang lebih kerap bersama lelaki
 - Rakan-rakan sekolah
 - Teman asrama
 - Disisihkan oleh rakan-rakan lelaki yang normal
 - Lebih rapat dengan rakan-rakan lembut
 - Pernah diganggu oleh kaum sejenis

- Keluarga
 - Didikan, jagaan dan asuhan ibu seperti dipakaikan pakaian kanak-kanak perempuan dan bermain dengan anak patung semasa kecil.
 - Tiada bantahan daripada keluarga
 - Anak manja
 - Pengaruh keluarga seperti bilangan adik-beradik perempuan yang ramai dalam keluarga
 - Hubungan yang rapat dengan ibu
 - Hubungan yang rapat dengan kakak dan terikut-ikut
 - Tidak mempunyai anak perempuan dalam keluarga
 - Dibuli oleh abang-abang
 - Pakcik yang bersifat lembut
 - Diliwat semasa kecil seperti oleh bapa saudara

- Persekitaran
 - Pandangan serong masyarakat sekeliling
 - Pengalaman sekolah lelaki

- Bahan bacaan
 - Suka membaca majalah-majalah yang berkaitan dengan isu wanita seperti *CLEO*
 - Mudah mendapat maklumat melalui bahan interaktif

5.6.1.2 Komen pelajar lelaki lembut tentang penerimaan masyarakat kampus terhadap diri mereka

Majoriti pelajar lelaki lembut iaitu sebanyak 56% menyatakan bahawa masyarakat memandang dan menerima kewujudan mereka secara negatif. Manakala, 40% pelajar lelaki lembut menyatakan masyarakat boleh menerima kehadiran mereka di kampus. Dapatan ini menjelaskan bahawa pelajar-pelajar lelaki lembut menghadapi masalah dari segi penerimaan dan layanan masyarakat kampus terhadap diri mereka. Golongan pelajar lelaki lembut ini menganggap masyarakat kampus tidak memahami perasaan dan jiwa mereka. Malah, ada segelintir daripada masyarakat kampus yang bersikap hipokrit, terutama dari kalangan lelaki. Pergaulan mereka juga terbatas kepada rakan sekumpulan sahaja kerana mereka berasa disisihkan oleh masyarakat kampus yang tidak dapat menerima kehadiran mereka. Malah, golongan pelajar lelaki lembut menyatakan mereka sering diejek, dibuli dan dipersendakan oleh masyarakat kampus.

Pandangan pelajar lelaki lembut tentang penerimaan masyarakat kampus dirumuskan seperti berikut:-

- Pandangan positif
 - Penerimaan yang baik daripada masyarakat kampus
 - Ada pensyarah yang bersikap mengambil berat terhadap diri mereka
 - Ada pelajar-pelajar perempuan yang boleh menerima dan berkawan dengan mereka

- Pandangan negatif
 - Pandangan serong/negatif daripada masyarakat kampus
 - Sikap pelajar lain yang kurang ajar terhadap mereka terutama pelajar lelaki
 - Gangguan seksual
 - Menghadapi *inferiority complex*
 - Ada pensyarah yang tidak dapat menerima keadaan mereka dan bersikap diskriminasi
 - Kurang memahami keadaan orang seperti mereka
 - Sering diejek dan dihina

- Untuk melepaskan nafsu
- Pelajar lelaki yang hipokrit
- Hubungan yang tidak baik dengan pengawal keselamatan
- Tidak peduli terhadap pandangan masyarakat asalkan mendapat sokongan rakan dan keluarga.

5.6.2 Rumusan Pandangan Dan Cadangan Pelajar-pelajar Bukan Lembut

Pandangan dan cadangan daripada pelajar-pelajar biasa adalah berkaitan dengan pengaruh pelajar lelaki lembut terhadap diri mereka dan cadangan untuk mengatasi masalah ini.

1. Pandangan terhadap pengaruh pelajar lelaki lembut antaranya ialah:-

- Pelajar lelaki lembut tidak mempengaruhi diri mereka
- Jika bilangannya semakin bertambah, berkemungkinan ia akan mempengaruhi pelajar lelaki untuk menjadi lelaki lembut.
- Pengaruh mereka tidak terlalu besar
- Memberi gambaran imej yang buruk kepada UTM
- Mewujudkan perasaan benci terhadap mereka
- Menimbulkan suasana tidak selesa
- Boleh mempengaruhi lelaki normal terjebak dalam cinta sejenis.
- Tidak mempengaruhi kerana selalunya pelajar lelaki lembut bergaul sesama mereka sahaja.
- Merendahkan martabat mereka sebagai lelaki
- Pelajar-pelajar lelaki lembut amat mempengaruhi pelajar lelaki yang cenderung kepada sifat kewanitaan memasuki kumpulan mereka. Oleh itu jumlah pelajar lelaki akan terus bertambah.
- Pelajar lelaki lembut boleh mengganggu emosi lelaki normal.
- Pelajar lelaki lembut suka mendekati pelajar “Junior” yang tidak mempunyai ramai rakan

- Selalu cuba mempengaruhi pelajar baru supaya mencontohi mereka.
- Pelajar ini sanggup melakukan apa sahaja untuk menarik perhatian umum.
- Pengaruh mereka terserlah apabila berada dalam kelompok mereka.

2. Rumusan cadangan pelajar bagi menangani masalah pelajar lelaki lembut

Antara cadangan yang dikemukakan oleh pelajar-pelajar bukan lembut UTM bagi menangani masalah pelajar lelaki lembut di kampus ialah:-

- Sokongan keluarga dan masyarakat kampus
- Wujudkan hubungan interpersonal yang baik dengan golongan pelajar lelaki lembut
- Latihan ala ketenteraan
- Memberi galakkan supaya mereka bergiat aktif dalam bidang yang lasak seperti acara sukan, rekreasi, persatuan yang dapat menguji tahap fizikal dan mental.
- Menganjurkan program-program berbentuk ceramah, seminar atau bengkel yang membincangkan tentang masalah ini.
- Bimbingan keagamaan dan kerohanian yang berterusan.
- Memberikan khidmat kaunseling
- Lakukan pemantauan yang berterusan terhadap aktiviti mereka sama ada di dalam atau di luar kampus.
- Kuatkuasa etika berpakaian.

5.6.3 Rumusan Komen Dan Cadangan staf UTM

Dapatan kajian mendapati sebanyak 16.3% staf UTM memberikan komen negatif terhadap imej pelajar lelaki lembut. Sementara, 12% staf memberikan komen positif terhadap aspek ini. Bagaimanapun, sebahagian besar staf iaitu 71.7% tidak memberikan sebarang komen. Rumusan berikut menjelaskan pandangan dan komen staf UTM terhadap imej pelajar lelaki lembut.

- Komen Positif
 - Masih terkawal dan masih dapat dibendung.
 - Masih boleh diatasi dengan kerjasama semua pihak.
 - Fenomena lelaki lembut di UTM besar kemungkinan bersifat sementara. Mereka boleh berubah apabila berhadapan dengan dunai luar yang lebih mencabar, terutama untuk mencari pekerjaan kelak.
 - Tidak menjejaskan nama UTM.
Masyarakat tidak sewajarnya memberikan pandangan yang negatif kepada mereka.
 - Golongan ini ada di mana-mana, tidak semestinya di UTM asahaja dan mereka tiada kaitan dengan imej UTM.
 - Kehadiran pelajar lelaki lembut jika tidak dibendung di peringkat awal ia akan memberi gambaran negatif kepada UTM.
 - Perlu dibendung dengan segera.
 - Bukan masalah utama sekiranya perkara mungkar tidak berlaku di kampus UTM, yang lebih penting iman mereka yang perlu diselamatkan.
 - Tidak dalam jumlah yang membimbangkan, namun perlu diberi perhatian.
 - Fenomena semulajadi

- Komen negatif
 - Boleh terjerumus ke dalam kancuh kehinaan seperti homoseks, AIDS/HIV positif yang boleh mengancam budaya hidup sihat UTM.
 - Mencemarkan budaya dan agama.
 - Boleh memberi imej yang tidak baik kepada UTM secara keseluruhannya.
 - Menjejaskan imej sebagai sebuah IPTA.
 - Melemahkan bangsa, agama dan negara.

- Amat memalukan.
- Tidak pasti jika mereka terlibat dengan gejala sosial seperti zina, pelacuran dan sebagainya.
- Ada penampilan yang kelihatan lembut tetapi mereka bukan gay.
- Sedikit terpengaruh dengan pihak luar
- Kewujudan golongan ini adalah fenomena biasa, tetapi bilamana mereka dikaitkan dengan gejala sosial ini akan memberikan imej negatif kepada UTM.
- Selagi tidak melakukan “services” dan masih berkelakuan sebagai lelaki ia tidak mendatangkan masalah.
- Keupayaan UTM menangani masalah ini akan dipertikaikan.

2. Rumusan cadangan menangani masalah pelajar lelaki lembut

Antara cadangan yang dikemukakan oleh staf UTM bagi menangani masalah pelajar lelaki lembut ialah:-

- Pihak berkuasa UTM perlu menetapkan syarat atau peraturan tertentu bagi membendung gejala kurang sihat ini daripada menular di kalangan elit menara gading kerana mereka merupakan generasi pelapis negara pada masa akan datang.
- Memberikan khidmat bimbingan dan kaunseling yang berterusan.
- UTM perlu meningkatkan program kesedaran agama dan moral yang baik.
- Perbanyakkan penyelidikan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan fenomena ini.
- Jangan sisihkan mereka daripada masyarakat kampus.
- Kenakan tindakan disiplin jika mereka melanggar peraturan yang ditetapkan terutama dari segi etika berpakaian.
- Sediakan program ke arah pembentukan jati diri, mental dan fizikal yang berterusan yang bersifat latihan militari.
- Pensyarah patut atau memainkan role model kepada mereka, tetapi masalahnya ada pensyarah yang dikategorikan dalam golongan ini.

- Mengenalpasti mentor atau ketua mereka dalam dan luar kampus untuk mendapatkan maklumat dan kerjasama bagi mengatasi masalah lelaki lembut di kampus.
- Beri ganjaran kepada mereka yang berjaya mengubah imej diri menjadi lelaki normal.

5.7 Kesimpulan

Kajian yang dijalankan ini telah dapat mengenalpasti beberapa perkara yang berkaitan dengan kehidupan golongan pelajar lelaki lembut. Bukan sahaja dari segi jumlah pelajar yang terlibat malah kita dapat mengenalpasti ciri-ciri demografi pelajar-pelajar ini, personaliti, gaya hidup dan tahap penghargaan sendiri mereka. Hasil yang diperolehi ini menjelaskan kepada kita bahawa golongan pelajar lelaki lembut di kampus sememangnya memiliki ciri-ciri sepertimana golongan mak nyah di luar.

Hal ini sudah tentu membimbangkan banyak pihak sekiranya gejala ini tidak dibendung pada peringkat awal. Gaya hidup yang diamalkan oleh golongan ini menyimpang dari landasan kehidupan manusia biasa yang sebenar. Perasaan suka dan “cinta” terhadap pasangan sesama jenis, memberikan konotasi negatif dan sangat membimbangkan jika ia dibiarkan berterusan. Kemungkaran ini perlu dibendung segera sebelum merebak kepada penyakit sosial yang lain. Masyarakat kampus perlu bersatu untuk membantu golongan ini kembali ke pangkal jalan. Kewujudan golongan ini di kampus perlu didedahkan kepada pengetahuan umum bukan bermaksud untuk mengaibkan mereka, tetapi untuk memberi peluang kepada masyarakat kampus membuat penilaian yang sewajarnya terhadap fenomena ini dan meningkatkan kesedaran mereka terhadap nasib golongan minoriti ini. Dengan itu, golongan pelajar ini tentu tidak merasa diri mereka dipinggirkan atau disisihkan sepertimana yang mereka rasa dan alaminya sebelum ini. Di samping, masyarakat kampus dapat membuat pemantauan terhadap segala kegiatan dan aktiviti yang mereka jalankan.

Daripada kajian ini juga memang ternyata bahawa hubungan pelajar-pelajar lelaki lembut dengan masyarakat adalah sangat terbatas. Bagi mereka masyarakat kampus

hanya memandang mereka dengan pandangan yang negatif tanpa cuba mendekati mereka secara lebih dekat lagi. Keadaan ini menyebabkan mereka lebih menumpukan kepada pergaulan dan hubungan sesama kelompok mereka sahaja untuk memenuhi tuntutan sosialisasi mereka. Maka tidak hairanlah mereka boleh menubuhkan persatuan mereka sendiri untuk mengeratkan hubungan dan memudahkan mereka merancang serta melaksanakan aktiviti, tempat mereka berbincang sama ada berkaitan soal akademik, kehidupan dan masalah-masalah yang dihadapi. Golongan ini juga tidak kisah dengan penerimaan masyarakat kampus kerana bagi kebanyakan mereka selagi mereka mendapat sokongan keluarga dan rakan-rakan ia bukanlah menjadi masalah besar kepada mereka.

Justeru itu, masyarakat kampus secara keseluruhannya tidak wajar berterusan menunjukkan sikap negatif terhadap golongan ini. Sebaliknya, perlu bersikap terbuka dan pada masa yang sama boleh memainkan peranan untuk membawa mereka kepada perubahan diri secara hikmah dan toleransi. Kita tidak seharusnya mengharapkan akan berlaku perubahan yang drastik, kerana usaha ini mungkin memakan masa yang panjang kecuali bagi mereka yang benar-benar ingin berubah.

Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar di UTM mengakui bahawa mereka tidak terpengaruh dengan budaya hidup golongan pelajar ini. Sebahagian besarnya menyedari bahawa perlakuan ini salah di sisi agama. Daripada kajian ini juga didapati bahawa pelajar-pelajar tahu membezakan perkara yang baik dan buruk bagi diri mereka. Sememangnya inilah yang kita harapkan. Pelajar-pelajar seharusnya bijak dan matang dalam pergaulan, memelihara tingkah laku diri dan menjalin hubungan sosial yang baik dengan masyarakat kampus. Dengan ini, perkembangan sahsiah pelajar juga terpelihara dan tidak mudah dipengaruhi oleh orang lain.

Kewujudan pelajar lelaki lembut di kampus UTM boleh memberikan implikasi negatif terhadap imej universiti sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu dan pendidikan. Walaupun bilangan pelajar yang terlibat dalam gejala ini adalah kecil, tetapi keadaan ini tetap membimbangkan sekiranya jumlah itu semakin bertambah saban tahun. Seperti yang kita sedia maklum, pihak universiti menerima jumlah kemasukan pelajar yang ramai, dan tidak mustahil di kalangan mereka ini terdapat pelajar transeksual atau cenderung kepada ciri-ciri kewanitaan. Maka, dalam hal ini peraturan universiti perlu dilaksanakan sebaiknya. Tindakan tegas, adil dan saksama perlu dilaksanakan terhadap

mana-mana pelajar yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbir universiti termasuklah penguatkuasaan terhadap etika berpakaian di kalangan pelajar.

5.8 Cadangan Penyelidik

Usaha untuk membendung perkembangan budaya pelajar lelaki lembut di UTM, Skudai perlu dilakukan dengan kadar yang segera dan berterusan agar gejala ini tidak menular menjadi lebih serius di masa-masa akan datang. Justeru itu, cadangan-cadangan yang disarankan ini diharap akan dapat membantu pihak pentadbir universiti sebagai tindakan susulan terhadap gejala ini.

1. Wujudkan *attitude reengineering program*.
2. Perkemaskan sistem kaunseling universiti.
3. Kaunseling *on-line*
4. One stop centre di setiap kolej
5. Menempatkan kaunselor di setiap fakulti
6. Program pembimbing rakan sekuliah
7. Wajibkan mereka dalam latihan militari
8. Program konsultasi ibu bapa kepada pelajar-pelajar lelaki lembut
9. Perhatian yang serius daripada pihak pentadbiran fakulti
10. Semua pelajar lelaki diwajibkan memakai tali leher

5.9 Cadangan Pengkaji Akan Datang

Kajian-kajian seperti ini wajar diteruskan dan pengkaji-pengkaji akan datang dicadangkan agar dapat mengkaji secara mendalam isu-isu berkaitan dengan gejala pelajar lelaki lembut di UTM. Di sini, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan untuk pengkaji-pengkaji lain yang berminat menjalankan kajian lanjutan terhadap isu ini iaitu:-

1. Pengaruh sekolah kepada pembentukan tingkah laku lembut di kalangan pelajar-pelajar lelaki. Satu kajian perbandingan antara sekolah menengah harian dan sekolah menengah berasrama penuh.
2. Personaliti, *self-esteem* dan pencapaian akademik pelajar lelaki lembut di IPTA.

5.10 Masalah Kajian

Pengkaji menghadapi masalah yang agak rumit untuk mendapatkan kerjasama daripada responden terutamanya di kalangan staf UTM. Ada sesetengahnya yang sukar untuk memberikan kerjasama membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Kerumitan ini menyebabkan proses untuk pengedaran dan pengumpulan data terjejas dan mengambil masa yang lama untuk disiapkan.

5.11 Penutup

Fenomena pelajar lelaki lembut di institusi pengajian tinggi sama ada IPTA atau IPTS dilihat sebagai satu bentuk gejala sosial yang wajar diberi perhatian serius oleh semua pihak. Perkara yang lebih membimbangkan ialah dari segi peningkatan jumlah pelajar yang terlibat dalam gejala ini dikatakan semakin bertambah dan lebih mendukacitakan kebanyakan mereka dari kalangan lelaki Islam. Sedangkan sudah jelas dan nyata bahawa perlakuan ini sama sekali dilarang dan dilaknat oleh Allah swt.

Tindakan segera perlu diambil bagi membendung gejala tidak bermoral ini daripada terus berleluasa di masa-masa akan datang. Semua pihak perlu mengikis budaya sikap 'tunggu dan lihat' untuk membuat sebarang tindakan dan menunding jari antara satu sama lain apabila fenomena ini sudah tidak terkawal lagi. Di samping itu, masyarakat kampus harus bersikap terbuka dan tidak berterusan memandang rendah atau jijik kepada golongan ini kerana mereka juga manusia biasa yang tidak terlepas daripada melakukan kesilapan. Hinaan, cacian dan ejekan hanya memburukkan lagi keadaan. Perkara yang sangat penting ialah membantu dan membimbing mereka ke jalan yang benar dengan cara yang sebaiknya kerana mungkin ada di antara mereka yang ingin berubah tetapi tidak tahu bagaimana caranya.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Jalil Borham et al. (1997). "Program Pembangunan Sahsiah Pelajar dan Pelaksanaannya di IPT di Malaysia." Universiti Teknologi Malaysia: Kajian Jangka Pendek.
- Amer Shakir Zainol. (2003). "Konsep Kendiri."
<http://myschoolnet.ppk.kpm.my/kaunseling/kkendiri.htm>.(13.3.2003)
- Berhati-hati tangani fenomena lelaki lembut. 2003. *Berita Harian*, 28 Julai: C3.
- Bullough, V.L. "Transgenderism and The Concept of Gender."
<http://www.symposion.com/ijt/gilbert/bullough.htm>. (6.9.2003)
- Feldman. R.S. (1996). "Understanding Psychology." United State of America : McGraw Hill.
- Ferner, J.D. (1979). "Successful Time Management." New York: John Wiley & Sons
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub. (2002). "Psikologi Personaliti." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hamdan Abdul Kadir. (2003). "Modul Pembentukan Personaliti Di Kalangan Pelajar Lelaki Lembut." Universiti Teknologi Malaysia: Tidak diterbitkan.
- Hasnan Kasan dan Ahmad Rafizi Salleh. (2002). "Transeksualiti: Persepsi Masyarakat Merentasi Agama dan Jantina: Satu Kajian di UKM." Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka
- Haynes, M.E. (1989). "Make Every Minute Count: How to Manage Your Time Effectively." London: Crisp Publication
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2002). "Psikologi Kanak-kanak & Remaja." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Md Ali Sabrini. (2002). "Fenomena Transeksual dari Pandangan Islam." Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka
- Khairuddin Yusof. (1987). "Social and Health Review of Transsexuals." Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Mak Nyah Ke Arah Menentukan Identiti dan Status Mak Nyah dalam Masyarakat, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lukman Z. Mohamad. (2002). "Lelaki Transeksual dan Pelacuran Nyah di Malaysia: Sejauhmanakah Pertaliannya." Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka

- Lukman Z. Mohamad dan Zuriana Zahrin. (2002). "Fenomena Pelacuran Remaja di Malaysia." dlm. Lukman et al. (ed). *Keluarga, Gender dan Cabaran Sosial* di Malaysia. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). "Pengantar Psikologi: satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Marcic, D. Et al. (2001). "Organizational Behavior: Experiences and cases." 6th edition, United State of America : South-Western College Publishing
- Mohd Salleh Lebar. (1999). "Asas Psikologi Perkembangan." Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors
- Mohd. Tajudin Ninggal. (2003). "Transeksualisme & Hubungannya dengan Kecelaruhan Gender dari Perspektif Psikologi." Kertas Kerja dibentang dalam Seminar Transeksualiti. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd. Tajudin Ninggal. (2001). "Terapi Pengurusan Kecelaruhan Gender Berasaskan DSM-IV: Suatu Diagnosis Ringkas Menggunakan Pendekatan 'Non-Traditional'." Kertas Kerja dibentang dalam Konvensyen PERKAMA ke 10: Kaunseling Kecelaruhan Gender. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Yusman Awang, Muhd. Izhar Abu Samah dan Zamri Rambli. 2004. Laporan khas hidup sebagai mak nyah. *MASSA*, Februari: 25-38.
- Neumann, K., Welzel, C., & Berghaus, A. (2002). "Cricothyroidopexy in Male-to-Female-Transsexuals – Modification of Thyroplasty Type IV." http://www.symposion.com/ijt/ijtvo06no01_03.htm.(6.9.2003)
- Nooh Gadot. (2003). "Kedudukan Mak Nyah dalam Islam." Kertas Kerja dibentang dalam Seminar Transeksualiti. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Noor Aziah Mohd Awal. (2002). "Dasar, Polisi dan Peraturan Negara & Universiti Berkaitan Isu Transeksualiti." Kertas Kerja dibentang dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka
- Nor Ba'ayah Abdul Kadir & Yahaya Mahamood. (2002). "Pembangunan *Loose* Personaliti dan Gangguan Seksual di Kalangan Pelajar Transeksual: Temubual Personal dan Kumpulan Fokus." Kertas Kerja dibentang dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka
- Rachlin, K. (2002). " Transgender Individuals' Experiences of Psychotherapy." http://www.symposion.com/ijt/ijtvo06no01_04.htm.(6.9.2003)
- Rahana Md. 2002. "Fenomena transeksualiti – perlu ditangani bersama." *Utusan Online*, 19 Julai. <http://www.yahoo.com.my>.

- Rajmah Hasan Shirat. 2003. "Pensyarah lelaki lembut punca ramai pelajar lembut di IPT." *Utusan Online*, 12 Julai. <http://www.yahoo.com.my>.
- Rajmah Hasan Shirat. 2003. "Pelajar lelaki 'lembut,- Benarkah guru wanita punca masalah". *Utusan Online*, 18 Julai. <http://www.yahoo.com.my>.
- Roseliza Murni Ab. Rahman. (2002). "Transeksualiti Dari Segi Psikologi, Sosiologi dan Fisiologi." Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka
- Saniah Sayuti et al. (2000). "Modul Pengajaran Psikologi Pendidikan." Johor : Cetak Ratu Sdn Bhd.
- Shaffer, D.R. (2002). "Social and Personality Development." United State of America: Wadsworth
- Sofiah Zakaria. (1999). "Tahap Konsep Kendiri di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Berasrama Penuh." <http://www2.moe.gov.my/~mpp/safiah.htm>_(13.3.2003)
- Tangprincha, V., Afdhal, N.H. & Chipkin, S.R. (2001). "Case Report: Autoimmune Hepatitis in Male-to-Female Transsexual Treated with Conjugated Estrogens." http://www.symposion.com/ijt/ijtvo05no03_03.htm_(6.9.2003)
- Yik Koon Teh. (2001). "Mak Nyahs (male transsexuals) in Malaysia: The Influence of Culture and Religion on Their Identity." http://www.symposion.com/ijt/ijtvo05no03_04.htm_(6.9.2003)
- Yik Koon Teh. (1998). "Understanding The Problems of Mak Nyahs (male transsexuals) in Malaysia." *South East Asia Research*, 6(2): 165-180.
- Wan Azmi Ramli. (1998). "Petaka Abad Ke-21." Kuala Lumpur : Golden Books Centre Sdn.Bhd.
- Winter, S. & Udomsak, N. (2002). "Male, Female and Transgender: Stereotypes and Self in Thailand." http://www.symposion.com/ijt/ijtvo06no01_04.htm_(6.9.2003)
- Yohan Kurniawan & Aminuddin Md Yusof. (2002). "Pengalaman Sosialisasi dan Analisis Ekspresi Diri Pelajar Transeksual: Satu Kajian Kes." Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka.

LAMPIRAN 2**BAHAGIAN A : DEMOGRAFI RESPONDEN**

Sila jawab semua soalan.

Sila tandakan (\surd) pada petak yang berkenaan.

1. Bangsa

Melayu

Cina

India

Lain-lain

2. Agama

Islam

Buddha

Hindu

Kristian

Lain-lain

3. Umur : tahun

4. Tahun Pengajian :

5. Jantina

Lelaki

Perempuan

BAHAGIAN B

Sila bulatkan angka yang sesuai mengikut skala 1-5 dalam penilaian anda:

Skala:	1	2	3	4	5					
	(STS) Sangat Tidak Setuju	(TS) Tidak Setuju	(KS) Kurang Setuju	(S) Setuju	(SS) Sangat Setuju	STS	TS	KS	S	SS
6.	Pelajar lelaki lembut mampu mempengaruhi pelajar lain untuk menjadi pelajar lelaki lembut.					1	2	3	4	5
7.	Saya tahu perlakuan pelajar lelaki lembut menyalahi ajaran agama.					1	2	3	4	5
8.	Pelajar lelaki lembut terlalu mengikut perasaan untuk menjadi wanita.					1	2	3	4	5
9.	Pelajar lelaki lembut mudah terpengaruh dengan keadaan persekitaran.					1	2	3	4	5
10.	Pelajar lelaki lembut mempunyai kaitan dengan persatuan mak nyah di luar kampus.					1	2	3	4	5
11.	Kewujudan pelajar lelaki lembut menjadikan saya lebih peka kepada isu-isu feminin/meskulin.					1	2	3	4	5
12.	Pelajar lelaki lembut sangat <i>up-to-date</i> dengan perkembangan fesyen.					1	2	3	4	5
13.	Pelajar lelaki lembut seorang yang bijak dalam akademik.					1	2	3	4	5
14.	Pelajar lelaki lembut sering diberi tafsiran atau pandangan yang salah.					1	2	3	4	5
15.	Pelajar lelaki lembut sebenarnya seorang yang baik dan berdisiplin serta rajin.					1	2	3	4	5
16.	Pelajar lelaki lembut sering mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan.					1	2	3	4	5
17.	Semua warga kampus harus menerima kewujudan pelajar lelaki lembut kerana mereka juga manusia biasa.					1	2	3	4	5
18.	Saya suka melihat cara pelajar lelaki lembut berpakaian.					1	2	3	4	5

19. Pelajar lelaki lembut suka menonjolkan diri untuk menarik perhatian umum.	1	2	3	4	5
20. Pelajar lelaki lembut akan memberi imej yang buruk kepada UTM.	1	2	3	4	5
21. Pelajar lelaki lembut gagal belajar dengan baik.	1	2	3	4	5
22. Kewujudan pelajar lelaki lembut menjadikan saya lebih rajin belajar.	1	2	3	4	5
23. Pelajar lelaki lembut sukar untuk dibawa kembali ke pangkal jalan.	1	2	3	4	5
24. Pelajar lelaki lembut harus dipinggirkan dari masyarakat kampus.	1	2	3	4	5
25. Pelajar lelaki lembut sukar untuk didekati.	1	2	3	4	5
26. Pelajar lelaki lembut hanya suka bergaul sesama mereka sahaja.	1	2	3	4	5
27. Saya suka berkawan dengan pelajar lelaki lembut.	1	2	3	4	5
28. Saya suka melihat perwatakan pelajar lelaki lembut.	1	2	3	4	5
29. Saya sering berbincang tentang isu semasa dengan pelajar lembut.	1	2	3	4	5
30. Saya selalu berbincang tentang tugas dengan pelajar lembut.	1	2	3	4	5
31. Saya suka duduk di sebelah pelajar lelaki lembut semasa dalam bilik kuliah.	1	2	3	4	5
32. Saya sering bertukar-tukar nota kuliah dan buku akademik dengan pelajar lelaki lembut.	1	2	3	4	5
33. Saya lebih suka membuat kumpulan tugas dengan pelajar lelaki lembut.	1	2	3	4	5
34. Pelajar lelaki lembut adalah berfikiran terbuka.	1	2	3	4	5
35. Saya suka keluar bersiar-siar dengan pelajar lelaki lembut.	1	2	3	4	5
36. Pelajar lelaki lembut sering mengunjungi saya di rumah atau di bilik.	1	2	3	4	5
37. Saya gemar dengan gaya pertuturan pelajar lelaki lembut kerana menampakkan ciri-ciri kesopanan.	1	2	3	4	5

- | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 38. Gerak geri dan cara berjalan pelajar lelaki lembut sesuatu yang unik dan berseni. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 39. Pelajar lelaki lembut sering meluahkan emosi dan masalahnya kepada saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 40. Pelajar lelaki lembut seorang yang pemurah kerana mudah membantu rakan-rakan yang dalam kesempitan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

41. Berikan pandangan anda tentang pengaruh pelajar lelaki lembut terhadap pelajar-pelajar lain.

- i. _____

- ii. _____

- iii. _____

42. Berikan cadangan anda tentang bagaimana cara untuk mengatasi masalah pelajar lelaki lembut di UTM.

- i. _____

- ii. _____

- iii. _____

LAMPIRAN 3

BAHAGIAN A : DEMOGRAFI RESPONDEN

Sila jawab semua soalan.

Sila tandakan (\checkmark) pada petak yang berkenaan.

1. Jantina

Lelaki	
Perempuan	

2. Umur

Kurang 20 tahun	
20 hingga 30 tahun	
31 hingga 40 tahun	
41 hingga 50 tahun	
51 tahun ke atas	

3. Tahap pendidikan tertinggi

SRP	
SPM	
STPM	
Diploma	
Ijazah	

4. Jawatan

Staf akademik	
Staf pentadbiran	
Staf sokongan	

5. Bahagian :

6. Tempoh perkhidmatan

Kurang 5 tahun	
5 hingga 10 tahun	
11 hingga 15 tahun	
Lebih 15 tahun	

BAHAGIAN B

Sila bulatkan angka yang sesuai mengikut skala 1-5 dalam penilaian anda:

Skala:	1	2	3	4	5					
	(STS) Sangat Tidak Setuju	(TS) Tidak Setuju	(KS) Kurang Setuju	(S) Setuju	(SS) Sangat Setuju	STS	TS	KS	S	SS
7.	Pelajar lelaki lembut merupakan lelaki yang bersifat lemah lembut atau mempunyai kelembutan yang mirip kepada wanita.					1	2	3	4	5
8.	Pelajar lelaki lembut termasuk dalam gejala sosial.					1	2	3	4	5
9.	Kewujudan pelajar lelaki lembut di kampus merupakan fenomena semulajadi.					1	2	3	4	5
10.	Pelajar lelaki lembut mampu mempengaruhi pelajar lain untuk menjadi pelajar lembut.					1	2	3	4	5
11.	Pelajar lelaki lembut mempunyai kaitan dengan persatuan mak nyah di luar kampus.					1	2	3	4	5
12.	Perlakuan pelajar lelaki lembut menyalahi ajaran agama.					1	2	3	4	5
13.	Kewujudan pelajar lelaki lembut disebabkan oleh wujudnya staf lelaki yang lembut.					1	2	3	4	5
14.	Kebebasan mengamalkan cara hidup yang diberikan oleh UTM merangsang wujudnya pelajar lelaki lembut.					1	2	3	4	5
15.	Kehadiran pelajar lelaki lembut kurang disenangi oleh staf wanita.					1	2	3	4	5
16.	Kehadiran pelajar lelaki lembut disenangi oleh staf lelaki					1	2	3	4	5
17.	Pelajar lembut memiliki persatuan mereka sendiri di kampus.					1	2	3	4	5
18.	UTM sentiasa mengambil berat tentang masalah kewujudan pelajar lelaki lembut.					1	2	3	4	5
19.	UTM pernah mengadakan forum atau seminar yang membincangkan kesan baik buruk kewujudan pelajar lelaki lembut.					1	2	3	4	5
20.	Kaunseling harus diberikan kepada golongan pelajar lelaki lembut.					1	2	3	4	5

21. Pihak UTM perlu menetapkan satu peraturan khusus bagi menangani gejala pelajar lelaki lembut di kampus.	1	2	3	4	5
22. Gejala pelajar lelaki lembut di UTM masih boleh dibendung.	1	2	3	4	5
23. Pelajar lelaki lembut boleh dipulihkan semula menjadi lelaki normal jika mendapat sokongan keluarga dan rakan-rakan.	1	2	3	4	5
24. UTM tidak pernah menghalang wujudnya budaya pelajar lelaki lembut menyebabkan bilangannya semakin bertambah.	1	2	3	4	5
25. Kewujudan pelajar lelaki lembut di UTM menyebabkan orang luar memberikan tanggapan negatif kepada pelajar-pelajar lain.	1	2	3	4	5
26. Pelajar lembut sangat kuat berpersatuan dikalangan mereka dan sering menjalankan aktiviti mereka sendiri.	1	2	3	4	5
27. Penampilan pelajar lelaki lembut yang keterlaluan telah menjatuhkan imej kaum lelaki.	1	2	3	4	5
28. UTM dikenali dengan kewujudan pelajar lelaki lembut.	1	2	3	4	5

29. Komen anda tentang imej pelajar lelaki lembut terhadap UTM.

- i. _____

- ii. _____

- iii. _____

30. Cadangan anda untuk menangani masalah pelajar lelaki lembut di UTM.

- i. _____

- ii. _____

- iii. _____

LAMPIRAN 1**BAHAGIAN A : MAKLUMAT PERIBADI**

Sila jawab semua soalan.

Sila tandakan (\surd) pada petak yang berkenaan.

1. Bangsa :

Melayu	<input type="checkbox"/>
Cina	<input type="checkbox"/>
India	<input type="checkbox"/>
Lain-lain	

2. Agama :

Islam	<input type="checkbox"/>
Hindu	<input type="checkbox"/>
Buddha	<input type="checkbox"/>
Lain-lain	

3. Fakulti/Kursus :

4. Umur :

5. Tahun Pengajian :

6. Pekerjaan Bapa :

7. Pekerjaan Ibu :

8. Sekolah Terakhir :

9. Bilangan adik-beradik :

10. Anak keberapa dalam keluarga :

11. Bilangan anak Perempuan dalam keluarga :

BAHAGIAN B : INVENTORI PERSONALITI

Arahan: Untuk setiap item di bawah, bulatkan 'a' atau 'b'. Jika anda berpendapat kedua-duanya betul, bulatkan mana yang paling sesuai dengan diri anda. Anda hanya dibenarkan memilih satu jawapan sahaja.

Ruang Jawapan

1. Saya lebih suka
 - a. menyelesaikan masalah baru dan rumit. a
 - b. membuat sesuatu perkara yang pernah dilakukan dahulu. b

2. Saya suka untuk
 - a. belajar sendiri di tempat yang sunyi. a
 - b. belajar secara berkumpulan. b

3. Saya memerlukan
 - a. seseorang yang berpengaruh untuk membuat keputusan. a
 - b. menimbang keperluan individu apabila membuat keputusan. b

4. Apabila saya membuat satu tugas, saya
 - a. akan melakukannya sehingga selesai. a
 - b. selalu terbuka untuk menerima perubahan. b

5. Apabila membuat keputusan, pertimbangan yang paling utama diletak pada
 - a. idea dan fakta yang rasional. a
 - b. perasaan dan nilai seseorang. b

6. Dalam sesuatu tugas, saya akan
 - a. berfikir berulang kali sebelum membuat keputusan. a
 - b. memulakan kerja dahulu, kemudian baru berfikir. b

7. Apabila menjalankan suatu tugas, saya akan
- a. mengekalkan kawalan sebaik mungkin. a
 - b. meneroka pelbagai pilihan. b
8. Dalam kerja saya lebih suka
- a. melakukan seberapa banyak kerja dalam satu masa dan belajar sebanyak yang boleh daripadanya. a
 - b. menjalankan satu tugas yang mencabar sahaja. b
9. Saya selalu
- a. merancang sebelum membuat sesuatu perkara dan tidak suka untuk mengubahnya. a
 - b. mengelakkan perancangan. b
10. Apabila berbincang masalah dengan rakan, saya lebih suka untuk
- a. melihat masalah secara keseluruhan. a
 - b. fokus kepada situasi yang lebih spesifik. b
11. Apabila telefon berbunyi, saya akan
- a. menganggapnya sebagai satu gangguan. a
 - b. menjawabnya. b
12. Saya adalah seorang yang suka
- a. memikirkan sesuatu secara mendalam. a
 - b. memahami perasaan orang lain. b
13. Apabila membuat satu tugas, saya lebih suka
- a. bekerja secara konsisten. a
 - b. bekerja dengan bersungguh-sungguh. b

14. Apabila saya mendengar seseorang bercakap mengenai sesuatu, saya biasanya akan cuba

- a. mengaitkannya dengan pengalaman sendiri.
- b. menilai dan menganalisis mesej tersebut.

 a b

15. Apabila saya mempunyai idea baru, saya akan

- a. melakukannya.
- b. mempertimbangkannya.

 a b

16. Apabila menjalankan satu tugas, saya lebih suka

- a. sempitkan skop supaya ia lebih jelas.
- b. memperluaskan skop untuk memasukkan aspek yang berkaitan.

 a b

17. Apabila saya membaca sesuatu, saya biasanya

- a. fokus kepada apa yang tertulis.
- b. membaca dengan teliti dan mengaitkannya kepada idea yang lain.

 a b

18. Apabila saya hendak membuat keputusan dengan cepat, saya biasanya

- a. mengharapkan kepada maklumat yang lebih banyak.
- b. puas hati dengan maklumat yang sedia ada.

 a b

19. Dalam perbincangan, saya lebih suka

- a. menambah idea apabila berhujah.
- b. menghujahkan sahaja apa yang telah difikirkan.

 a b

20. Semasa saya melakukan sesuatu aktiviti, saya lebih suka menghabiskan masa dengan isu yang berkaitan

- a. idea.
- b. manusia.

 a b

21. Dalam perbincangan, saya berasa marah pada orang yang
- a. mengeluarkan idea yang terlalu ringkas. a
 - b. memanjangkan masa perbincangan dengan banyak maklumat. b
22. Saya seorang yang suka melakukan aktiviti pada waktu
- a. siang. a
 - b. malam. b
23. Apakah cara penyediaan perbincangan anda?
- a. saya sedia untuk mengendali perbincangan pada bila-bila masa. a
 - b. saya suka untuk membuat persediaan yang cukup. b
24. Dalam perbincangan, saya suka pada orang yang
- a. beremosi. a
 - b. berorientasikan tugas. b
25. Saya lebih suka bekerja untuk organisasi yang dapat
- a. memberi rangsangan intelek kepada saya. a
 - b. memenuhi matlamat dan misi saya. b
26. Pada hujung minggu, saya lebih suka
- a. merancang apa yang perlu dilakukan. a
 - b. melihat apa yang berlaku dan membuat keputusan kemudian. b
27. Saya lebih suka
- a. bersosial. a
 - b. berdikari. b

28. Saya suka bekerja dengan seseorang yang

a. penuh dengan idea baru.

b. menunjukkan teladan secara praktikal.

Bagi soalan 29 hingga 32, pilih perkataan yang paling sesuai berdasarkan sifat anda.

29. a. Saya pandai bersosial.

b. Saya seorang yang bersifat teoritikal.

30. a. Saya seorang yang suka berpura-pura.

b. Saya seorang yang praktikal.

31. a. Saya seorang yang pandai mengurus diri.

b. Saya mampu menyesuaikan diri dalam semua keadaan.

32. a. Saya seorang yang aktif.

b. Saya memberi penumpuan sepenuhnya kepada sesuatu perkara.

BAHAGIAN C: GAYA HIDUP

Sila tandakan (√) pada petak yang bersesuaian terhadap item gaya hidup di bawah ini.

BIL	ITEM	YA	TIDAK
1	Saya menyukai kaum sejenis.		
2	Pasangan saya merestui serta menyokong jalan kehidupan yang saya pilih sekarang ini.		
3	Saya tidak tertarik kepada perempuan.		
4	Saya cepat rasa sensitif atau mudah tersentuh.		
5	Saya mudah emosi dan menangis.		
6	Sejak dilahirkan saya mempunyai perwatakan yang lemah lembut.		
7	Saya merasa lebih selesa menjalani kehidupan sebagai wanita.		
8	Saya mendapat kepuasan dengan menjalani kehidupan sebagai seorang wanita.		
9	Naluri saya untuk menjadi perempuan adalah sangat tinggi.		
10	Saya ghairah meniru gaya serta sifat seorang wanita.		
11	Saya suka menggoda lelaki.		
12	Saya memastikan diri kelihatan menarik di mata lelaki.		
13	Ketrampilan saya anggun dan jelita.		
14	Saya suka berhias dan berdandan.		
15	Saya hanya bergaul dengan mereka yang mempunyai naluri yang sama dengan saya.		
16	Saya banyak dipengaruhi oleh rakan saya yang bersifat lembut.		
17	Rakan saya yang lembut banyak memberi pengaruh terhadap saya.		
18	Saya lebih banyak berkomunikasi dengan mereka yang berperwatakan lembut.		
19	Saya aktif dalam persatuan yang mewakili kelompok saya.		
20	Saya lebih berminat untuk menyertai kelompok lelaki lembut daripada lelaki normal.		
21	Saya mempunyai seorang idola lelaki lembut di kampus ini.		
22	Kemewahan hidup merupakan matlamat saya.		
23	Saya sukakan kemewahan hidup.		
24	Kehidupan lembut saya ini memudahkan saya untuk mendapatkan wang.		
25	Saya sanggup membeli barangan persolekan yang mahal.		
26	Saya mengkagumi gaya hidup lelaki lembut (transeksual) di barat.		
27	Media massa banyak memberi saya ruang untuk mengetahui segala perkembangan dunia lelaki lembut.		
28	Saya mengikuti perkembangan dunia fesyen wanita.		
29	Perkembangan dunia fesyen wanita banyak memperbaharui penampilan saya.		
30	Saya menganggap kehidupan lelaki lembut adalah normal.		
31	Saya kurang berminat membicarakan soal kematian dan kerohanian.		
32	Kadang-kala saya sering tertinggal solat.		
33	Bagi saya manusia bebas untuk menjalani kehidupan yang mereka pilih.		

BAHAGIAN D : SELF ESTEEM

Sila bulatkan angka yang sesuai mengikut skala 1-5 dalam penilaian anda:

Skala:	1 (STS) Sangat Tidak Setuju	2 (TS) Tidak Setuju	3 (KS) Kurang Setuju	4 (S) Setuju	5 (SS) Sangat Setuju					
				STS	TS	KS	S	SS		
1. Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan diri saya sendiri.				1	2	3	4	5		
2. Pada masa tertentu, saya merasakan saya tidak baik sama sekali.				1	2	3	4	5		
3. Saya rasa saya mempunyai beberapa kriteria yang berkualiti.				1	2	3	4	5		
4. Saya boleh melakukan perkara sebagaimana yang orang lain boleh lakukan.				1	2	3	4	5		
5. Saya rasa tidak mempunyai apa-apa yang boleh dibanggakan.				1	2	3	4	5		
6. Kadang-kadang saya rasa tidak berguna.				1	2	3	4	5		
7. Saya seorang yang berguna sama seperti orang lain.				1	2	3	4	5		
8. Saya berharap saya lebih menghormati diri saya.				1	2	3	4	5		
9. Secara keseluruhan, saya seorang yang gagal.				1	2	3	4	5		
10. Saya berpandangan positif terhadap diri saya.				1	2	3	4	5		

11. Apakah faktor yang mendorong anda berminat untuk menjadi lelaki lembut?

i. _____

ii. _____

iii. _____

12. Apakah pandangan anda tentang penerimaan masyarakat kampus terhadap diri anda?

i. _____

ii. _____

iii. _____
